

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 9

Isnin

14 Ogos 2017

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA:

Ahli-ahli Yang Mengangkat Sumpah di Luar Dewan	(Halaman 1)
Memperkenankan Akta-akta	(Halaman 2)
Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 2)

URUSAN MESYUARAT	(Halaman 3)
-------------------------	-------------

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 4)
---	-------------

USUL: Usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri di Bawah P.M. 70	(Halaman 26)
--	--------------

RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017	(Halaman 27)
Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2017	(Halaman 70)
Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017	(Halaman 85)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA**

Isnin, 14 Ogos 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

AHLI-AHLI YANG MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

5 Jun 2017

- (i) Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian
- (ii) Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki
- (iii) Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias
- (iv) Yang Berhormat Senator Tuan Zahari bin Sarip

5 Julai 2017

- (i) Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung
- (ii) Yang Berhormat Senator Dato' Chai Kim Sen

17 Julai 2017

- (i) Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif

21 Julai 2017

- (i) Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad bin Mustafa

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu KeBawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (2016) 2017;
2. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2017;
3. Akta Mahkamah (Kaedah-kaedah Permulaan Tindakan Sivil) 2017;
4. Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2017;
5. Akta Kebankrapan (Pindaan) 2017;
6. Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017;
7. Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 2017;
8. Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2017;
9. Akta Perdagangan Strategik (Pindaan) 2017;
10. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2017;
11. Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017
12. Akta Cukai Pelancongan 2017; dan
13. Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2017.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“10 Ogos 2017”

Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. DR10/2017 Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017;
2. DR15/2017 Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017;

3. DR16/2017 Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2017;
4. DR 7/2017 Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2017;
5. DR24/2017 Rang Undang-undang Akses Kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017;
6. DR18/2017 Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (Pindaan) 2017;
7. DR19/2017 Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2017;
8. DR25/2017 Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 2017;
9. DR26/2017 Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Agen Harta Tanah (Pindaan) 2017;
10. DR20/2017 Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Pindaan) 2017;
11. DR23/2017 Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pindaan) 2017;
12. DR21/2017 Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Pindaan) 2017;
13. DR22/2017 Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Pindaan 2017);
14. DR28/2017 Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 2017;
15. DR 13/2017 Rang Undang-undang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017
16. DR33/2017 Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian (Pindaan) 2017;
17. DR17/2017 Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2017;
18. DR31/2017 Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2017;
dan
19. DR30/2017 Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Pindaan) 2017

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

■1010

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin]:

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2), saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Setiausaha.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Sri Khairudin Samad** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan, apakah bentuk kawalan yang diambil pihak kementerian bagi mengatasi masalah kewujudan syarikat pelancongan tidak berdaftar terutamanya yang menyediakan pakej umrah yang dilihat mengambil kesempatan terhadap pengguna.

Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin]:

Tuan Yang di-Pertua, permintaan yang tinggi oleh rakyat Malaysia dari segi untuk mendapatkan perkhidmatan umrah ini semakin tinggi. Daripada tahun 2009, hanya 90,000 sahaja jemaah yang menggunakan perkhidmatan untuk pergi umrah tetapi daripada November hingga ke bulan Ramadan 2017, angkanya hampir 240,000 yang melibatkan transaksi lebih daripada RM1 bilion.

Ini merupakan antara faktor yang mana munculnya pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan cuba mengambil kesempatan dengan menipu dan memperdayakan orang awam dengan melalui penjualan pakej umrah palsu. Maka pihak kementerian sentiasa prihatin dan juga memantau aktiviti penjualan pakej umrah dan ziarah di Malaysia dan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan yang keras terhadap kesalahan-kesalahan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 khususnya yang melibatkan kes penipuan dan penjualan pakej umrah palsu.

Antara langkah-langkah kawalan yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian bagi mengatasi masalah kewujudan syarikat pelancongan yang tidak berdaftar termasuklah yang menawarkan pakej-pakej umrah di media cetak dan juga media elektronik adalah dengan melaksanakan aktiviti pemantauan dan juga penguatkuasaan.

Bagi memerangi penyebaran iklan pakej umrah palsu, pihak kementerian sentiasa memantau iklan-iklan berkaitan umrah dan ziarah khususnya pengiklanan yang dilakukan di media elektronik seperti di laman *web*, *blog*. Hari ini kita tengok dalam *Instagram* sewenang-wenangnya kita mendapat penawaran ataupun mereka menawarkan pakej-pakej pelancongan dan juga umrah.

Begitu juga dengan penyebaran iklan-iklan pakej murah dan ziarah yang palsu. Hasil pemantauan tersebut, pihak kementerian telah pun bekerjasama dengan pihak SKMM untuk mengambil tindakan dan juga mengenal pasti bagi menghalang laman *web*, *blog* dan juga *page* di media sosial individu atau pun syarikat yang tidak berlesen dengan pihak kementerian dari menjalankan umrah dan juga ziarah ini daripada terus beroperasi.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian juga turut melaksanakan serbuan ke atas premis-premis yang disyaki menjadi tempat operasi syarikat-syarikat agensi pelancongan yang tidak berlesen. Serbuan-serbuan ini hasil daripada maklumat orang awam dan juga risikan serta siasatan lanjut daripada pihak kementerian sendiri terhadap suspek. Selain daripada dikenakan kompaun, kes ini turut dibawa ke mahkamah untuk mereka bicarakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian juga telah mewujudkan satu badan bertindak khusus iaitu Majlis Kawal Selia Umrah untuk kita bersama-sama, bukan hanya pihak kementerian tetapi hasil daripada NGO dan juga agensi-agensi yang terbabit sebanyak 13 mereka yang terlibat bagi melaksanakan beberapa inisiatif bagi memerangi pakej penipuan umrah ini.

Antaranya dengan pendekatan dengan mengenakan harga siling iaitu RM4,900 bagi tempoh 12 hari 10 malam. Ini adalah indikator mudah dan juga panduan orang awam membeli pakej umrah ini dan supaya mereka tidak tersasar daripada pakej umrah yang kadang-kadang ditawarkan baru-baru ini, tahun lepas ada pakej umrah ditawarkan pakej umrahnya RM3,500 tetapi yang *balance* nya akan ada individu yang bayar. Itu pun jangan percaya.

Keduanya, mengeluarkan arahan berhubung dengan pelantikan ejen atau wakil syarikat kepada pihak industri pelancongan. Tidak boleh melantik kecuali kakitangan syarikat. Contohnya di kampung-kampung. Ada di masjid-masjid mereka mengenakan okey, pak aji dapat cari 10 orang saya bagi dua *free*. Ini pun tidak boleh. Ini yang banyak, apabila dia bayar dekat pak aji yang duit tidak sampai. Ini kes-kes yang kita dapat.

Ketiganya, melaksanakan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan, pengendalian jemaah umrah di lapangan terbang KLIA dan juga KLIA2 semasa musim umrah. Aktiviti pemantauan penguatkuasaan ini juga untuk memastikan para pengendali terlibat dengan jemaah Malaysia yang berlesen memenuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak kementerian dan perjalanan jemaah umrah diuruskan dengan baik.

Kita juga bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dalam mengenal pasti syarikat penerbangan yang menawarkan *charter flight* bagi tujuan umrah yang diperakui oleh pihak kerajaan. Ini kerana, ada pihak syarikat yang sudah menjual pun pakej, dia jual pakej tetapi sebenarnya *landing right* pun tidak dapat. Ini kena hati-hati sebab dia jual pakej, orang pun sudah beli. Sebenarnya kapal terbang itu pun tidak wujud, tidak ada kebenaran pun dengan pihak Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM). Jadi ini yang kita harus tengok dan juga hati-hati.

Seterusnya pelaksanaan kempen kesedaran umrah dengan melibatkan orang awam dan juga pihak-pihak PBT dan sebagainya untuk kita memberikan makluman kepada orang ramai. Kita bekerjasama dengan pihak PDRM, dengan pihak KPDNKK dan juga dapat meningkatkan kefahaman dan juga orang ramai pun tahu tentang gejala penipuan umrah ini. Kementerian juga sentiasa menghebahkan isu penipuan umrah ini dan surat khabar, radio dan juga di sosial media supaya orang ramai turut sentiasa berwaspada. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Sri Khairudin Samad: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang kita tahu, kita sudah sampai Tuan Yang di-Pertua sudah sampai ke Mekah. Mereka yang belum sampai ini kita boleh ambil tindakan di sini. Saya hendak tahu sekarang, apa akan terjadi kepada mereka yang sudah pun berada di tanah suci? Adakah mereka boleh membuat sesuatu apabila sampai di sana baru tahu bahawa mereka kena tipu, baru tahu bahawa pakej ini seperti contohnya dijanjikan hotel yang 100 meter sahaja tetapi dia kena berjalan sampai 500 meter atau satu kilometer. Ini kerana kenderaan tidak disediakan.

Ataupun dijanjikan kenderaan seperti GMC tetapi apabila sampai di sana, GMC pun tidak ada. Ini semua pembohongan-pembohongan yang berlaku, dan apakah tindakan yang boleh diambil oleh jemaah sewaktu berada di tanah suci? Terima kasih.

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan ini cukup baik dan ia selalu menjadi tanda tanya kepada pihak jemaah apabila mereka kali pertama menjalankan

ibadah umrah yang mana dijanjikan macam Yang Berhormat katakan tadi dijanjikan 100 meter contohnya. Akan tetapi apabila sampai di sana, bukan 100 meter, satu kilometer. Ini adalah bentuk-bentuk janji yang tidak memenuhi sebagaimana yang telah dijanjikan. Dia boleh membuat laporan kepada pihak KPDNKK melalui Tribunal Pengguna yang mana ia melibatkan kes jenayah *consumer* yang mana tuntutan ke atas pakej umrah yang tidak ikut seperti mana yang dijanjikan.

Begitu juga di bawah Akta Industri Pelancongan [Akta 482] juga kita boleh kenakan tindakan ke atas agensi terhadap pelancongan berlesen dan juga tidak berlesen. Manakala kalau melibatkan yang tadi Yang Berhormat tanya yang tidak mengikut spesifikasi tetapi kalau ada pakej yang dijanjikan kepada si polan tetapi sampai masa pakej itu pun tidak wujud, kapal terbang tidak ada, hotel tidak ada dan semua tidak ada. Itu boleh dibuat laporan di bawah PDRM atau polis di bawah Kanun Keseksaan, di bawah kes jenayah komersial. Maka pakej itu tidak wujud. Kes tipu. Itu boleh kita kenakan.

Saya hendak menyeru kepada orang ramai khususnya rakyat Malaysia supaya kalau terjadinya perkara itu sewaktu mereka berada di tanah suci, tidak mengapa. Teruskan ibadah tetapi balik ke Malaysia, teruskan buat laporan kepada pihak-pihak yang berkaitan dan majukan kepada pihak kementerian. Ini kerana selalunya apabila kes-kes mereka tidak penuhi janji sebagaimana Yang Berhormat beritahu tadi, selalunya mereka akan dinasihatkan oleh mereka yang bawa, orang yang bertanggungjawab membawa mereka mengerjakan umrah itu bersabar, reda. Ini adalah ketentuan dan takdir daripada Allah SWT, memang.

Jadi apabila dibuat macam itu, apabila balik ke Malaysia, jadi mereka berlapang dada dan tidak membuat laporan. Jadi kita pun tidak dapat membuat *the next step* ataupun membuat penguatkuasaan terhadap syarikat-syarikat yang tidak bertanggungjawab, yang menipu dan juga yang memperdayakan orang awam ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

■1020

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Shukor.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah cadangan diwujudkan agensi khas menyelaras dan memantau urusan di bawah JPM atau di bawah Kementerian Pelancongan sedia ada. Sekian, terima kasih.

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya yang telah pun kita lakukan sebagaimana yang saya sebut tadi. Kita telah pun ada Majlis Kawal Selia Umrah yang dipengerusikan oleh saya sendiri yang mana melibatkan 13 agensi di bawah itu ada Tabung Haji, KPDNKK, PDRM, Syarikat Penerbangan Malaysia, ada apa lagi Kementerian Luar Negeri dan ada NGO, MATTA, Bumitra dan sebagainya dan mereka ini membantu sama-sama turut memberikan maklumat dan juga *update* terkini tentang perkembangan jemaah-jemaah ataupun dalam industri jemaah umrah ini.

Sebab itu, kita melihat bahawa dalam bulan 10 ini kita akan mengenakan lesen khas umrah bagi memperkenalkan lesen khusus bagi para pengendali umrah dan ini adalah untuk kita membanteras agensi pengendali umrah yang tidak berlesen dan kecekapan serta kemahiran para pengendali ini sebab itu mereka dikenakan untuk pergi ke kursus *Umrah Specialized Enhancement*

Course (USEC) yang mana kalau hanya mereka yang pergi kepada *USEC* sahaja yang kita benarkan untuk mengendalikan pakej umrah.

Kalau tidak, tidak boleh kerana apa mereka yang pergi kepada *USEC* ini adalah syarikat yang 100 peratus adalah kendalian bumiputera dan juga mereka ini Muslim Malaysia dan mereka jelas menjalankan perniagaan berkaitan pengendalian umrah dan juga ziarah, yang itu perkara wajib. Oleh sebab itu pakej yang ditawarkan adalah legit iaitu kementerian sendiri akan *verify* dan bukannya di bawah harga minimum, di bawah harga RM4,900.

Selain daripada itu juga, kita juga dalam cadangan untuk mengenalkan sistem takaful umrah dan kita sedang mengkaji. Sebab banyak kes yang berlaku bila jemaah sakit tetapi nak dibawa balik tidak boleh sebab insurans yang dibeli sedikit. Kalau nak bawa balik jemaah kosnya lebih kurang RM30,000. Jadi kita sedang mengkaji bagaimana untuk kita dapat selaraskan supaya kebajikan-kebajikan jemaah ini dapat kita jaga dan kepentingan rakyat Malaysia juga terjamin. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kami berharaplah pada masa yang akan datang ini Majlis Kawal Selia Umrah ini akan meliputi orang yang telah sampai ke tanah suci.

Datuk Rabiyah binti Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit soalan untuk umrah ini, boleh dibenarkan?.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Rabiyah binti Ali: Apakah perlu kerajaan mengambil satu langkah yang lebih berkesan dengan mengehadkan hanya syarikat yang mempunyai pengalaman menyediakan pakej haji sahaja yang diberikan permit menyediakan pakej umrah ke Makkah. Juga sebarang promosi dan iklan pakej-pakej umrah perlu mendapat lesen oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan syarat deposit *security* dikenakan kepada syarikat yang menawarkan pakej umrah bagi mengelakkan kes penipuan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Secara ringkas.

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kota Melaka. Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi keperluan yang kita nyatakan dalam untuk kita mendapatkan lesen umrah ini sebelum ini kalau mereka nak menjalankan aktiviti ataupun menjual servis umrah ini, sekurang-kurangnya mereka harus berkhidmat setahun, setahun beroperasi dulu baru boleh kita berikan lesen *outbound* untuk mereka menjalankan umrah.

Jadi maksudnya soal pengalaman itu dalam mereka mengenakan untuk bagi dapatkan lesen umrah ini. Akan tetapi apabila kita kenakan lesen khas umrah yang bermula Oktober ini itu lebih menjamin lagi dan juga di kalangan mereka yang layak dan berhak saja yang boleh beroperasi. Kita juga lihat bahawa agensi pelancongan di Kelantan— *no* yang ini bukan. Maksudnya ok saya sudah menjawab soalan Yang Berhormat terima kasih.

2. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah minta Menteri Pengangkutan menyatakan, adakah pemeriksaan kenderaan awam hanya tertumpu pada musim perayaan kerana dikhuatiri kenderaan awam ini hanya diselenggarakan sewaktu musim perayaan sahaja.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera dan salam 1 Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan

sememangnya sentiasa prihatin terhadap tahap keselamatan kenderaan awam dan para pengguna pengangkutan awam. Pemeriksaan kenderaan awam bukan hanya bertumpu atau tertumpu pada musim perayaan sahaja tetapi ia adalah proses berterusan yang dijalankan oleh agensi-agensi penguat kuasa yang berkaitan.

Di bawah seksyen 12, pemeriksaan kenderaan motor dan pemberian maklumat kepada Ketua Pengarah dan seksyen 66B iaitu kenderaan yang dikehendaki menjalani pemeriksaan berkala, seterusnya Akta Pengangkutan Jalan 1987, setiap kenderaan perkhidmatan awam diwajibkan menjalani pemeriksaan awalan dan pemeriksaan berkala di PUSPAKOM.

Berdasarkan kaedah 4, iaitu kekerapan pemeriksaan berkala dan juga kaedah-kaedah kenderaan motor (pemeriksaan berkala kelengkapan dan standard pemeriksaan), kekerapan pemeriksaan berkala adalah seperti berikut:

Bagi kenderaan baru sekali dalam setahun bagi dua tahun yang pertama dan selepas itu sekali dalam setiap enam bulan dan bagi kenderaan lain selain kenderaan baru, sekali dalam setiap enam bulan. Berikut merupakan item-item pemeriksaan semasa pemeriksaan berkala:

- (i) pengesahan identiti kenderaan iaitu pemeriksaan nombor *chassis* dan nombor enjin;
- (ii) pemeriksaan bahagian atas kenderaan;
- (iii) ujian kadar ketelusan cahaya cermin kenderaan;
- (iv) ujian pelepasan asap;
- (v) ujian gelincir sisi ataupun *side slip*;
- (vi) ujian sistem gantungan ataupun *suspension*;
- (vii) ujian brek;
- (viii) ujian spirometer bagi teksi bermeter sahaja; dan
- (ix) pemeriksaan bahagian bawah kenderaan.

Bagi pemeriksaan kenderaan perkhidmatan awam di depot semasa musim perayaan, pemeriksaan ini adalah inisiatif kerajaan bagi meningkatkan tahap keselamatan kenderaan semasa beroperasi di musim perayaan. Pegawai JPJ atau Jabatan Pengangkutan Jalan yang bertugas akan melakukan pemeriksaan ke atas sistem brek dan keadaan tayar kenderaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Tan Sri.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang sebenarnya pihak rakyat patut mengucapkan banyak-banyak terima kasih dan tahniah kepada pihak kementerian yang kita memang faham dan memahami masalah. Kerajaan cukup prihatin dan mengambil berat tentang keselamatan pengguna.

Persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat suasana di negara kita disebabkan rakyat hidup begitu mewah hampir tiap-tiap orang ada kenderaan. Kita menyediakan *highway* yang besar pun tidak cukup. Tiap-tiap hari mesti ada masalah, keselamatan rakyat, *accident* dan lain-lain. Persoalan saya, bahkan pernah saya nyatakan beberapa sesi yang lalu dari segi penguatkuasaan dan juga penggunaan teknologi-teknologi terkini dalam proses untuk kita memantau kenderaan-kenderaan ini supaya mereka tidak melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan undang-undang.

Contohnya di negara Eropah, kenderaan-kenderaan berat khasnya bas-bas untuk pejalan jauh mereka menggunakan satu alat iaitu mereka menggunakan alat di mana pihak penguat kuasa dapat *detect* jika sekiranya bas itu melebihi 80mph secara automatik ianya akan direkodkan. Mudah iaitu direkodkan sekali mereka buat salah, satu tindakan, dua kali tindakan lagi bukan sahaja kepada *driver* tetapi kepada pengusaha.

■1030

Maksud saya, saya tidak menyalahkan pihak kerajaan. Memang saya cukup-cukup *confident* kerajaan telah melakukan segala-galanya. Masalahnya rakyat kita dah hidup terlampau senang. Tiap-tiap orang yang gaji tinggi, gaji rendah, nelayan di kampung saya pun tiga biji kereta- kita mewah. Jadi tidak boleh dielakkan. Akan tetapi kita cukup merasa gusar, hampir tiap-tiap hari ada sahaja orang mati. Kadang-kadang orang baru kahwin...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan, Yang Berhormat Tan Sri.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Itu soalan saya tadi. Apakah pihak kerajaan telah mengenal pasti dengan penggunaan teknologi yang terkini? Saya percaya kita ada duit, pergilah ke Eropah sekejap, lihat apakah teknik yang mereka gunakan. Contoh saya katakan- ini pengalaman saya sendiri. Saya pernah menaiki bas. Mereka menggunakan alat itu, melebihi 80mph, secara automatik ia direkodkan dalam alat itu. Maka senang kita ambil tindakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri Teknologi.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, memang saya setuju sangat pandangan daripada Yang Berhormat Tan Sri Ibrahim. Memang di Malaysia pun kita memperkenalkan teknologi-teknologi baru untuk diguna pakai di kenderaan-kenderaan. Malah, untuk kenderaan bas dan lori, kita telah perkenalkan sistem seperti *Black Box* tetapi masalahnya pihak industri itu belum bersedia mengguna pakai teknologi-teknologi ini kerana melibatkan kos tambahan kepada kenderaan-kenderaan tersebut. Kerajaan senantiasa mengambil keprihatinan apabila pihak industri belum bersedia.

Walau bagaimanapun, pada ketika ini, kerajaan telah memperkenalkan beberapa teknologi yang diinisiatifkan oleh syarikat-syarikat yang bertaraf empat bintang dan beberapa kenderaan awam yang menggunakan sistem GPS. Kita sekarang sedang membuat *familiarization* kepada syarikat-syarikat ini untuk mengguna teknologi-teknologi ini supaya kenderaan-kenderaan ini dapat dikawal dan khususnya pemandu-pemandu kenderaan, contohnya bas ekspres, supaya ia tidak melampaui batas dan dapat mengurangkan kemalangan.

Sementara itu, kerajaan juga menggunakan teknologi penguatkuasaan apa yang dipanggil sistem AWAS iaitu kamera untuk mengawal kenderaan daripada melanggar had laju dan melanggar lampu merah yang telah kita perkenalkan dalam sistem penguatkuasaan di jalan raya kita. Jadi ini merupakan satu teknologi yang kerajaan telah aplikasikan untuk penguatkuasaan 24 jam, tujuh hari seminggu. Ini telah dapat mengurangkan kemalangan di negara kita. Terima kasih.

Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Rabiyyah binti Ali: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan, bukan, Yang Berhormat. Saya bagi Yang Berhormat Datuk Haji Hanafi.

Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat: Okey, terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Menteri Pengangkutan, apakah perkara-perkara yang kritikal yang diperiksa oleh PUSPAKOM? Ini kerana saya dapati walaupun setiap enam bulan sekali kenderaan awam ataupun kenderaan perdagangan membuat pemeriksaan tetapi sering kali berlaku kemalangan. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya juga dimaklumkan oleh pengusaha-pengusaha bahawa caj atau kos untuk pemeriksaan ini tinggi dan sangat terbeban kepada pengusaha-pengusaha kecil. Contohnya pembawa van yang menghantar pasir, pembawa van kecil menghantar kayu-kayu, mereka sering merungut bahawa kos atau caj terlalu tinggi untuk mereka. Jadi saya ingin tahu sama ada Menteri Pengangkutan ada cadangan untuk menurunkan kos bagi pengusaha-pengusaha kecil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang kritikal, pemeriksaan ini, ia seperti yang telah saya sebutkan, banyak perkara-perkara yang diperiksa tetapi ia banyak tertumpu- yang kritikal ini tayarlah supaya tayar ini tidak botak dan juga sistem brek kerana kedua-dua ini memberi impak *direct* kepada kemalangan. Sebagai contoh, kalau tayar itu botak, ia boleh meletup dan ia terus boleh melanggar. Begitu juga brek. Kalau sistem brek tidak makan, ia boleh menyebabkan kemalangan. Jadi dua ini kritikal.

Akan tetapi apa yang berlaku, kadang-kadang apabila dia hantar, ada juga pemandu yang tidak beretika. Apabila dia dah buat pemeriksaan, tayar cantik masa pemeriksaan, habis selepas lulus, dia tukar balik tayar yang kurang baik untuk mungkin hendak menjimatkan perbelanjaan. Ini perkara-perkara yang kadang-kadang kita terpaksa membuat pemeriksaan secara *random*.

Seterusnya, mengenai kos. Kos ini ia terbahagi- caj PUSPAKOM ini murah. RM55. RM55 untuk teksi. Kos ini atau bayaran caj oleh PUSPAKOM ini sejak tahun 2007 sampai sekarang tidak pernah naik kerana kerajaan kawal fi PUSPAKOM. Kalau kenderaan lori, ia RM90. Akan tetapi yang menjadi kos seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Haji Hanafi ialah kos sebelum dia pergi ke pemeriksaan itu, dia hendak buat penyelenggaraan. Dia hendak buat servis, hendak tukar tayar, hendak betulkan sistem brek, itu yang mahal. Yang itu di luar bidang kawalan kerajaan kerana ia melibatkan woksyp-woksyp yang berkaitan. Terima kasih.

3. Dato' Chai Kim Sen minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah peranan kementerian dalam penglibatan melaksanakan program-program pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS); dan
- (b) apakah peranan SMECorp yang merupakan agensi penyelaras utama untuk pelaksanaan program bagi PKS.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Chai Kim Sen yang memberikan soalan.

Sepanjang satu dekad yang lalu, pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan keusahawanan telah menjadi satu agenda penting nasional berikutan penubuhan Majlis Pembangunan

PKS Kebangsaan pada tahun 2004. Majlis ini dianggotai oleh 16 orang Menteri yang terlibat dalam pembangunan PKS, Ketua Setiausaha Negara, Gabenor Bank Negara, Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Majlis ini adalah sebagai badan pembuat dasar tertinggi bagi pembangunan PKS di Malaysia untuk menetapkan hala tuju strategik dan merumuskan dasar-dasar bagi menggalakkan pertumbuhan PKS dalam semua sektor ekonomi. Peranan majlis ini sangat penting dalam mempromosikan pendekatan yang lebih holistik dan terselaras.

Antara pencapaian ialah:

- (i) menyeragamkan definisi kebangsaan untuk PKS;
- (ii) membangunkan pangkalan data dan statistik berkaitan PKS;
- (iii) memantau dan menganalisis prestasi PKS bagi memudahkan penggubalan dasar;
- (iv) memperkemas penyebaran maklumat mengenai PKS;
- (v) membangunkan infrastruktur kewangan PKS; dan
- (vi) menyokong perumusan Pelan Induk PKS 2012-2020.

Pelbagai usaha yang dijalankan oleh 16 buah kementerian serta lebih 65 buah agensi kerajaan yang telah mewujudkan persekitaran keusahawanan yang kondusif untuk PKS berkembang. Antara usaha tersebut adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan akses dan kemudahan menjalankan perniagaan;
- (ii) memperkukuhkan modal insan;
- (iii) melaksanakan program memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti, inovasi dan kesediaan eksport yang dikategorikan kepada enam kaedah iaitu:
 - (a) akses kepada pembiayaan- program di bawah bidang tumpuan ini terdiri daripada skim geran, pembiayaan mudah, pembiayaan mikro merangkumi modal pusingan, jaminan kredit, ekuiti, modal teroka;
 - (b) pembangunan modal insan merangkumi program-program latihan melibatkan pembudayaan dan pembangunan keusahawanan, peningkatan kemahiran serta pembangunan tenaga kerja;
 - (c) akses kepada pasaran terdiri daripada inisiatif penjenamaan, pensijilan, rangkaian perniagaan serta program promosi peringkat domestik dan antarabangsa.

■1040

- (iv) penerapan inovasi dan teknologi merangkumi aktiviti pengkomersialan, pembangunan produk, peningkatan produktiviti serta pemindahan teknologi;
- (v) merangkumi projek inkubator, pembinaan atau naik taraf premis perniagaan yang melibatkan prasarana; dan
- (vi) persekitaran perundangan dan kawal selia merangkumi aktiviti pematuhan pada undang-undang termasuklah pelesenan dan permit.

Soalan kedua mengenai SMECorp. Malaysia iaitu sebuah agensi di bawah MITI yang telah dilantik sebagai penyelararas pusat atau, dengan izin, *Central Coordinating Agency (CCA)*. SMECorp. Malaysia ditugaskan untuk menambah baik dan memperkembangkan penyelararas serta pengumpulan data untuk program-program pembangunan PKS. Selain daripada itu SMECorp. Malaysia selaku sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan berperanan untuk menyelararas, memantau dan menilai keberkesanan kemajuan pencapaian program pembangunan PKS. Pada tahun 2017 terdapat 169 program pembangunan PKS yang telah dirancang dengan peruntukan dana sebanyak RM5.8 bilion.

Selain berperanan sebagai sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan SMECorp. juga bertanggungjawab menyelararas pelaksanaan dasar program pembangunan PKS, mengurus data, menyebarkan maklumat berkaitan PKS, menjadi pusat rujukan setempat bagi maklumat PKS dan menyediakan khidmat nasihat serta sokongan perniagaan. Terima kasih.

Dato' Chai Kim Sen: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan yang lebih mendalam. Apakah usaha kementerian dalam mempromosikan dan memupuk kesedaran kepada syarikat-syarikat PKS tentang program-program pembangunan dan program transformasi kepada *e-commerce* PKS tersebut. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ada banyak langkah Tuan Yang di-Pertua, yang dilakukan oleh 16 kementerian dan 65 agensi. Kalau hendak bercerita satu jam tidak habis. Jadi saya hanya ingin menyatakan perkara-perkara yang penting, tadi saya sudah sebut akses pasaran, modal insan, akses pembiayaan, teknologi dan juga perundangan, ada lima, enam perkara utama yang kita lakukan untuk perusahaan kecil dan sederhana ini.

Di dalam negara kita ini ada 907,065 syarikat dan juga firma dan juga entiti perniagaan. Hampir-hampir sejuta jumlahnya dan semua ini adalah PKS. Ia merupakan tulang belakang kepada ekonomi negara kerana daripada seluruh entiti perniagaan dalam negara, 98.5 peratus adalah PKS. PKS ini kebanyakannya dalam perkhidmatan 89 peratus, pembuatan 5.3 peratus, pembinaan 4.3 peratus, pertanian 1.1 peratus, perlombongan dan kuari 0.1 peratus. Apa yang menarik daripada 907,065 entiti perniagaan ini 20.6 peratus PKS itu dikuasai oleh wanita. Itu satu perkara yang menarik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau tidak silap Yang Berhormat tanya ialah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memberitahu usaha-usaha kerajaan kepada syarikat-syarikat PKS.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya sudah jawab tadi, Tuan Yang di-Pertua, sudah.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah jawab, okey, sila duduk.

4. Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, adakah kementerian akan memperluaskan pembinaan rumah komuniti seperti yang dilaksanakan di Besut ke negeri-negeri lain untuk manfaat penduduk setempat bagi golongan miskin.

Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, rumah komuniti adalah rumah yang dibina untuk golongan miskin, dan mereka-mereka yang memerlukannya

dan ianya berukuran 20 kaki x 30 kaki ataupun 600 kaki persegi. Mempunyai tiga bilik tidur, dibina dalam masa kurang daripada sebulan, dan berharga kurang daripada RM20,000.

Ianya direka bentuk pada peringkat permulaannya oleh kolej komuniti dan juga politeknik dan dibina secara gotong-royong. Saya kata di peringkat permulaannya. Ianya mula dibina di Parlimen Besut dan juga di Parlimen Tawau sebelah saya ini. Ianya menggunakan peruntukan Ahli Parlimen.

Sekarang ini 132 buah rumah komuniti telah dibina di Parlimen Besut. Semalam saya menyerah, pukul 5 semalam yang nombor 132 dan 10 buah telah dibina di Tawau. Ianya telah diperluaskan dan diberi nama *MyBeautiful New Home* oleh Kementerian Kewangan ataupun *MyBN Home* pendeknya yang dibina secara NBOS atau *National Blue Ocean Strategy* di Manjung, Perak dan dibina dengan kerjasama pensyarah-pensyarah dan juga pelajar-pelajar daripada politeknik dan juga kolej komuniti. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Saya pertamanya hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah berjaya mengilhamkan satu rumah *MyBN Home*. Cuma persoalannya saya ingin bertanya adakah rumah ini, apakah keunikan yang membolehkan rumah ini hanya dibina di Parlimen Besut dan Tawau? Adakah ia juga boleh dibina di Parlimen-parlimen yang lain? Jadi mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih, Yang Berhormat. Ia dibina di Besut kerana ia merupakan ilham yang saya kemukakan dua tahun yang lalu dan menggunakan peruntukan Ahli Parlimen. Kebetulan kolej komuniti juga di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi sama dengan politeknik di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi dan sebab itu merekalah yang mereka bentuk rumah tersebut yang mana boleh dibina saya katakan tadi dalam masa yang singkat tidak sampai satu bulan, harganya pun kurang daripada RM20,000.

Uniknya rumah ini ialah kerana pada peringkat permulaannya saya melihat ramai orang yang memerlukan rumah-rumah. Orang-orang miskin ini tidak perlu rumah besar dan dia perlu rumah cepat. Jadi kita merangka satu rumah yang boleh dibina dalam masa sebulan dan harganya tidak sampai RM20,000 dan perlu tiga bilik kerana ada bilik ibu bapa, ada bilik anak lelaki, ada bilik anak perempuan. Bilik airnya satu sahaja.

Keunikan pembinaan ini kerana ianya datang daripada perasaan tadi saya katakan perasaan untuk menolong orang-orang miskin dan orang-orang yang memerlukan. Ianya lebih berbentuk saya katakan perasaan kasih sayang ini untuk membantu mereka yang susah. Jadi siapa juga melihat, pemborong pun, pengusaha yang bina rumah ini pun tidak kira untung sangat tetapi tidak rugilah, RM20,000 ini boleh buat.

Kalau kita kira harga sekaki persegi hanya RM33 satu kaki persegi. Kos pembangunan masa kini RM60 atau RM70 satu kaki persegi. Ianya masih boleh dibinakan oleh mereka. Saya harap oleh kerana Besut sudah boleh bina 132 bukan lima dan Tawau sudah boleh bina 10 tidak ada sebab mengapa ianya tidak boleh, konsep ini tidak boleh dipanjangkan di kawasan-kawasan Parlimen yang lain. Yang Berhormat Besut setuju, sanggup membantu mereka... [Tepuk]

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah di atas

usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi yang mana telah memberi satu peluang kepada mereka yang tidak berpendapatan tinggi yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah sebenarnya faedah yang boleh diperoleh pelajar dan pensyarah yang menyertai program ini, sebab apa tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang program ini dilaksanakan secara gotong-royong di kalangan pensyarah, pelajar dan juga pengusaha rumah. Adakah sebarang insentif seperti sijil kompetensi ataupun apakah sijil-sijil yang lain yang boleh diperoleh pelajar dan pensyarah yang menyertai program ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

■1050

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Sememangnya banyak faedah yang didapati oleh pelajar-pelajar terutamanya pelajar-pelajar dan juga pensyarah-pensyarah. Peringkat pertama, pensyarah mereka bentuk rumah tersebut. Kedua, pembinaan rumah tersebut. Pelajar-pelajar yang membina rumah tersebut, semalam satu buah rumah dibina oleh kolej vokasional. Jadi pelajar-pelajar kolej vokasional boleh ke sana. Ini boleh diikuti oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain dengan pelan yang begitu senang dan *simple* sebenarnya, tidak ada peliknya pelan tersebut. Dengan menggunakan pelajar-pelajar ini, mereka boleh belajar membina rumah-rumah tersebut.

Sememangnya kolej vokasional ataupun kolej komuniti ataupun politeknik memberi sijil penghargaan kepada pelajar-pelajar mereka. Imbuan itu tidak tentu. Ada yang beri sedikit sebanyak, mungkin ada yang tidak perlu beri kerana yang mustahak ialah kemahiran yang perlu diperoleh kepada pelajar-pelajar tersebut.

Insya-Allah saya percaya, saya katakan tadi saya sanggup membantu mereka-mereka yang lain kerana asasnya kita ingin menolong golongan-golongan yang susah, golongan-golongan yang memerlukan untuk mendapatkan rumah mereka dengan cepat dan murah.

5. **Dr. Ariffin bin S.M. Omar** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentukan bahawa pekerjaan-pekerjaan dalam bidang industri berteknologi tinggi dapat diisi oleh warga Malaysia dan bukan pakar-pakar dari luar negeri.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dan Kementerian Sumber Manusia sentiasa memberikan keutamaan kepada pengambilan pekerja tempatan berbanding dengan pekerja asing. Antara langkah-langkah Kementerian Sumber Manusia bagi mengutamakan warganegara mendapat pekerjaan berbanding pekerja asing adalah seperti berikut.

Pertama, memartabatkan dan memperkukuhkan TVET bagi menyediakan tenaga kerja berkemahiran tinggi tempatan dalam pasaran buruh negara. Kerajaan menganjurkan bahawa pekerja berkemahiran tinggi akan membentuk 35 peratus daripada jumlah tenaga kerja menjelang tahun 2020.

Kedua, mewajibkan majikan mengiklankan kekosongan jawatan di dalam sistem *JobsMalaysia* bagi memberi peluang kepada pencari kerja tempatan mendapat maklumat dan seterusnya memohon

jawatan tersebut. Setelah berpuas hati tiada pencari kerja tempatan, Jabatan Tenaga Kerja akan memberi perakuan bahawa majikan tersebut layak untuk menggaji pekerja asing berdasarkan kriteria-kriteria dan kuota yang ditetapkan.

Ketiga, menentukan siling penggajian pekerja asing mengikut sektor berasaskan keperluan sebenar majikan dan selaras dengan keperluan guna tenaga negara.

Keempat, mengkaji semula amalan *outsourcing*, dengan izin, dalam penggajian bagi mengelakkan lambakan pekerja asing di dalam pasaran pekerjaan.

Kelima, meletakkan tanggungjawab pembayaran levi ke atas majikan bagi tujuan mengurangkan kecenderungan majikan untuk menggaji pekerja asing berbanding pekerja tempatan.

Keenam, menggalakkan industri-industri yang berintensif buruh meningkatkan penggunaan teknologi dan automasi dalam operasi harian mereka serta menggiatkan lagi pelaksanaan IBS dalam industri pembinaan. Sehubungan itu, program latihan kemahiran akan dipertingkatkan bagi menyediakan tenaga kerja tempatan yang akan diperlukan oleh industri ini.

Ketujuh, mensyaratkan pekerja asing hanya boleh bekerja sebagai pekerja asas sahaja serta ditempatkan di tempat-tempat tertentu seperti pekerja asing tidak dibenarkan ditempatkan sebagai *front liner*. Maknanya pekerja hadapan tidak dibenarkan. Pekerja asing hanya boleh bekerja sebagai *housekeeping*, dengan izin, di sektor perhotelan. Hanya KD lelaki sahaja dibenarkan diambil. Pekerja lelaki warga Indonesia tidak dibenarkan bekerja dalam sektor perkilangan. Pekerja wanita warga Filipina tidak dibenarkan bekerja kecuali sebagai pekhidmat domestik dan sebagainya.

Kelapan, mewujudkan undang-undang bagi menghalang majikan memberhentikan pekerja tempatan untuk digantikan dengan pekerja asing sebagaimana peruntukan seksyen 60M, Akta Kerja 1955.

Kesimpulannya, kerajaan sentiasa komited dalam mengutamakan pengambilan pekerja tempatan berbanding pekerja asing demi memastikan pekerjaan-pekerjaan dalam bidang berteknologi tinggi dapat diisi oleh warga Malaysia. Kerajaan turut melaksanakan kerjasama strategik yang berterusan bersama pihak industri dalam mengumpulkan dan menyelaras maklumat mengenai keperluan industri serta mengenal pasti jurang kemahiran kritikal terutamanya dalam sektor strategik bagi perancangan modal insan masa hadapan negara. Terima kasih.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih atas jawapan yang diberikan. Akan tetapi, kalau saya tengok *front liners* ini, ramai yang kerja di *petrol pump*, di Mydin. Semua ini terdiri daripada orang asing. Ekoran daripada apa yang telah disampaikan, teras soalan saya ialah tiap-tiap tahun ramai pelajar Malaysia di hantar ke luar negeri untuk dapat latihan dan pendidikan dalam bidang teknologi tinggi. Akan tetapi yang penting, adakah tahap kemajuan teknologi di negara ini cukup untuk memberi pekerjaan kepada mereka.

Ini kerana setahu saya, ramai yang dihantar ke luar negeri di bawah *scholarship* JPA dan lain-lain biasiswa ini, setelah mereka habis atau tamat pengajian mereka, mereka enggan hendak datang balik bekerja atas alasan yang diberi ialah kelayakan mereka adalah terlalu tinggi dan juga kerja yang ditawarkan kepada mereka tidak selaras atau tidak setimpal dengan kelayakan yang mereka telah peroleh. Ini satu perkara yang kita tidak boleh pandang ringan. Terima kasih. Macam mana pandangan kementerian tentang perkara ini?

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar. Sebab itulah kita menyasarkan 2020, 35 peratus pekerja mahir negara kita. Pada hari ini, kerajaan dan juga Kementerian Sumber Manusia sedang menggerakkan dan mengusahakan secara serius bagi kita meningkatkan pendidikan teknologi teknikal dan vokasional (TVET) ini. Kita secara kolaborasi dengan kementerian-kementerian lain, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kewangan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan berbagai-bagai kementerian yang lain juga berusaha bagi kita meningkatkan tahap kemahiran di negara kita ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, umpamanya penglibatan kita dalam *ASEAN Skill Competition* di peringkat negara ASEAN. Bersaing dengan sepuluh negara ASEAN. *Alhamdulillah*, pada tahun lepas contohnya kita mendapat tempat pertama, *champion* di mana 22 orang pelatih-pelatih, pelajar-pelajar kita yang mendapat *gold medal* di peringkat ASEAN. Bukan kita yang menghakimi tetapi negara-negara ASEAN. Maksudnya membuktikan bahawa anak-anak kita juga layak mendapat kemahiran ini.

Kita juga terlibat dengan *World Skill Competition*, pertandingan kemahiran di peringkat dunia di mana kita juga bersaing- 22 anak-anak emas kita akan kita bawa ke Abu Dhabi pada tahun ini untuk bersaing dengan lebih kurang 70 negara. Sebagai bukti, dua tahun lepas kita berada di tempat ke-20 negara cemerlang dalam *World Skill Competition* berbanding dengan 50 negara yang lain.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jabatan Tenaga Kerja telah menubuhkan Jawatankuasa Penggajian Pekerja Tempatan sebagai satu inisiatif khusus bagi menempatkan pencari kerja tempatan di syarikat-syarikat yang memohon dan menggaji pekerja asing. Pada tahun 2016, Jabatan Tenaga Kerja telah berjaya menempatkan seramai 5,754 orang pencari kerja tempatan kepada 661 majikan yang memohon pekerja asing. Bermakna kita cari jalan. Sebenarnya bila kita buat kiraan, analisa dan sebagainya, sebenarnya ramai anak-anak kita ini layak untuk mendapat, mengisi ruang-ruang kosong termasuklah dalam teknikal tinggi ini.

Pada tahun 2017 hingga Mei 2017, sebanyak 788 majikan terlibat dalam aktiviti ini. Seramai 4,238 orang pencari kerja tempatan berjaya ditempatkan. Sebenarnya, kita juga berharap Tuan Yang di-Pertua, supaya anak-anak kita yang mendapat pendidikan luar negara ini setelah mereka berjaya kembali bangunkan negara sendiri. Kenapa harus berada di luar negara? Orang lain datang ke negara kita untuk merebut. Kita ada 1.8 juta lebih kurang, *plus minus*, pekerja asing di negara kita. Walaupun sebahagian besar mereka adalah bekerja di peringkat perkhidmatan ataupun *3D job*, dengan izin. Kita ada lebih kurang 158,000 *expatriate* ataupun pegawai dagang. Kenapa harus kita berada di negara lain sedangkan mereka mencari kekayaan di negara kita.

■1100

Seperti kata yang pernah dikatakan oleh pegawai kewangan, lebih kurang RM37 bilion duit negara kita dihantar ke luar negara kenapa tidak anak-anak kembali. Daripada segi gaji, sekarang kita ada gaji minimum untuk menggalakkan pekerja tempatan untuk bekerja dalam negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma hendak bertanya berkenaan kalau kita tengok industri atau bidang teknologi tinggi banyak kita fokus kepada *third revolution*. Tetapi kalau kita rujuk kepada *fourth industrial revolution* kemungkinan besar *effect of electronic, IT, digitalization* dan sebagainya kebanyakan pekerjaan yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin akan jadi *redundant*. Sebenarnya kita tidak tahu implikasi *the fourth industrial revolution* tetapi yang kita pasti, kita akan hilang banyak pekerjaan yang disebutkan tadi. Banyak akan jadi *redundant*. Soalan saya, adakah kementerian bersedia atau telah mengambil langkah-langkah untuk menghadapi implikasi *fourth industrial revolution*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Secara ringkas Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Inilah, sebab itu lah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini telah menguar-uarkan dan memberikan penekanan kepada TN50. Maknanya 30 tahun akan datang, kita akan berhadapan dengan Revolusi Industri Keempat mungkin. Kalau ikut kajian dibuat, lebih kurang mungkin 65 peratus, pekerjaan *hadhari* tidak ada lagi pada ketika itu, akan jumud ketika itu. Ini bermakna kesedaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerajaan-kerajaan Barisan Nasional khususnya, walaupun di sebelah sana sebahagian besar mereka Yang Berhormat Senator ini bagus, bersama kita memberikan sokongan kepada kerajaan.

Akan tetapi kerajaan telah sedar bahawa 30 tahun akan datang, bagaimana berlaku kepada anak-anak kita. Sebab itu saya- bagi kita, perlu kita lihat perkara ini. 30 tahun akan datang, maknanya *robotic* akan menjadi keutamaan dalam sistem atau industri. Akan tetapi tidak bermakna manusia tidak boleh bekerja. Siapa yang buat robot? Manusia. Siapa yang akan *repair* robot? Manusia. Sebab itu lah, kita mesti sesuaikan pendidikan kemahiran yang ada di dalam negara kita ini, mesti kita sesuaikan dengan perubahan 30 tahun akan datang. Saya kira dengan sokongan semua terutamanya dengan kerajaan kita dengan kesemua yang lain saya yakin bahawa kita boleh berhadapan dengan 30 tahun akan datang apabila sistem kerajaan 65 peratus daripada pekerjaan hari ini akan, mungkin tidak akan ada lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti Aishah.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bangkitkan Tuan Yang di-Pertua. Memang atas kertas, jawapan Yang Berhormat Menteri semua A. Itu boleh, ini tidak boleh. Akan tetapi pada hakikatnya dalam soal pekerja asing Yang Berhormat Menteri, selepas sesi yang lepas, saya pergi ke satu stesen minyak. Saya minta permohonan kerja, yang jaga *cashier* tu seorang warga Bangladesh. Apabila saya kata, "*Saya hendak minta kerja*" dia kata bos dia tidak ada. Saya kata, "*kalau tidak ada bos, saya mahu serah dengan siapa resume saya?*" Dia kata, "*Bos tak ada, saya nombor dua*" Ini *cashier* Petronas Malaysia. Pam minyak Malaysia yang tadi Yang Berhormat Menteri beritahu warga asing, pekerja asing tidak boleh kerja di *frontline*. Akan tetapi hakikat dalam negara kita sekarang, orang muda yang hendak pergi sekarang, pergi itu tidak dapat.

Tuan Khairul Azwan Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya minta mencelah sedikit boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, ada tidak langkah-langkah yang dibuat oleh kementerian untuk memperingatkan stesen-

stesen minyak ini bahawa mereka ini tidak boleh mengambil pekerja-pekerja asing untuk duduk di *frontline, cashier* terutamanya. Kalau dari segi pengurusan yang itu, kita tidak kisah. Akan tetapi apabila melibatkan komunikasi di antara orang awam itu, jadi saya minta kementerian tegas dalam soal ini sebab saya dengar jawapan ini daripada mula saya masuk dewan sampai sekarang, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: ...Jadi saya minta ketegasan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ketegasan kementerian

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ini pun saya tengok banyak Bangladesh.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Ya, ya saya ada jawapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Siti Aishah. Saya hendak bertanya, persoalan yang Yang Berhormat Senator hadapi itu, adakah Yang Berhormat hantar kepada kita secara laporan?

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Saya ada membuat laporan kepada negeri dan saya juga bangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini bukan perbincangan, so...

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Ya saya cuma tanya itu, saya ada jawapan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila bertanya dekat luar, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab. Kepada Yang Berhormat baru datang Dewan ini, Yang Berhormat Azwan, ini tidak boleh mencelah bila ada persoalan, masa jawapan lisan. Okey sekarang, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif silakan.

6. Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif minta Perdana Menteri menyatakan, implikasi pertumbuhan ekonomi dan impak kepada sosioekonomi atas pembinaan MRT kepada penduduk Sungai Buloh dan Kajang serta kawasan di bawah jajaran tersebut. Adakah pihak Kerajaan bercadang menyambung jajaran tersebut sehingga ke Seremban.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]: Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua, terima Kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim Bin Sharif @ Mohd Sharif di atas soalan tersebut. Namun begitu, sebelum saya menjawab soalan ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengalu-alukan kedatangan Persatuan Kebajikan dan Sosial Masyarakat India Ipoh, Perak ke Dewan Negara... [*Tepuk*] Di harap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini. Terima kasih kerana melawat kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim Bin Sharif @ Mohd Sharif dengan lebih lanjut, izinkan saya untuk turut menjawab bersekali tiga soalan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator lain yang turut menyentuh isu yang sama iaitu berhubung pembangunan MRT seperti berikut. Pertama kita ada soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin bertarikh hari ini, 14 Ogos, nombor 84. Kedua iaitu soalan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin bertarikh hari

ini juga, nombor 86; dan ketiga ialah soalan Yang Berhormat Senator Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai bertarikh 21 Ogos, nombor 19.

Tuan Yang di-Pertua, Projek Infra Rakyat yang bertunjangkan kepentingan rakyat akan menjana dan memaju pertumbuhan ekonomi negara untuk jangka masa panjang di samping meningkatkan kualiti kehidupan rakyat. MRT laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) yang telah siap sepenuhnya dan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini adalah contoh projek yang mampu memberi impak secara langsung kepada kehidupan rakyat seramai 1.2 juta orang penduduk yang berada sepanjang koridor laluan ini. Pembinaan projek MRT 1 SBK ini mengambil masa selama lima tahun daripada tahun 2012 dan telah siap sepenuhnya pada Julai 2017.

Projek ini meliputi perjalanan sepanjang 51 kilometer dengan rangkaian rel pertama dari Sungai Buloh ke Kajang dengan 31 stesen yang melalui Pusat Bandaraya Kuala Lumpur. Projek MRT ini akan merangsang pembangunan kawasan baru seperti pembangunan Institut Penyelidikan Getah di Sungai Buloh, Warisan Merdeka, kawasan kewangan antarabangsa Kuala Lumpur dan pembangunan Cochrane. Daripada segi ekonomi Tuan Yang di-Pertua, projek MRT dijangka mampu menjana sekitar 130 ribu peluang pekerjaan baru yang akan menyumbang kepada pendapatan kasar negara antara RM3 hingga RM4 bilion setahun melalui hasil daripada industri pembinaan dan operasi MRT daripada 2011 hingga 2020 dan dianggarkan RM8 hingga RM12 bilion. Pendapatan kasar negara akan dijana secara tidak langsung.

Projek MRT mendorong pembangunan dan aktiviti perniagaan dengan membolehkan stesen berintegrasi dengan aktiviti perniagaan dan membolehkan sambungan akses yang baik dan membawa orang ramai ke kawasan perniagaan. Sebagai contoh Restoran Sate Kajang Haji Samuri yang agak terkenal di semenanjung ini yang terletak berhampiran dengan Stesen MRT Stadium Kajang telah melaporkan bahawa perniagaannya telah mencapai peningkatan pelanggan sebanyak 50 peratus hingga 60 peratus sejak pembukaan stesen MRT tersebut pada 17 Julai tahun ini yang lalu.

MRT juga membuka peluang bagi *Transit Oriented Development* (TOD) untuk kerajaan merancang pembangunan dengan harga yang mampu untuk rakyat. Ia juga akan meningkatkan nilai hartanah melalui penambahbaikan ke saling hubungan. Dianggarkan nilai pembangunan kasar akan meningkat RM 300 juta setahun. Laluan MRT SBK juga akan memberikan impak positif kepada sistem jaringan perkhidmatan pengangkutan awam berasaskan rel di ibu kota. Laluan ini dapat berintegrasi dengan perkhidmatan rel awam yang sedia ada seperti LRT Laluan Ampang-Sri Petaling dan Kelana Jaya, KTM Komuter, Monorel dan KLIA Ekspres serta Transit.

Penambahan integrasi seperti ini akan membantu memudahkan perjalanan pengguna rel awam melalui kepelbagaian destinasi di samping dapat menambahkan bilangan penumpang secara amnya.

■1110

Daripada segi sosioekonomi pula, projek MRT juga dijangka meningkatkan tahap produktiviti serta mutu kehidupan yang lebih baik. Sebagai contoh, tahap produktiviti dijangka meningkat kepada 280 juta jam setahun. Ini adalah berdasarkan kepada tempoh masa perjalanan yang dapat dikurangkan disebabkan tiada kesesakan lalu lintas. Ini boleh ditafsirkan sebagai menghasilkan RM20 bilion setahun daripada segi kos penjimatan masa.

Di samping itu juga Tuan Yang di-Pertua, perjalanan yang dapat dilakukan melalui anggaran masa yang dapat dirancang serta tidak perlu menempuhi kesesakan lalu lintas yang tidak diduga turut boleh menyumbang kepada peningkatan kualiti dan gaya hidup yang lebih sihat. Selain itu, kebergantungan terhadap penggunaan kenderaan persendirian serta desakan keperluan untuk memiliki kenderaan sendiri terutamanya dalam kalangan golongan muda yang baru memasuki alam pekerjaan dapat dikurangkan melalui kewujudan sistem pengangkutan awam darat yang cekap ini.

Daripada segi penyertaan bumiputera pula, projek MRT telah membantu meningkatkan penglibatan bumiputera di mana 50 peratus daripada jumlah nilai kontrak bagi lalu laluan SBK telah dilaksanakan oleh syarikat-syarikat bumiputera. Ini telah melebihi sasaran kerajaan sebanyak 43 peratus di mana jumlah kontrak-kontrak ini adalah bernilai sebanyak RM200 juta. Ia telah melibatkan kontraktor-kontraktor bumiputera Gred G1, G2, G3 dan G4.

Selain itu, satu program untuk usahawan muda bumiputera telah diwujudkan untuk projek MRT iaitu Program Usahawan Muda MRT ataupun *MRT Young Entrepreneur Programme* (MYEP) adalah satu program usaha sama oleh MRT Corp., Perbadanan Usahawan Nasional Berhad iaitu PUNB dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan iaitu CIDB yang membuka peluang graduan bumiputera untuk menjadi kontraktor muda dalam industri pembinaan dan rel. Kumpulan pertama MYEP telah diambil pada tahun 2013 semasa pembinaan laluan SBK. Seramai 20 peserta telah berjaya menamatkan program, dan membentuk 13 syarikat yang kemudiannya dianugerahkan kontrak berjumlah RM25 juta oleh kontraktor pakej kerja laluan SBK. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Menteri yang menjawab. Saya rasakan jawapan ini cukup lengkap tetapi soalan saya tidak terjawab. Soalan saya, apakah pihak kerajaan bercadang untuk menyambung jajaran sehingga ke Seremban.

Keduanya, jawapan tadi menampakkan kepada kita bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak memilih keadaan ataupun tidak mensia-siakan rakyat ataupun penduduk 1.2 juta di Kajang. Jadi, apa yang saya lihat pembinaan ini lebih kepada sosioekonomi dan sebagainya tetapi pagi tadi saya bertolak dari Seremban 6.30 pagi sampai ke Parlimen ini, 8.30 pagi. Jadi, bagaimana hendak menyedarkan 1.2 juta ini menggunakan laluan MRT tersebut tanpa membawa kenderaan. Walau bagaimanapun, baiknya apa yang kita lakukan tetapi kalau kesedaran rakyat tidak menggunakan pengangkutan awam, ia tidak memberi impak yang besar kepada mereka yang menggunakan jalan raya seperti yang saya sebutkan tadi. Apa jawapan Menteri agar ia memberi impak yang besar kepada semua persekitaran yang dibuat oleh kerajaan?

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Kasihan, saya dengar.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, kerja-kerja pembinaan projek MRT2 sedang giat dijalankan. Projek MRT2 ini membabitkan laluan dari Sungai Buloh ke Putrajaya melalui Serdang. MRT laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya ataupun SSP ini dijadualkan akan siap sepenuhnya pada tahun 2022.

Menyentuh tentang cadangan untuk membina sistem MRT di bandar atau negeri-negeri lain, perlu diingatkan bahawa pelbagai faktor perlu dipertimbangkan sebelum sesuatu jenis pengangkutan awam dibangunkan. Di antara faktor yang perlu dilihat termasuklah yang pertama, kepadatan populasi

di sesuatu kawasan tersebut. Yang Berhormat tadi menyentuh mengenai *1.2 million*, dengan izin. Keadaan muka bumi atau geografi. Jumlah permintaan ataupun *demand*, dengan izin, terhadap penggunaan dan aliran pergerakan penumpang atau dengan lebih tepat terma yang digunakan adalah *passenger per hour per direction* (PPHPD), dengan izin.

Oleh itu, sistem MRT bukanlah satu-satunya pilihan mod pengangkutan awam yang terbaik atau optimum untuk sesuatu kawasan. Ini kerana kebolehlaksanaan ataupun *feasibility*, dengan izin, sesuatu jenis mod pengangkutan awam itu mempunyai pilihan-pilihan lain seperti bas henti-henti ataupun *stage bus* ataupun *train*, dengan izin.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) akan terus meneliti sistem pengangkutan yang terbaik untuk kawasan-kawasan lain di negara ini. SPAD kini sedang menyediakan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat ataupun RIPAD Wilayah bagi Wilayah Utara dan Wilayah Selatan. RIPAD Wilayah ini akan mengandungi dasar dan rancangan peringkat mikro termasuk skim dan program bagi pengangkutan awam darat selari dengan visi dan matlamat yang telah ditetapkan dalam RIPAD negara iaitu untuk mencapai perkongsian mod ataupun *modal share* pengangkutan awam darat sebanyak 40 peratus di kawasan bandar dan penambahbaikan kesalinghubungan antara kawasan bandar dan luar bandar. RIPAD Wilayah itu kelak untuk Negeri Sembilan iaitu termasuk dalam RIPAD Wilayah Selatan. Sabar Yang Berhormat ya, akan dapat mengenal pasti pilihan mod atau jenis pengangkutan awam yang terbaik bagi sesuatu kawasan itu dan akan dibangunkan dengan sewajarnya.

Bagi soalan bahagian kedua Yang Berhormat tadi, mengenai bagaimana menyedarkan 1.0 juta penduduk di mana kerajaan telah membina MRT ini, bagaimana untuk mereka menyedarinya sebab kita lihat masih lagi dikatakan ramai yang tidak menggunakan pengangkutan awam darat. Ingin saya kongsi di sini Yang Berhormat, kita telah nampak implikasinya jalan raya agak kurang sikit daripada segi *jammed*-nya kalau bandingkan dengan yang dulu. Untuk menyedarkan masyarakat, saya tahu di mana Yang Berhormat hendak tuju, hala tujunya. Kita tidak mengira sama ada kawasan itu adalah kawasan pembangkang kah kawasan Kerajaan Barisan Nasional kah, kita tidak kira. Kita hanya menumpukan perhatian kita terhadap memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat supaya rakyat menyedarinya. Inilah cara kita dalam Kerajaan Barisan Nasional untuk membawa perkhidmatan untuk semua rakyat.

Saya hendak berkongsi di sini, mengambil masa sikit Tuan Yang di-Pertua. Apabila saya menyaksikan sendiri video-video mengenai bagaimana proses-proses MRT ini dibina, saya terharu kerana saya melihat ramai anak muda terutama sekali orang muda kita menjadi *engineer*, orang Malaysia sendiri. Walaupun memang ada orang luar dari Malaysia membantu untuk menamatkan projek ini tetapi ramai daripada golongan muda terutama sekali *engineer* kita yang terlibat sendiri, mereka menyatakan bagaimana bangganya mereka boleh terlibat dalam satu legasi untuk negara kita. Mereka terlibat dalam memasang semua yang teknikal punya *facility*, dengan izin, dan bagaimana mereka merasa itu adalah projek untuk mereka, projek untuk negara kita dan mereka adalah sebahagian daripada sejarah yang ditubuhkan oleh negara kita iaitu legasi dalam negara kita dan saya turut terharu.

Kita juga telah mampu untuk melatih orang tempatan melalui *Tunnelling Academy*, kalau tidak silap, institusi *Tunnelling Academy* kita. Kita mempunyainya sendiri. Ini adalah *the way forward*, dengan izin, untuk negara kita di mana kita boleh meyakinkan rakyat kita di mana kita boleh membina lebih banyak lagi dan yang akan datang ialah ECRL. Jadi, ini adalah di antara projek-projek yang boleh meyakinkan rakyat, apa lagi rakyat yang tidak menyokong kerajaan, harusnya menyedari bahawa Kerajaan Barisan Nasional memang mampu untuk memberi perkhidmatan seperti ini dan membekalkan projek infrastruktur seperti ini kepada rakyat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Ng Chiang Chin: Sikit, Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya?

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat.

Datuk Ng Chiang Chin: Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada masa dah. Yang Berhormat Tan Sri Nallakaruppan.

■1120

7. **Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, jumlah kes penculikan dan kehilangan kanak-kanak yang dilaporkan sepanjang tahun 2016 dan apakah tindakan Kerajaan menangani kes-kes tersebut dan juga menangani kerisauan orang awam yang sering mendapat makluman berlaku kes penculikan dan kehilangan ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Masir Kujat]: Tuan Yang di-Pertua, PDRM memandang serius kes kanak-kanak hilang dan atau kes culik yang berlaku di dalam negara kita. Jika keadaan ini tidak dikawal, boleh mengundang kes pemerdagangan orang atau kes sosial yang lain. Statistik kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah yang hilang dari seluruh negara pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

- (i) jumlah kanak-kanak dilaporkan hilang adalah 1,803 orang;
- (ii) jumlah yang dijumpai semula seramai 979 orang; dan
- (iii) jumlah yang masih hilang setakat ini seramai 824 orang.

Sementara itu bagi kes kanak-kanak yang diculik untuk tebusan yang diklasifikasikan di bawah seksyen 3 Akta Penculikan [Akta 365] dari tempoh 2012 hingga 2016 adalah seramai 10 orang. Dari jumlah tersebut seramai lapan orang berjaya diselamatkan, seorang telah terbunuh dan seorang lagi dijumpai mati lemas. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan dan PDRM untuk mengekang masalah kehilangan kanak-kanak seperti berikut. Sejak 12 Januari 2010, *NUR Alert* atau NUR singkatan kepada *National Urgent Response* telah ditubuhkan sebagai sistem amaran awal kehilangan kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah yang dianggotai oleh 37 petugas daripada pelbagai kementerian, jabatan, agensi kerajaan, swasta dan agensi bukan kerajaan (NGO).

Hebahan pertama adalah dari PDRM dan kemudian akan dipantau oleh pasukan petugas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sistem *NUR Alert* merupakan pelan yang paling efektif dengan mengagubkan kerja sama agensi kerajaan dan swasta dalam usaha untuk mengesan dan mengembalikan semula kanak-kanak ke sisi keluarga mereka.

Seterusnya pada 4 November 2016, sistem *NUR Alert* ini telah dibuat penambahbaikan dengan dibuat *hyperlink* dengan *Facebook* menjadikan hebahan yang lebih meluas. Selain itu, PDRM juga akan memuat naik status kanak-kanak hilang dalam laman sesawang rasmi PDRM melalui Portal Kanak-Kanak Hilang yang telah dilancarkan pada 8 Julai 2015. Portal ini bersifat interaktif yang mana ia

memudahkan orang ramai menyalurkan sebarang maklumat kanak-kanak hilang secara terus kepada pegawai penyiasat. PDRM juga giat menjalankan kempen kesedaran kanak-kanak atau *child awareness campaign* yang bertujuan memberikan kesedaran kepada masyarakat yang kanak-kanak mudah terdedah menjadi mangsa jenayah dan untuk memastikan langkah-langkah keselamatan terhadap kanak-kanak ini diberi perhatian oleh ibu bapa dan juga masyarakat sekeliling.

KDN menasihatkan orang ramai agar tidak mudah mempercayai maklumat yang tidak sah terutama kes penculikan kanak-kanak yang sengaja disebarkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menimbulkan suasana yang tidak tenteram di kalangan masyarakat. Selain itu PDRM juga memberi jaminan bahawa sebarang laporan yang telah diterima berkaitan kes penculikan akan segera diambil tindakan dan akan disiasat dengan teliti memandangkan kes berkenaan melibatkan nyawa mangsa terancam dan menyebabkan trauma kepada keluarga mangsa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tan Sri Nallakaruppan.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Apakah sosial media berjaya membantu dalam mengenal pasti penjenayah ini dan juga membantu penemuan mangsa penculikan atau kanak-kanak hilang? Terima kasih.

Dato' Masir Kujat: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Memang kita katakan peranan sosial media ini banyak membantu pihak polis dan amat berjaya untuk mengesan mereka yang hilang di bawah umur 12 tahun kerana sistem *NUR Alert* itu amat berkesan dan telah pun di kolaborasi melalui *hyperlink* atau *Facebook* yang beroperasi di Singapura dan mudah untuk kita dan orang ramai dan sebagainya untuk menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa ataupun pegawai penyiasat. Dalam sistem ini pun pihak polis juga akan menghantar melalui portal *email* kepada *Facebook* supaya mereka yang hilang atau yang kena culik akan mudah ditemui semula.

Tadi saya sudah menyebutkan statistik setakat tahun ini sahaja seramai 1,803 orang dikenal pasti atau hilang dan yang telah dijumpai semula seramai 900 orang dan yang masih hilang adalah 800 orang. Ertinya hampir separuh daripada orang yang hilang dapat ditemui dan juga kes penculikan, kalau tadi saya telah sebutkan bahawa 10 orang telah diculik, seorang yang telah mati dibunuh dan seorang mati lemas dan lapan telah dijumpai. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, soalan akhir. Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

8. Datin Rahimah binti Haji Mahamad minta Menteri Pendidikan menyatakan, bilangan unjuran pelajar pra-sekolah pada tahun 2018, dan bagaimanakah koordinasi Kementerian Pendidikan dengan KEMAS dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) untuk memastikan semua kanak-kanak pra-sekolah Kumpulan B40 mendapat tempat di kelas pra-sekolah di Kementerian Pendidikan, Tadika KEMAS dan Tadika JPNIN.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Rahimah atas soalan pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2018 dianggarkan 900,000 kanak-kanak akan mengikuti pendidikan prasekolah melibatkan pelbagai agensi pelaksana. Daripada jumlah tersebut, dianggarkan

seramai 207,350 kanak-kanak akan mengikuti prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Pengambilan murid prasekolah adalah tertakluk kepada dasar dan syarat agensi pelaksana pendidikan prasekolah.

Bagi prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia, penerimaan masuk kanak-kanak adalah berdasarkan permohonan dan kesediaan tempat yang ditawarkan. Pemilihan dibuat oleh jawatankuasa pemilihan murid di peringkat sekolah berdasarkan kohort umur dan pendapatan per kapita, keutamaan diberikan kepada kanak-kanak yang berumur lima campur atau enam tahun dan pendapatan per kapita isi rumah daripada rendah kepada tinggi.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia membuat koordinasi bersama agensi pelaksana lain seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Jabatan Perpaduan Negeri dan Integrasi Nasional melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Kemajuan Prasekolah Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Mesyuarat tersebut akan memutuskan agihan sasaran bagi kemasukan ke prasekolah setiap agensi pelaksana. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang cukup kemas dan Terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua.

Soalan tambahan saya, bagaimanakah sasaran kerja awam dan swasta atau pihak berkepentingan untuk kanak-kanak luar bandar yang memasuki pendidikan prasekolah mencapai kadar *enrollment* seratus peratus dan persiapan kerajaan bagi menjamin akses kanak-kanak luar bandar mendapat kualiti prasekolah setanding dengan rakan mereka di bandar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Secara ringkas Yang Berhormat Senator.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Ya Tuan Yang di-Pertua. Seringkas yang boleh. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tersebut.

Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia setakat ini telah pun mencapai hampir 80 peratus sasaran pelajar-pelajar untuk memasuki prasekolah. Sasaran kita 90 peratus, tetapi sudah sampai 80 peratus. Kita kekurangan 10 peratus. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia memastikan setiap sekolah di sekolah kerajaan akan ada prasekolah dan pada masa yang sama kita memantau prasekolah swasta juga, kita menarik minat lebih ramai lagi anak-anak didaftarkan melalui salah satu kaedah. Ada pelbagai kaedah untuk kita memasuki pra sekolah dan prasekolah KPM di antara kaedahnya kita ada daripada KEMAS, kita ada Jabatan Perpaduan, kita ada daripada sekolah agama, kita ada juga melalui sekolah swasta. Kita akan mencari pelbagai kaedah untuk memastikan pencapaian atau kemasukan pelajar-pelajar prasekolah ini mencapai sasaran kerajaan dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1130

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan.

Puan Bathmavathi Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah untuk memastikan kanak-kanak OKU tidak terpinggir dari ilmu pendidikan yang berkualiti, kerajaan telah melaksanakan projek Taska OKU dari tahun 2013 lagi. Ini adalah untuk kanak-kanak yang mengalami *syndrome down*, *autisme*, masalah penglihatan, pekak, bisu dan juga yang mengalami

masalah fizikal. Saya ingin tahu selepas empat tahun ini, apakah perkembangan yang telah berlaku dan juga kedudukan terkini dalam menyediakan kemudahan pra sekolah bagi kanak-kanak OKU di seluruh negara? Iaitu dari segi bilangan Taska OKU, penyediaan guru-guru yang terlatih serta infrastruktur dan juga peralatan dan kemudahan yang diperlukan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi atas soalan spesifik kepada pendidikan pra sekolah untuk pelajar-pelajar kurang upaya.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, Kementerian Pendidikan Malaysia tidak mengabaikan sama sekali mana-mana pelajar. Seperti mana yang saya katakan tadi, sasaran 90 peratus termasuk pelajar-pelajar yang kurang upaya dan kita menyediakan laluan-laluan ini kepada semua sekolah. Guru-guru juga dilatih walaupun sekarang- untuk makluman Yang Berhormat, kita ada sekarang lebih kurang 9,328 orang guru yang mengajar di pra sekolah termasuk guru-guru yang mengajar kanak-kanak kurang upaya di pra sekolah. Daripada 9,328 guru-guru ini, 90 peratus guru-guru adalah guru-guru yang memenuhi opsyen keperluan. Kita ada melakukan latihan-latihan diperlukan dan untuk guru-guru yang memerlukan latihan tambahan untuk mengajar anak-anak pra sekolah khususnya anak-anak kurang upaya ini kita akan sentiasa memberi panduan dan juga latihan yang diperlukan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kos untuk kita menampung setiap anak yang kurang upaya ialah kerajaan menanggung sebanyak RM2,326 setiap pelajar, semua kemudahan. Pelajar biasa tanggung kita ialah sebanyak RM526 seorang pelajar. Walaupun kosnya tinggi, kerajaan hendak memastikan tiada siapa yang terlepas daripada sistem pendidikan Malaysia. Kita akan memastikan angka ini meningkat, guru-guru akan diberi latihan untuk memastikan memberi pendidikan yang sama kepada semua tanpa mengira agama, bangsa dan juga latar belakang mereka. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri atas *Standing Order 22(3)*. Ini kerana ada dua soalan yang saya kemukakan di Dewan ini yang telah ditolak atas alasan bagi saya tidak munasabah. Boleh saya baca soalan itu?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Soalan yang pertama yang ditolak ialah, "Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan akan membuka semula kes rasuah dan jenayah yang membabitkan pembelian kapal selam *Scorpene* ekoran pendakwaan di Perancis menunjukkan unsur rasuah dan kes jenayah." Ini ditolak atas *Standing Order 22(1)(h)* "a question shall not be asked for the purpose of obtaining an expression of opinion, the solution of an abstract legal case or the answer to a hypothetical proposition". Ketiga-tiga ini tidak boleh diguna pakai di dalam kes ini.

Soalan yang kedua yang ditolak ialah, "Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta Perdana Menteri menyatakan, bilangan orang Melayu yang telah murtad mengikut negeri daripada tahun 2012 sehingga 2016." *The clause* yang digunakan untuk tolak soalan saya salah. *Clause* yang salah ialah P.M. 22(1)(g)(i). *Clause* ini tidak ada. *Clause* yang harus digunakan ialah P.M.22(1)(q)(i).

Mungkin Tuan Yang di-Pertua perlukan masa untuk beri jawapan tetapi kalau boleh jawapan boleh diberi hari ini, eloklah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan bagi petua saya sebelah tengah hari. Silakan Yang Berhormat Menteri.

USUL

USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DI BAWAH P.M. 70

11.35 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70, Majlis Dewan Negara melantik sebuah Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Kelima, Parlimen Ketiga Belas, yang mengandungi seorang Pengerusi, dan 4 orang Ahli Jawatankuasa seperti berikut:

1. Yang Berhormat Dato' Sri SA. Vigneswaran – [Pengerusi]
[Yang di-Pertua Dewan Negara];
2. Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Haji Abd. Samad
[Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara];
3. Yang Berhormat Dato' Dr. Hou Kok Chung;
4. Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh; dan
5. Yang Berhormat Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri mengikut P.M. 70 iaitu tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEGANASAN RUMAH TANGGA (PINDAAN) 2017

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

11.37 pg.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 untuk meminda Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dibacakan buat kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 atau selepas ini disebut sebagai 'akta yang dicadangkan' bertujuan untuk meminda Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] buat kali yang kedua selepas dipinda kali pertama pada tahun 2012.

Akta Keganasan Rumah Tangga telah digubal dan dibentangkan di Parlimen pada tahun 1994 apabila kerajaan mendapati bahawa jenayah keganasan yang dilakukan dalam rumah tangga kian meningkat dan mula menjadi masalah sosial pada masa tersebut. Akta tersebut telah diluluskan di Parlimen dan telah dikuatkuasakan di seluruh Malaysia mulai 1 Jun 1996.

Pihak kementerian melalui agensinya termasuk Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menjalankan pelbagai program kekeluargaan dan pembangunan keluarga seperti Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN, Program Parenting@Work, Program Pra Perkahwinan SMARTSTART bagi mengukuhkan institusi keluarga dan secara langsung diharapkan dapat mengelakkan tercetusnya kejadian keganasan dalam keluarga atau rumah tangga.

Mengikut rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat pula, sebanyak 3,325 intervensi kes iaitu termasuk kaunseling kepada mangsa, pelaku dan keluarga telah dibuat dari tahun 2012 hingga tahun 2016 bagi membantu menangani dan menyelesaikan kes keganasan rumah tangga ini. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui perundangan dan program yang dinyatakan di atas, pihak kerajaan mendapati bilangan kes keganasan rumah tangga masih meningkat dari tahun ke tahun. Merujuk kepada statistik Polis Diraja Malaysia, bermula pada tahun 2014 sehingga Disember 2016, sebanyak 15,617 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan.

■1140

Daripada jumlah ini, sebanyak 74 peratus adalah mangsa wanita dan selebihnya 26 peratus adalah mangsa lelaki termasuk suami. Sehubungan itu, pihak kerajaan telah mengadakan konsultasi dengan pelbagai agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk mengenal pasti permasalahan di peringkat akar umbi termasuk kelemahan dari segi perundangan, menubuhkan sebuah jawatankuasa kajian semula undang-undang berkenaan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak.

Dalam hal ini, pihak kerajaan ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih atas kerjasama yang diberikan oleh NGO-NGO termasuk *The National Council of Women's Organizations* (NCWO), Gabungan Kumpulan Wanita Bertindak bagi Kesamarataan Gender (JAG), *Women's Aid Organisation*, *Women's Centre for Change Penang*, *All Women's Action Society*, *Perak Women for Women Society*, Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor, Persatuan Sahabat Wanita Selangor, *Sabah Women's Action-Resource Group*, Tenaganita, Persatuan Usiamas Malaysia, dan banyak lagi NGO yang saya tidak dapat sebut semuanya bagi membolehkan akta yang kita cadangkan ini dibentangkan pada hari ini.

Tidak lupa juga kepada mangsa-mangsa keganasan rumah tangga yang tabah berkongsi pengalaman mereka untuk memberi panduan kepada cadangan-cadangan dasar yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama akta yang dicadangkan adalah untuk:

- (a) mempertingkatkan perlindungan kepada mangsa dengan mengadakan peruntukan bagi:
 - (i) perintah perlindungan kecemasan sebagai tambahan kepada perintah perlindungan interim, dan perintah perlindungan sedia ada; dan
 - (ii) perluasan tafsiran keganasan rumah tangga untuk membolehkan mangsa mendapat perintah perlindungan interim dan perintah perlindungan.
- (b) membantu memulihkan institusi kekeluargaan dengan mengadakan program pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini mengandungi 15 fasal kesemuanya. Ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada fasal-fasal utama dalam akta yang dicadangkan ini. Antara pindaan utama adalah seperti berikut.

Fasal 2 bertujuan antaranya memperluaskan takrif keganasan rumah tangga untuk merangkumi:

- (i) perlakuan menggelapkan harta mangsa;
- (ii) mengugut mangsa dengan niat untuk menyebabkan mangsa takut akan keselamatan dirinya atau keselamatan hartanya atau pihak ketiga atau mengalami kesedihan; dan
- (iii) berhubung dengan mangsa dengan niat mengaibkan kehormatan mangsa melalui apa-apa cara termasuk menggunakan medium elektronik.

Pindaan yang dicadangkan ini akan memberi perlindungan yang lebih baik kepada mangsa keganasan rumah tangga kerana mangsa boleh membuat permohonan bagi perintah perlindungan interim dan perintah perlindungan.

Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan perintah perlindungan kecemasan. Seksyen baharu 3A yang dicadangkan bertujuan memberi kuasa kepada pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa mengeluarkan perintah perlindungan kecemasan (EPO) untuk mangsa keganasan rumah tangga yang melibatkan ketakutan akan kecederaan fizikal atau kecederaan-kecederaan lain. Permohonan bagi mendapatkan EPO boleh dibuat pada bila-bila masa sama ada suatu perintah perlindungan interim

atau perintah perlindungan telah dibuat sebelum itu atau permohonan bagi IPO atau PO masih belum selesai. EPO hendaklah sah selama tujuh hari sahaja. Tempoh yang diberikan sepanjang EPO juga merupakan suatu tempoh bertenang kepada mangsa.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 4 bagi membolehkan mahkamah memberikan perlindungan tambahan bagi perintah perlindungan (PO) dan perintah perlindungan interim (IPO). Antaranya, mangsa di bawah perintah perlindungan interim akan mendapat perlindungan dengan hak penghunian eksklusif kepada mangsa, melarang atau menyekat pelaku daripada memasuki tempat kediaman atau kediaman bersama atau kediaman alternatif, tempat kerja atau sekolah atau institusi lain mangsa, membuat hubungan diri dengan mangsa, mengelakkan daripada membuat perhubungan bertulis atau telefon dengan mangsa dan membenarkan mana-mana orang dilindungi itu untuk terus menggunakan sesuatu kenderaan yang sebelum itu yang biasanya digunakan juga bagi sesuatu perintah perlindungan interim.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 6 untuk memberi hak penghunian eksklusif bagi keseluruhan kediaman bersama kepada mangsa bagi memastikan keselamatan mangsa. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, mahkamah tidak lagi dibenarkan untuk memberikan hak penghunian eksklusif hanya bagi bahagian tertentu kediaman bersama kepada orang yang dilindungi.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 11 untuk mengadakan suatu program pemulihan kepada pihak-pihak yang terlibat dengan syarat bahawa suatu perintah untuk merujuk mangsa kepada program pemulihan hendaklah dibuat hanya dengan persetujuan mangsa. Adalah diharapkan dengan program pemulihan ini dapat membantu memulihkan institusi kekeluargaan.

Secara kesimpulannya, keprihatinan terhadap perlindungan mangsa keganasan rumah tangga di negara ini dijangka membawa keharmonian dan kestabilan sosial dalam negara dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Pihak kerajaan sedar bahawa pindaan kepada undang-undang hanyalah langkah pertama. Pihak kementerian akan mengatur langkah seterusnya bagi memastikan penguatkuasaan kepada akta yang dicadangkan dapat dilaksanakan dengan baik dan agensi-agensi penguatkuasaan terutamanya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC) di hospital awam dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, semua pegawai yang terlibat dalam pengendalian kes keganasan rumah tangga akan diberi pengetahuan dan latihan yang mencukupi bagi tujuan melaksanakan undang-undang ini kelak.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya jemput Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah. Silakan.

11.49 pg.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang ini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang meminda Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521].

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di atas pindaan-pindaan yang dicadangkan. Secara umumnya, kalau kita tengok, kebanyakan atau hampir semua pindaan-pindaan yang dicadangkan itu adalah positif, bukan sahaja positif tetapi juga diperlukan pada masa-masa sekarang, kalau kita tengok dari segi peningkatan kes dan sebagainya. Tetapi, ada juga yang negatif tetapi saya akan fokus kepada yang positif dulu.

▪ 1150

Kalau tidak salah kalau dari segi pindaan saya ingat ini kali yang kedua akta ini dipindahkan pada mulanya pada tahun 2012. Cuma saya hendak tengok dari segi fokus pindaan kalau kita tengok pindaan pada kali yang pertama dia lebih fokus kepada tafsiran perkataan keganasan itu supaya dia hendak memasukkan *emotional harassment* dan sebagainya. Akan tetapi kali ini apa yang saya tengok dari segi fokus ialah supaya kita dapat meningkatkan perlindungan kepada *victim* atau mangsa keganasan rumah tangga. Jadi saya cakap akta ini amat diperlukan kalau kita tengok dari segi peningkatan kes.

Saya pernah baca banyak laporan dan juga semasa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri dari segi peningkatan. Kalau kita tengok dua tahun yang dilaporkan 2014 sampai 2016 sebanyak 15,600 lebih kes. Akan tetapi saya fokus lebih kalau kita tengok dari segi *gradual increase* kalau tengok dari tahun 2010, *figures* yang saya ada ini. Kalau kita tengok dari tahun 2010 ini, trend 2010 sehingga 2016 dia meningkat. Kalau kita tengok pada 2010 dia hanya 3,400 lebih kes atau 3,498. Akan tetapi pada tahun 2016 telah meningkat kepada 5,796 dari segi ini.

Soal kenapa saya bangkitkan isu statistik-statistik ini ialah jelas dia meningkat tetapi yang saya ada keraguan adalah kalau kita tengok angka-angka ini dia cuma merujuk kepada *cases* yang telah di lapor kepada PDRM dan pada - saya ingat sudah jadi pengetahuan umum...

Tuan Ramli bin Shariff: Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada sahabat saya Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah. Dari segi takrifan kepada ataupun definisi kepada keganasan ini, adakah ia termasuk di dalam perbahasan Yang Berhormat Senator di atas keadaan *mental tortured*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana kita lihat juga data dari segi Kementerian Kesihatan soal *mental illness*, dengan izin ataupun *mental illness* Tuan Yang di-Pertua saya tidak dapat bahasa lagi sudah meningkat banyak. Jadi adakah dalam definisi pindaan ini sesuai atau tidak dimasukkan definisi soal *depression*, dengan izin, dan juga *anxiety*? Adakah perbahasan Yang Berhormat Senator akan merangkumi kepada soal *mental illness* ini dalam soal keganasan rumah tangga? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Ini kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua dia diliputi oleh kalau tidak salah kerana ini merujuk kepada Akta Ibu, Akta 521. Kalau kita tengok seksyen 2 tafsiran yang diberi kepada teks seksyen 2 oleh *domestic violence*.

Saya tidak berapa *sure* dia punya perenggan yang saya ingat (h) atau (g)? Di mana tafsiran *domestic violence* itu *the scope* itu diperluaskan dalam pindaan pada tahun 2012 itu untuk juga meliputi

psychological harassment. Pada saya- tafsiran saya *simple definition* kalau kita ambil tafsiran itu dia bukan sahaja dari segi *emotional harassment* tetapi juga akan *cover mental harassment*. Ini kefahaman saya dari segi seksyen 2 kalau tengok akta tahun 1994 selepas pindaan pada tahun 2012.

Akan tetapi mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan dengan lebih penting fasal ini merujuk kepada tafsiran dan akta ini yang pindaan ini dia cuma fokus kepada dari segi perlindungan tambahan. Balik kepada apa yang saya hendak menimbulkan ini dari segi angka-angka macam saya cakap tadi kalau kita tengok dua tiga tahun ini, bilangan kes sedang meningkat. Akan tetapi seperti saya cakap tadi kalau kita tengok *cases* ini dia cuma merujuk kepada *cases* yang pernah dilaporkan kepada PDRM dan saya ingat sudah menjadi pengetahuan umum bahawa bukan semua *cases* terutama sekali kes keganasan rumah tangga ini dilaporkan kepada PDRM.

Saya cuma hendak bawa perhatian atau mungkin mendapat komen dari Yang Berhormat Menteri saya pernah baca dari satu *report World Health Organization (WHO)* dia *report* di mana dia cakap untuk setiap kes yang dilaporkan terdapat juga lima kes yang tidak laporkan. So saya menimbulkan perkara-perkara ini fasal ini sekali lagi membuktikan atau menunjukkan kenapa akta ini benar-benar diperlukan. Saya ingat semua orang akui bahawa *the cases are more than yang direport*. So dia lebih mementingkan atau lebih menunjukkan kenapa kita perlu akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau macam tadi saya cakap kalau kita tengok kebanyakan pindaan itu amat positif. Yang amat positif sekali pada saya ialah pengenalan satu seksyen baru bahagian baru iaitu 1A yang akan membenarkan pengeluaran EPO atau perintah perlindungan kecemasan. Kalau kita tengok ini satu perlindungan tambahan fasal kalau kita tengok pada Akta Ibu sama ada melalui seksyen 4 ataupun seksyen 5 Akta Ibu kita cuma dapat *interim protection order* dengan *protection order* sahaja untuk mangsa-mangsa keganasan. So pada saya, *this is a very positive development*. Bukan *the whole concept of emergency protection order*. Kalau kita tengok bahagian 1A ini kita dapat banyak positif dalam bahagian 1A ini.

Pertama kalau secara khusus yang saya hendak fokus, yang pertama ialah seksyen 3(5) *very clear* kena- EPO itu kena dikeluarkan dalam masa dua jam selepas aduan dibuat dan juga 3B(1) dengan (2) yang berkaitan dengan penyampaian dalam masa 22 jam. Akan tetapi kalau kita tengok dari segi keseluruhan seksyen ini, dalam masa 24 jam. Pada saya ini berbeza dari IPO dengan PO fasal IPO dengan PO kalau kita tengok dia tidak tentukan masa. Kalau adapun selepas *court order* sahaja. Tempoh masa untuk IPO dengan PO ini dia tidak hadkan. Macam sini dia hadkan, EPO dihadkan. Kalau saya sudah buat satu *complaint* dalam dua jam EPO kena dikeluarkan. Akan tetapi dalam Akta Ibu kalau kita tengok cakap selepas - kalau masa ditetapkan pun dia cuma ditetapkan untuk penyampaian IPO dengan PO sahaja.

So dari segi ini saya tengok ini satu langkah yang positif bukan sahaja dari segi masa tetapi lagi satu keperluan. Kalau kita tengok IPO dengan PO di Akta Ibu, sebelum mahkamah boleh mengeluarkan IPO atau PO perlu ada siasatan polis *on going investigation by police*. Perkataan yang *exact*- perkataan saya tidak ingat tetapi yang saya ingat *the main act* akan dia pakai perkataan, *"pending investigation."* Akan tetapi kalau kita tengok dalam pindaan ini di EPO ini kalau kita tengok 3A(6) *there is no requirement* untuk *police report*. Kadang-kadang *police report* ini banyak dia orang

ini takut hendak pergi buat *police report* dan sebagainya. Dia perlu *protection* secara *emergency*. So tanpa menunggu *police report* dia pergi dapat dia punya EPO.

Ini dua yang saya nampak positif tetapi ada banyak lagi yang ada positif. Cuma saya hendak fokus sedikit kepada yang negatif supaya kita yang positif kita semua terima yang negatif kalau boleh supaya kita dapat menambah baik peruntukan-peruntukkan akta ini. Yang paling ketara ialah 3A (8). Kalau kita tengok 3A(8) dia berkaitan dengan tempoh laku EPO ini. Sekarang tempoh laku EPO adalah tujuh hari, *that's mean* selepas tujuh hari itu *validity of EPO* itu sudah habis tak ada *protection* lagi kecuali dia dapat *protection* melalui IPO, atau PO dalam tempoh tujuh hari.

■1200

Pada saya- saya rasa dalam tempoh tujuh hari bila dia dapat EPO dalam tujuh hari hendak pergi dapat IPO itu mungkin *it's not possible* dalam tujuh hari dari segi- pasal mangsa itu kena cari *lawyer*, kena pergi mahkamah, kena mohon, mahkamah ini pun *there is no urgency*, dalam Akta Ibu, ia tidak sebut bila mahkamah kena ini. So, *the* mahkamah mungkin boleh *drag the case* dan sebagainya. So, *validity*- saya faham niat kementerian di mana tujuh hari ini sebagai *cooling off period*. Saya faham sebagai *cooling-off period* tetapi pada saya, kalau sudah sampai setakat di mana ada *physical violence* itu, *I* rasa macam mana kita bagi *cooling-off period* pun tidak akan berlaku. *In fact*, pada saya, mungkin suami ataupun isteri akan *harass partner* itu pasal *you* pergi mohon EPO. Ia kan bertambah. Saya tidak tahu.

Tafsiran saya, kalau saya baca pindaan-pindaan ini, pada saya, ini saya perlu penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Kalau saya baca pindaan sekarang, *there is nothing to stop* Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk mengeluarkan *fresh EPO*. Maksud saya, kalau tujuh hari sudah habis dan tidak dapat mohon IPO, isu lagi satu *fresh EPO*, kalau keadaan memerlukan. *There's nothing to stop* kalau *I* tengok tafsiran sekarang. Kalau *that is okay*, pasal dia mungkin dia boleh anggap itu sebagai satu kes baru pasal kalau kita tengok bahagian 1A, *as long as* pegawai kebajikan masyarakat berpendapat bahawa perlunya EPO *and he can keep issue it*. Kalau benda ini betul, kalau tafsiran saya itu betul, *then I think* ini tidak akan jadi *problem*. Kalau tidak ada 3A(8) itu, akan jadi *it will serve no purpose*. Ia cuma akan bagi *protection* untuk tujuh hari sahaja.

So pada saya, kalau tidak boleh- bukan baru ya? Maksud saya, *issue* EPO baru, kalau tidak boleh, *then* matlamat kementerian untuk memberi perlindungan kepada mangsa tidak akan jadilah. So, *I urge the ministry to consider this*. Itu satu yang negatif.

Kedua, *I* tengok dari segi hukuman atau lebih *I* nak fokus kepada *the adequacy of the punishment*. Sekarang kalau kita tengok 3E. Kalau kita tengok seksyen 3E, ia cuma membenarkan RM2,000 hingga RM5,000 atau enam bulan ke dua tahun, terpulung sama ada jenis keganasan dan sama ada ini *repeated offence* atau tidak dan sebagainya. Akan tetapi *range* itu, dari segi RM2,000, RM 5,000, enam bulan dan dua tahun. Pada saya, hukuman, *one aspect of it*, *I* tengok, kenapa dalam pindaan dia pakai hukuman RM2,000 sampai RM5,000, enam bulan sampai dua tahun ialah dia ikut Akta ibu.

Kalau kita tengok *the 1994 Act*, sama juga dia punya penalti tetapi pada pendapat saya, EPO walaupun ini pindaan kepada Akta Ibu tetapi EPO ini adalah satu bahagian baru. Kalau kita masuk satu bahagian yang baru, tidak semestinya kita ikut penalti yang ada dalam akta baru. *We can always put a*

new penalty untuk satu seksyen baru. Pasal kalau kita tengok dari segi hukuman yang disyorkan untuk EPO sekarang, contoh kita ambil RM2,000. Pada saya, kalau saya hendak tengok dari segi *punishment* atau *philosophy of punishment*, pada saya, apabila kita kenakan hukuman, sebenarnya ia ada tiga matlamat.

Satu, *punitive*. *Punitive* kepada orang yang melakukan kesalahan itu. Pada saya, *RM2,000 is not punitive enough* untuk orang kaya sekarang. *In fact* pada zaman sekarang, *RM2,000 is not a very big amount of money, you know*. Okey. Dia sebat satu kali *and then* bagi RM2,000, habis. *So, to me, it does not meet the punishment*. Dari segi *punishment*, *it does not meet the first criteria of the philosophy of punishment which is punitive*. *Second requirement* pada pengetahuan saya, *second requirement of punishment* ialah *retributive*, supaya orang yang kena cedera itu, supaya mangsa itu dapat *some relief*. Dengan hukuman seringan ini, *I don't see* denda yang dicadangkan kecuali kalau enam bulan, itu lain cerita. Denda yang dicadangkan RM2,000 itu, *it is not retributive to the victim*.

The third aspect kalau kita tengok dari segi *punishment*, ini lebih penting. Kalau kita tengok dari segi akta-akta, yang lebih penting ialah kenapa- contoh kita ambil *Dangerous Drugs Act*. Kenapa kita letakkan- walaupun saya tidak setuju dengan konsep *death penalty* ini, tetapi kenapa kita kenakan *death penalty*, sebab ia akan jadi satu *deterrent* kepada masyarakat. Ini kalau *I* tengok RM2,000 ini, ia tidak akan jadi *deterrent*.

So, dari segi tiga-tiga keperluan *punishment*, *I* tengok hukuman ini begitu ringan. Itu *my second point*. So, cadangan saya, supaya kena meningkatkan hukuman *especially for the first offender*, RM2,000 dengan enam bulan. Pasal kita tahu, banyak mahkamah maksimum dia tidak akan kenakan enam bulan. Yang kita cerita ini, maksimum, *maximum sentence*. Yang kita cerita pun *maximum fine*. So, cadangan saya supaya kementerian boleh kaji semula dari segi *quantum of punishment*. Satu lagi isu yang...

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Mohon mencilah.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Ya.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Adakah mungkin Yang Berhormat bersetuju sekiranya dicadangkan antara hukuman yang dimasukkan di dalam akta adalah hukuman yang berbentuk alternatif iaitu seperti hukuman berbentuk khidmat masyarakat sebagai pengajaran kepada pesalah dalam kes ini?

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Itu satu cadangan yang baik tetapi kalau saya ada kuasa dalam tangan saya, kalau saya boleh ubah hukuman, saya rasa lebih elok kalau kita kenakan hukuman sebatan dari ini. Kalau kita tengok dari segi- *I'm not encouraging violence, ya? I'm not encouraging violence* tetapi kalau dari segi *fair punishment to the victim because the victim*, kita kena tengok tafsiran ini bukan sahaja- *It also covers physical violence*. So ini cadanganlah.

Akan tetapi betul, kalau kita tengok hukuman masyarakat ini, *community service* ini, biasanya orang macam ini, satu aspek *community service* sebagai hukuman ialah untuk *ridicule victim* itu supaya dia tidak akan ulang tetapi orang macam ini kalau sudah sampai *physical violence* sebagainya, macam mana *you* buat *community service* pun, dia tidak akan berubah *because he has reached that stage*.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, panjang lagi?

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Panjang lagi?

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Sekejap. Sekejap. Dua isu sahaja. Saya hendak menyentuh dua isu...

Tuan Haji Muhamad bin Mustafa: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Mohon Tuan Yang di-Pertua mencelah. Yang Berhormat Senator, berkenaan dengan *punishment* atau hukuman ini, saya ingin tahu dari mana sumber rujukan hukuman itu dibuat, sama ada ia merujuk kepada pemikiran ataupun kajian yang kita buat ataupun di sana ada satu rujukan yang memang merujuk kepada sumber pencipta manusia itu sendiri iaitu merujuk kepada agama dan juga merujuk kepada sumber yang mutlak? Bukan hanya sekadar merujuk kepada hukuman-hukuman yang berdasarkan kepada pemikiran semata-mata. Kalau boleh Yang Berhormat Senator terangkan, berdasarkan kepada undang-undang yang ada ini atau yang dibentangkan ini, di manakah sumber rujukan dalam menentukan *punishment* itu? Terima kasih.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Kalau hendak komen secara umum, bolehlah. Hendak komen pasal mahkamah syariah, kuasa syariah semua, saya tidak ada pengetahuan langsunglah. Akan tetapi jelas kalau kita tengok dari segi aspek hukuman yang ini, ia datang dari akta ini dan akta ini di-pass oleh Parlimen inilah. So bukan dari- sama ada semasa dia mengenakan ini, dia ambil *inspiration* dari agama, itu lain ceritalah. Akan tetapi buat masa ini, akta ini, *punishment* itu datang dari ini.

Tuan Yang di-Pertua, cuma dua isu lagi. Satu yang saya hendak sentuh ialah *low rate of conviction* atau kadar sabitan. Kalau kita tengok dari segi- Ini saya cuma hendak *quote* satu *figure* supaya hendak bagi gambaran *how bad the situation is*, kalau kita tengok. I balik kepada satu *report* yang saya baca dari *Women's Centre for Change* (WCC).

■1210

Kalau kita tengok dari *report* itu. Dari *figure* yang kita laporkan sebagai contoh, kita lapor 5,000 orang pergi lapor kepada polis dan sebagainya. Itu cuma setakat laporan sahaja. Dari 5,000 lebih yang dilaporkan, peratusan yang dibawa ke mahkamah hanya 10 peratus sahaja. *Average-* ya. *I'm not going* secara *specific year by year*. Akan tetapi, secara *average* hanya 10 peratus dari *cases* yang dilaporkan kepada PDRM dibuat dibawa kepada mahkamah, satu.

Kedua, dalam *cases* yang dibawa kepada mahkamah. Kalau kita tengok dari segi *conviction cases*, total dari segi total. Kalau kita tengok 10 peratus sahaja berjaya dapat disabit kalau dari segi total pasal *the figure, the real figure*, kalau *you* baca itu dua pertiga dapat pergi ke ini tetapi *conviction rate is 10 percent*. So, maka pada keseluruhannya *conviction rate is about 3.5 percent* sahaja. So, pada saya *low conviction rate*. Saya faham mungkin kementerian akan cakap *low conviction rate* ini bukan isu kementerian tetapi *my argument is, it is* kementerian punya isu kerana *my last point is this*. Apa yang saya panggil, *victim advocacy*.

Kalau kita tengok kebanyakan *cases* yang kalah di mahkamah atau tidak boleh *successfully* dapat *conviction* di mahkamah *is* adalah kerana mangsa-mangsa ini, *they are not properly prepared*. Sama ada dia takut, dia kena ugut dan sebagainya. Salah satu aspek yang saya baca ialah dari segi- bila saya sebut *victim advocacy* ini, saya lebih fokus kepada sokongan yang diberi kepada mangsa-

mangsa. Kalau kita tengok banyak negara yang lain, dia ada satu *set of trained professionals* yang boleh *counsel* mangsa-mangsa ini sehingga pergi ke mahkamah.

Pasal apa yang berlaku sekarang, *I* pernah tengok *cases* yang datang ke *service centre* dan sebagainya. Dia pergi, pernah pergi ke mahkamah dua kali *postpone*, tiga kali *postpone*, empat kali *postpone*, *no more witnesses*, *people lost interest* dan sebagainya. So, pada saya yang penting ialah *victim advocacy*. Cuma, dua soalan terakhir sahaja. Dua soalan. Satu, kalau *I* tengok dari segi *definition spouse* itu. *Definition spouse* itu, ia tidak meliputi- maksud saya, saya merujuk kepada *definition seksyen 2 Akta Ibu* itu. *Definition spouse* itu, ia tidak melibatkan *cohabitating couples* atau *live in couples*.

Ini saya tidak sebut dari segi moral aspek *and all*. *I don't want to sit on the moral high ground*. Masing-masing terpulang pada dia. *Whatever his religion is whatever* dia buat terpulang pada dia. Akan tetapi, dari segi- saya cuma hendak fokus. *I'm not encouraging live in couple*. Cuma *I* hendak fokus dari segi aspek keperluan untuk perlindungan. *Even living couples can be subject to physical harassment* dan sebagainya. Sama ada akta ini akan diperluaskan untuk *cater for cohabitating couples*, dari segi *definition*. Balik kepada dari segi *definition*. Saya ada satu soalan terakhir. Kalau tidak salah, *definition* yang digunakan oleh seksyen 2 akta ibu dia pakai perkataan *de facto spouse*.

De facto spouse ini, walaupun bila dia gubal akta itu erti *de facto spouse* pada masa tahun 94 itu *I* faham banyak perkahwinan tidak didaftarkan di bawah *registration of marriages, births or what so ever act*. Banyak *customarily marriages*. So, *de facto spouses* ini digunakan untuk *customarily marriages*. Soalan terakhir saya, sama ada akta ini juga akan beri perlindungan kepada *foreign spouse*. Pasal sekarang pun kita tengok banyak *foreigner spouses* yang juga perlu. *In fact*, dia lebih banyak dia perlu perlindungan *because they got nobody to turn too*. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator dan saya ada sini hampir 11 orang hendak bercakap. Minatnya ramai Yang Berhormat ya dan saya minta supaya kita dapat juga padat dan ringkas ya. Saya mempersilakan pula Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin. Dipersilakan.

1214 tgh.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, saya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim kerana hadir sendiri untuk membentangkan rang undang-undang bagi meminda Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Pindaan). Saya pastinya rang undang-undang ini amat *significant* dan penting. Saya juga ingin mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana limpah kurniannya dan rahmat keberkatannya, rang undang-undang ini telah lulus di Dewan Rakyat dan sekarang dibentangkan di Dewan yang mulia ini untuk diluluskan dan dilaksanakan segala pindaan yang memberi manfaat dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya serta implikasi buruk tren keganasan rumah tangga ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut dapatan dan hasil statistik dari kerajaan didapati 74 peratus kes-kes keganasan rumah tangga ini melibatkan kaum wanita dan kebanyakan kes yang terjadi adalah kes-kes perselisihan faham yang melibatkan hal ehwal rumah tangga kerana masalah kewangan dan stres di tempat kerja. Selain daripada itu, masalah keganasan ini juga terjadi disebabkan oleh pihak ketiga seperti kekasih, kekasih gelap atau gangguan kacau, gangguan ipar duai dan mertua yang boleh memporak-perandakan keharmonian rumah tangga.

Episod keganasan ini berlaku kerana sikap panas baran dan tindakan luar kawalan individu terutama bagi mereka yang terlibat dalam masalah sosial seperti penagihan dadah, judi dan terjebak dengan tekanan ceti haram. Oleh yang demikian, amatlah tepat sekali pindaan dalam fasal kedua pindaan akta ini yang meliputi sudut rangkuman yang lebih besar di mana keadaan kerugian kewangan mangsa, ketakutan mangsa terhadap ugutan dan penyalahgunaan media sosial dan elektronik dalam mengaibkan kehormatan mangsa.

Namun, saya ingin menyentuh tentang pindaan seksyen 2. Kita dapati bahawa banyak lagi ruang yang perlu diperjelaskan, apakah takrif keganasan dalam rumah tangga dalam seksyen 2. Akta Ibu dipinda dengan memperluaskan takrifnya agar meliputi bukan sahaja serangan fizikal tetapi juga kesan mental bukan hanya bila adanya serangan fizikal ke atas mangsa tetapi termasuk kewangan yakni harta benda, perasaan takut dan ugutan dan kehormatan negara.

Cadangan pindaan ini membuka ruang yang lebih holistik dan komprehensif bagaimana seseorang mangsa boleh mendapat perlindungan dan *relief* di bawah undang-undang Akta Keganasan Rumah Tangga ini. Ini adalah amat dialu-alukan dan diterima baik oleh semua lapisan masyarakat terutamanya wanita yang selalunya memerlukan pembelaan dan kita tahu bahawa akta ini juga memberi perlindungan kepada kaum lelaki dan ahli anggota keluarganya. Pindaan ini amatlah tepat sekali kerana seseorang mangsa itu bukan hanya terseksa kerana kecederaan fizikal tetapi juga ia boleh merupakan kecederaan mental. Kecederaan mental ini, termasuk juga gangguan pihak ketiga yang menggugat kestabilan perkahwinan seperti ibu mertua, ipar duai yang mengikut kajian oleh LPPKN, statistik menunjukkan 6 peratus daripada penyebab penceraian adalah kerana campur tangan pihak ketiga seperti ibu mertua, ipar duai dan juga perempuan atau lelaki.

Justeru itu, pihak ketiga seperti disebutkan di atas perlu juga di ambil tindakan melalui keganasan seperti ditakrifkan di bawah EC. Juga adalah dicadangkan bahawa apabila adanya perbuatan keganasan rumah tangga, seseorang mangsa bukan sahaja boleh mendapatkan perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan. Malah ingin dicadangkan bahawa mangsa boleh membuat tuntutan di bawah akta ini untuk mendapatkan remedi daripada pihak mahkamah. Buat masa ini, ramai mangsa keganasan rumah tangga seperti ini tidak mempunyai ruang remedi di sisi undang-undang dan ia perlu ditingkatkan bahawa masalah rumah tangga yang seperti ini sukar mendapat perlindungan undang-undang dan kini menular di kalangan keluarga dan mereka yang sudah berkahwin.

Selain daripada itu, kecenderungan memangsakan pasangan berkeluarga dengan menyalahgunakan media elektronik, memerlukan sokongan dan bantuan agensi seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) dalam membantu JKM dan PDRM dalam melaksanakan sekatan

terhadap penyebaran kandungan seperti gambar atau hasutan yang boleh mengaibkan mangsa sebagaimana ketetapan yang diperuntukkan dalam seksyen 3A (7)(b).

Justeru, melalui ketetapan yang diperuntukkan dalam pindaan ini. Bagaimanakah Kementerian ingin memastikan JKM dan polis dengan kerjasama MCMC dapat melaksana dengan cekap menyekat sebarang penyebaran bahan yang boleh mengaibkan mangsa keganasan.

■1220

Sebab apa kita tidak mahu kalau, katalah sudah berlaku baru hendak ambil tindakan dan kita hendak tahu apakah *prevention* yang boleh dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, bagaimana dan sejauh manakah Kementerian dengan kerjasama MCMC dalam menyediakan kerangka kerja yang lebih cekap dan dinamik untuk memastikan penularan bahan-bahan yang berkaitan dengan keaiban mangsa keganasan rumah tangga dipelihara dalam setiap permohonan dan pelaksanaan perintah perlindungan yang diberikan terhadap mangsa sama ada ianya meliputi perintah perlindungan kecemasan ataupun perlindungan interim.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menjamin kualiti institusi kekeluargaan dipelihara dan memastikan skor domain kesejahteraan keluarga merentasi lapan domain utama yang ditetapkan dalam laporan indeks kesejahteraan keluarga 2016 perlu diberikan perhatian yang sewajarnya. Dalam Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga tahun 2016, didapati domain ekonomi skor kesejahteraan kewangan dan pengurusan kewangan keluarga menunjukkan rating pada kadar 6.83 bagi kesejahteraan kewangan dan 6.81 bagi pengurusan kewangan bagi penduduk luar bandar. Justeru, saya berpandangan kerajaan perlu menumpukan perhatian yang lebih serius dalam menangani kes-kes keganasan rumah tangga di luar bandar.

Merujuk kepada pindaan seksyen 11, saya ingin mendapat perincian strategi yang akan diguna pakai oleh Kementerian apabila pindaan ini diwartakan. Bagaimanakah perancangan terbaik kerajaan dalam menetapkan model program pemulihan mangsa keganasan rumah tangga dan bantuan serta sokongan kerajaan dalam memastikan trauma keganasan tidak menjadi kekangan kepada mangsa dan ahli keluarga mereka dalam meneruskan kehidupan berkeluarga dan menyepadukan program pemulihan keganasan rumah tangga ini sebagai *launching pack*, dengan izin, sebab ini peluang kedua *launching pack* peluang kedua pasangan yang menghadapi kes-kes keganasan rumah meneruskan kelangsungan institusi kekeluargaan demi kepentingan anak-anak mereka.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pindaan 3A yang mana memberi kuasa kepada pegawai kebajikan masyarakat untuk mengeluarkan perintah perlindungan kecemasan mengikut pindaan ini pegawai kebajikan masyarakat mempunyai kuasa dalam tempoh dua jam setelah mendapat permohonan melibatkan satu aduan keganasan rumah tangga. Setelah mendengar permohonan mengeluarkan perintah tersebut kepada pihak polis dalam tempoh masa 10 jam, perintah itu dikeluarkan untuk menghantar perintah tersebut kepada yang dituduh secara sendiri dalam masa 12 jam salinan perintah itu diterima. Perintah ini adalah sah selama 7 hari.

Cadangan perintah perlindungan kecemasan ini adalah baik dari segi praktikalnya ia agak diragui. Walaupun perintah boleh dikeluarkan dalam tempoh dua jam, perintah itu tidak akan berkuat kuasa selagi ianya tidak disampaikan kepada yang dituduh yang perlu menerimanya dalam tempoh 12

jam. Perintah ini mungkin dapat menghalang si mangsa daripada dipukul atau tindakan keganasan dapat dihalang apabila ia mendapat perintah. Jika ia tidak dapat perintah tersebut yakni polis tidak dapat menyerahkan perintah tersebut dalam tempoh yang ditetapkan saya mohon pencerahan. Bagaimanakah masyarakat ataupun pegawai kebajikan masyarakat boleh membuat keputusan mengeluarkan perintah dalam tempoh dua jam dan apakah yang akan berlaku sekiranya penyampaian perintah yang tidak dapat dipastikan dalam tempoh dua jam tersebut.

Adakah pihak dituduh boleh dikenakan hukuman denda ataupun penjara? Sekian, akhir kata Tuan Yang di-Pertua saya mohon agar kementerian bersama-sama PDRM menjadikan pindaan semula akta ini serta rangkuman pindaan sebagai mekanisme perundangan *statutory* yang lebih berkesan untuk menangani isu keganasan rumah tangga. Harapan saya pindaan dan ketetapan yang lebih ketat aspek punitif yang diperuntukkan dalam pindaan akta ini akan menyedarkan masyarakat untuk memastikan kes-kes keganasan rumah tangga dikurangkan terus di dalam masyarakat kita demi kesejahteraan keluarga. Saya mohon menyokong, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar.

12.24 tgh.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga. Bagi saya tidak ada masalah lah tentang pindaan-pindaan yang dicadangkan dan saya sokong dengan penuhlah pindaan-pindaan ini. Ini merupakan satu pindaan yang elok dan baik serta selaras dengan keperluan semasalah. Saya takkan mengulangi apa yang telah disampaikan oleh rakan-rakan saya di sini. Saya hanya sentuh beberapa perkara yang mungkin tidak akan disentuh oleh sesiapa pun.

Kita tidak boleh menafikan bahawa masalah keganasan rumah tangga merupakan suatu masalah yang serius di negara ini dan oleh sebab itu kita kena menyelidiki sebab-sebab masalah ini didapati dan amat sukar diatasi. Oleh sebab itu kita haruslah, dengan izin, *look for the causes of domestic violence and not just treat the symptoms*. Ini yang pentinglah, ini amat penting. Kita mesti carilah sebab-sebab keganasan rumah tangga ini merupakan satu masalah yang serius. Jika kita rujuk kepada apa yang diberi oleh PDRM sejumlah 62,670 kes keganasan rumah tangga dilaporkan dari tahun 2000 sehingga Januari 2017. Dengan anggaran purata lebih 3,800 setahun.

Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 2000 sehingga Januari tahun ini seramai 33,301 kes telah dilaporkan dari pecahan kaum Melayu. 14,164 kes dari kaum India, 8,942 kes kaum Cina dan 6,263 lain-lain. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa semua kaum etnik menghadapi masalah keganasan rumah tangga ini. Akan tetapi adakah sebab-sebab yang membawa kepada masalah keganasan rumah tangga ini sama untuk semua kaum etnik. Ini satu perkara yang haruslah diambil kira dan mungkin tidak akan disentuh secara terperinci. Ini bagi saya kerana saya ini penyelidik, *I'm a researcher*. Ini merupakan satu soalan yang amat penting kerana pada hemat saya sebab-sebab yang membawa kepada masalah ini tidak sama bagi semua kaum.

Ini yang kita harus, *we have to be aware of this*, dengan izin. Itu sebabnya saya cadangkan bahawa kajian harus diadakan untuk kaji masalah ini kerana faktor-faktor yang membawa kepada keganasan rumah tangga amat rumit.

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Silakan.

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Saya ingin juga oleh sebab rakan saya mencadangkan supaya kajian dapat dibuat mencari punca-punca keganasan rumah tangga. Jadi saya hendak sebut oleh sebab perkara ini tidak akan disentuh oleh mana-mana pihak seperti mana rakan saya juga dari kalangan masyarakat Melayu di percayai soal isu *mandrem* ataupun penggunaan bomoh dengan menggunakan ilmu hitam. Adakah ini juga harus dibuat kajian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Yang Berhormat. mungkin itu merupakan salah satu daripada sebabnyalah, tetapi...

Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua, ini cuma satu *clarification* kepada satu soalan. Kalau kita tengok dari segi *causes* kalau saya cuma hendak tanya Yang Berhormat Dr. Ariffin sama ada dia setuju atau tidak. Saya tidak boleh ingat mana satu laporan yang saya baca tetapi salah satu laporan yang saya baca dia cakap *the main course today* ialah apa yang dipanggil *the stress of modern living*. So, soal *stress of modern living* itu dia banyak luaslah saya cuma hendak tanya Yang Berhormat Dr. Ariffin sama ada *stress of modern living* ini termasuk *high inflation* atau *financial pressures* yang *couples* kalau kita tengok *couples* banyak *financial pressure* sama ada ini akan menyumbang kepada peningkatan keganasan rumah tangga. Terima kasih.

■1230

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan. Mungkin ini merupakan salah satu daripada sebabnya yang menonjol. Akan tetapi kalau kita hendak cari secara spesifik itu ada pelbagai sebab-sebab. Ada juga semasa saya bincang isu ini dengan kawan-kawan saya di beberapa universiti, mereka kata mungkin di dalam kalangan kaum Melayu ini mungkin suami hendak cari dua, tiga bini pula isteri tidak setuju, dia belasah isteri setengah mati. Ini merupakan salah satunya. Mungkin di kalangan orang Cina pula- kahwin Cina ataupun judi ataupun *China Doll*, inilah merupakan salah satu lagi masalah. Di kalangan orang India orang kata, "*Oh, togok whiskey*" atau bahan-bahan alkohol yang lain dan ini membawa kepada masalah gejala ini.

Itu sebabnya kita kenalah mengadakan satu kajian yang terperinci tentang *the causes of domestic violence in each and every community* kerana tidak sama. Tak sama. Oleh sebab itu saya hendak cadangkan, pegawai-pegawai yang ditugaskan untuk mengendalikan kes-kes keganasan rumah tangga mereka harus diberi latihan yang cukup dan mereka ini juga harus memahami *standard operating procedure*. Mungkin ini- kebanyakan daripada ini telah disentuh oleh rakan saya Yang Berhormat Senator Tuan Chandra lah. SOP dalam kes-kes keganasan rumah tangga.

Tuan Yang di-Pertua, majoriti atau kebanyakan daripada kes-kes keganasan rumah tangga hanya sentuh kes-kes di mana suri rumah tangga adalah mangsa. Selalunya kita difahamkan, "*Oh, women are the main victims*". Akan tetapi sekarang dengan zaman moden, peralihan zaman pula, ada kes-kes di mana si suami pun jadi mangsa keganasan rumah tangga. Ada juga suami yang kena

belasah oleh isteri kerana tak- kita boleh tengok surat khabar hari ini pun ada kes-kes macam ini. Saya harap bahawa kes-kes macam ini pun akan diberi perhatian kerana berbanding dengan kaum wanita, jarang-jaranglah kaum lelaki hendak buat laporan bahawa dia kena belasah di rumah. Ini satu perkara yang kita harus terima.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan untuk melindungi mangsa keganasan rumah tangga diperluaskan. Saya difahamkan ada apa yang dikatakan *safe houses* yang digunakan, yang disediakan. Akan tetapi tempoh masa untuk menggunakan *safe house* pun amat terhad. Kadangkala *safe house* itu tidak begitu selamat. Eloklah kementerian cubalah cari ataupun ambil langkah-langkah yang lain untuk melindungi mangsa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin. Saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.

12.33 tgh.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Bukan habis pukul 12.30 kah? *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bahas Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri datang sendiri hari ini. Biasa hantar Timbalan Menteri sahaja.

Cuma dalam kes ini saya ingin melihat kepada punca berlakunya keganasan dalam rumah tangga dan kita lihat sejak akhir-akhir ini bila keganasan itu, saya nampak suami jarang dibelasah, isteri yang banyak dibelasah. Macam Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin kata tadi, kalau suami saya rasa jarang. Kecuali kalau dia kahwin dengan perempuan Thailand. Banyak yang isteri di Thailand membelasah suami. Saya tengok- saya hendak mintalah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini kena kumpul bakal-bakal suami isteri yang hendak kahwin ini, kumpul bagi kursus betul-betul. Lebih bagi *priority* kepada kursus keagamaan, disiplin bila berumah tangga dan bila sudah berumah tangga, berkongsi hidup kena banyak memberi pengalaman dan apa dia hukuman sebab sekarang ini kalau keganasan bukan sahaja belasah, sampai bunuh-bunuh sekarang ini.

Dulu sampai bagi penampar sahaja, bagi penumbuk sahaja. Sekarang ini bunuh. Saya rasa kita kalau hendak lahirkan satu masyarakat yang lebih harmoni lagi, kena satu tindakan yang lebih agresif, lebih baik dan kalau soal hendak didik masyarakat itu saya rasa sudah melebihi sekarang ini. Keganasan tindakan itu sudah lebih ke arah membunuh. Dia belasah habis-habisan sekarang ini.

Jadi saya minta lah pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini memberi satu latihan atau kursus yang lebih drastik dan lebih komprehensif supaya keganasan kalau hendak berlaku sekalipun boleh dikurangkan. Hendak hapus itu saya rasa payah sekarang ini. Lebih-lebih lagi dunia hari ini didikan keagamaan sudah semakin berkurang. Pengetahuan agama sudah makin berkurang sebab itulah wujudnya fitnah seolah-olah hidup ini *the end of the life*, dengan izin. Lepas mati itu tidak ada hari pembalasan dah. Oleh sebab itu sekarang ini hendak ganas, ganas. Hendak bunuh, bunuh. Hendak fitnah, fitnah. Sebab banyak orang berfikir lepas hidup ini, sudah tidak ada hari pembalasan. Sebab itu dia buat hendak bunuh, bunuh. Hendak fitnah, fitnah. Segala-galanya.

Jadi saya minta Kementerian Kaji Supaya Lepas ini kalau hendak berlaku keganasan pun, tidak terlalu rakus sampai bunuh-membunuh, belah-membelah.

Sekarang ini kita tengok selain dari punca kewangan, punca *Facebook* ini juga pun sudah melahirkan satu keganasan rumah tangga. Suami sudah ada berinteraksi dengan- maklumlah *Facebook* ini *worldwide*. Yang tidak cemburu tidak apalah. Yang cemburu? Kes-kes *Facebook* ini pun sudah jadi satu faktor punca keganasan rumah tangga. Dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga kena nasihatlah si isteri ini kalau sudah berumah tangga, sudah bergaduh itu, mulut itu jangan cakap banyak. Ini bila sudah berleter tu sampai berlanjutan, hari ini, esok, lusa dia bersambung. Beritahu kepada wanita-wanita, isteri itu kalau hendak berleter pun hari ini cukup. Esok *the ending* dah. Cukup dah. Tak ada dah. Ini sampai satu minggu *dok* bercakap benda yang sama, dia boleh melahirkan suasana yang tidak tenteram dalam rumah tangga.

Jadi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya minta selepas ini biar ada kursus yang baik. Biar wujud satu keadaan harmoni dan tekankan pendidikan agama supaya agama itu didahulukan, diterap dalam hati sanubari, *insya-Allah* keganasan rumah tangga itu kalau hendak berlaku pun tidak melampaui batas dan dia tidak membawa kepada keruntuhan rumah tangga dan mewujudkan satu suasana tidak harmoni dalam masyarakat. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad]: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun.

12.38 tgh.

Puan Hajah Azizah binti Haji Harun: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan izin untuk saya turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017. Di kesempatan ini saya ingin menzahirkan ucapan penghargaan saya kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana membentangkan undang-undang ini sehingga ia diluluskan dalam Dewan Rakyat. Saya juga memanjangkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada warga kementerian terutamanya Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri yang mengadakan bengkel dan seminar sebelum pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga ini dibentangkan di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan maklumat yang saya peroleh daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, terdapat 13 faktor utama penyumbang kes-kes keganasan direkodkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

■1240

Pertamanya, menyumbang ini meliputi punca-punca kes penagih dadah, masalah kewangan kerana judi dan hutang ceti haram, mabuk alkohol, campur tangan mertua dan ipar-duai dalam isu hal rumah tangga, muflis dan kesempitan hidup kerana kos sara hidup yang tinggi, perebutan hak penjagaan anak-anak, tanggungjawab pemberian nafkah oleh suami, masalah terbaru di mana terjebak

dalam skim pelaburan haram dan Ponzi, perebutan harta pusaka dan kegagalan dalam memuktamadkan pembahagian harta pusaka.

Oleh itu dengan membuat pindaan dalam fasal 2 dengan memasukkan subfasal 2(a) dan 2(b) yang memberikan kelayakan kepada mangsa untuk memperoleh pindaan perlindungan kecemasan dan pemerluaskan taksiran rangkuman definisi kes keganasan rumah tangga serta penambahan tiga hal keadaan keganasan rumah tangga seperti:

- (i) menggelapkan harta mangsa dan kerugian kepada mangsa;
- (ii) ugutan yang menjejaskan keselamatan diri mangsa atau pihak ketiga; dan
- (iii) mengaibkan mangsa melalui apa-apa cara media atau media elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan beberapa kes dan pemerhatian yang saya lakukan, keganasan rumah tangga yang berlaku adalah berpunca dari kes masalah kewangan pasangan kerana perjudian, pinjaman ceti haram, penagih dan menyertai Skim Ponzi atau skim cepat kaya. Ancaman oleh penagih dadah, rakan hutang judi atau ceti haram serta tindakan ekstrem *downline* skim-skim Ponzi cepat kaya menyebabkan pertelingkahan rumah tangga. Justeru melalui pindaan ini saya ingin mendapatkan penjelasan dari kementerian tentang bagaimanakah kementerian bersama-sama pihak polis mengambil tindakan dalam menawarkan skim perlindungan kecemasan agar mangsa-mangsa keganasan rumah tangga ini bebas dari segala ancaman pihak ketiga selepas berlakunya kes keganasan rumah tangga dengan pasangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memperkatakan pindaan perlindungan kecemasan yang melibatkan mana-mana orang seperti peruntukan di bawah seksyen 3A(7)(b), saya ingin mendapatkan kepastian daripada kementerian adakah pindaan kecemasan ini dapat disampaikan kepada ceti-ceti haram, peserta-peserta Skim Ponzi yang membuat kacau ganggu dan mencetuskan berlakunya perlakuan keganasan rumah tangga? Bagaimanakah persediaan PDRM serta sokongan bantuan atau kaedah perlindungan yang boleh diberi kepada mangsa yang mengalami situasi ancaman ini.

Dalam fasal 8 Akta Keganasan Rumah Tangga ini, saya ingin mendapatkan setakat manakah secara praktikalnya kementerian merujuk mangsa ke program pemulihan mangsa keganasan rumah tangga dan bantuan mangsa dan tanggungan mereka pulih dari kesan trauma keganasan yang dialami. Oleh itu saya mohon agar penekanan program pemulihan ini diberi perhatian sewajarnya kepada mangsa-mangsa yang trauma dengan mengambil kira bantuan kewangan atau bimbingan keusahawanan atau mendapatkan pekerjaan yang boleh membantu mereka keluar dari masalah mereka alami yang menjadi punca berlakunya keganasan.

Saya mohon menyokong pindaan rang undang-undang ini. Semoga pindaan yang baik ini bakal menangani isu keganasan rumah tangga dan membina kecemerlangan institusi rumah tangga di Malaysia. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Haji Harun. Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Dato' Indera Hoh Khai Mun.

12.45 tgh.

Dato' Indera Hoh Khai Mun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017

pada hari yang mulia ini. Pindaan yang telah pun dicadangkan boleh dilihat sebagai satu langkah positif dalam usaha untuk menambah baikkan sistem keadilan di negara kita ini. Namun begitu terdapat juga beberapa isu ingin saya bangkitkan dan masih perlu ditangani supaya undang-undang dapat dijadikan lebih komprehensif dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pindaan kepada seksyen 11, pindaan ini agak positif kerana suatu program pemulihan yang akan dijalankan untuk pihak-pihak yang terlibat dengan syarat perujukan mangsa kepada program pemulihan hanya dibuat dengan persetujuan mangsa. Pindaan ini merupakan usaha kerajaan untuk mengekalkan autonomi atau, dengan izin, *empower* mangsa keganasan rumah tangga. Namun begitu bolehkan kementerian jelaskan bagaimana struktur program pemulihan ini yang bertujuan untuk memulihkan institusi kekeluargaan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan rang undang-undang ini adalah untuk memperkukuhkan akta ibu supaya dapat melindungi mangsa keganasan rumah tangga. Namun begitu terdapat juga kelemahan besar dalam rang undang-undang ini iaitu isu *stalking* dengan izin, ataupun menghendap tidak ditangani. Saya faham bahawa isu ini tidak mudah ditangani kerana kerumitan dan ketidakpastian perlakuan menghendap. Tahap di mana penghendap itu membahayakan orang lain bukanlah mudah ditentukan.

Namun begitu secara amnya dipersetujui bahawa penganas rumah tangga yang menjadi penghendap atau dengan izin, *the domestic violence stalker* adalah yang paling berbahaya. Sekiranya tindakan menghendap tidak dijenayahkan, mangsa-mangsa keganasan rumah tangga tidak akan mendapat perlindungan yang secukupnya. Perkara ini juga melibatkan mangsa-mangsa yang belum berkahwin yang di hendap oleh orang yang tidak dikenali, kenalan atau bekas pasangannya. Isu menghendap telah pun dibangkitkan berbilang kali sebelum ini namun masih kekurangan cara penyelesaian kepada masalah ini. Risiko menghendap yang masih berleluasa ini tidak patut diabaikan oleh pihak kerajaan.

Saya menyeru kepada kementerian untuk mengambil langkah proaktif menyelesaikan masalah ini dengan merangkumi perbuatan menghendap supaya ia menjadikan satu jenayah dalam akta ini dan juga di bawah Kanun Keseksaan, Akta 574 untuk memberikan perlindungan yang lebih baik kepada mereka yang terdedah kepada bahaya dalam masyarakat kita ini.

Tuan Yang di-Pertua cara mendapatkan perintah perlindungan atau PO merupakan salah satu masalah yang rumit. Sebelum mangsa keganasan rumah tangga boleh mendapat PO daripada mahkamah, mangsa tersebut perlu membuat laporan polis dan PO akan diberikan apabila pesalah dikenakan tindakan jenayah. Jika disabitkan, penyerang tersebut akan dipenjarakan ataupun didenda. Ini adakah masalah kerana mangsa yang biasanya merupakan pihak isteri tidak semestinya hendak pasangannya masuk ke penjara dan oleh sebab itu dia akan membiarkan keganasan tersebut.

Menurut laporan daripada Pertubuhan Pertolongan Wanita atau WAO, walaupun wanita membuat laporan polis, ramai wanita menarik balik laporan polis mereka apabila menerima janji dan jaminan daripada suami mereka bahawa penderaan akan berhenti. Kebanyakan mangsa penderaan ini akan terus berlaku selepas si mangsa menarik balik laporan polis tersebut. Oleh itu, saya mencadangkan bahawa perlindungan jangka panjang diberikan kepada mangsa tanpa keperluan untuk menuntut caj jenayah terhadap pesalah tersebut.

■1250

Dengan itu, saya menyokong sepenuhnya pindaan ke atas Akta Keganasan Rumah Tangga. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput pula Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

12.50 tgh.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi izin bagi saya membahaskan pindaan terhadap Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 yang mana harapan saya agar isu-isu keganasan rumah tangga dan keruntuhan institusi keluarga dapat ditangani dengan bijaksana dan berhemah.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Yang Berhormat Dato' Seri Rohani binti Karim, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Datuk Azizah Mohd Dun serta warga kementerian di atas kejayaan dan usaha bersepadu dalam memastikan pindaan akta ini dibuat untuk memastikan isu keganasan yang berlaku di institusi kekeluargaan dapat ditangani dengan baik melalui pendekatan efektif dan *exclusivity statutory*.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam fasal 2 pindaan akta ini, pindaan yang melibatkan untuk merangkumkan takrifan keadaan atau kejadian di mana mangsa keganasan rumah tangga mengalami: pertama, kerugian kewangan dan kehilangan harta benda; kedua, ketakutan terhadap ugutan, ancaman dan provokasi jenayah yang bakal menjejaskan keselamatan diri, harta benda dan kehidupan sosial mangsa; dan ketiga, perlindungan mangsa atau pihak ketiga dari ancaman salah guna media sosial atau elektronik yang mengaibkan reputasi dan kehormatan individu yang terlibat dalam keganasan rumah tangga amatlah saya alu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, kes melibatkan keganasan wanita merangkumi 74 peratus dari 15,617 kes sehingga tahun 2016, manakala lelaknya ialah 26 peratus. Di sini juga saya hendak sebut, lelaki ini jangananlah menipu. Apa yang berlaku di Kuala Krai, cakap hendak pergi tempat lain pada isteri pertama, lepas itu pergi pula dengan bakal yang hendak jadi isteri. Marahlah si isteri. Itu yang kena pisau di kepala itu. Jadi jangananlah menipu ya. Kalau lelaki hendak kahwin, cakap terus-terang... [*Dewan riuh*]

Kerisauan saya tentang masalah sosial seperti penagihan dadah, perjudian adan pinjaman ceti haram dalam masyarakat merupakan faktor penyumbang terhadap kes-kes keganasan di institusi rumah tangga yang melibatkan ketiga-tiga rangkuman pindaan fasal 2 ini.

Justeru, saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Pertamanya, bagaimanakah kementerian bersedia dari segi sumber Jabatan Kebajikan Masyarakat dan personel untuk mengendalikan kes-kes permohonan perlindungan kecemasan apabila melibatkan kes-kes ancaman pihak ketiga yang memangsakan ahli keluarga yang tidak terlibat dengan kes-kes dadah, judi atau pertaruhan dan ceti haram?

Persoalan kedua yang saya ingin kemukakan, apakah perancangan kementerian dengan kerjasama pihak PDRM untuk memastikan apa-apa laporan kes yang melibatkan keganasan rumah tangga akan diberikan keutamaan tindakan, siasatan dan permohonan untuk mendapat izin perintah perlindungan, dipermudahkan akses serta prosedurnya sesuai dengan kemudahan media sosial dan teknologi ICT terkini?

Tuan Yang di-Pertua, saya banyak menerima kes-kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan di balai polis di seluruh negara gagal diambil tindakan sewajarnya dan status kes tidak diketahui sama ada kes yang disiasat oleh polis mendapat keizinan Peguam Negara untuk pendakwaan atau *no further action* (NFA), dengan izin.

Oleh itu, saya ingin mendapatkan kepastian dalam pindaan fasal ini agar fasal 15 di mana mewajibkan pihak penguat kuasa iaitu polis untuk memaklumkan status siasatan kes keganasan rumah tangga dan permohonan perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan. Ditetapkan had maksimum masa bagi satu maklum balas agar mangsa keganasan rumah tangga tidak mengalami kes digantung tidak bertali atau mereka dapat merancang semula perjalanan kehidupan mereka atau ditetapkan apa-apa program pemulihan untuk menamatkan stigma keganasan rumah tangga yang dialami mangsa.

Saya berpendapat penetapan masa ini penting agar pihak berkuasa dapat menetapkan piawaian untuk memuktamadkan siasatan kes keganasan rumah tangga demi keadilan kepada mangsa dan menjamin keutuhan institusi keluarga.

Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, boleh *interrupt* sikit kah? Hendak tanya sikit boleh kah?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dalam perkara ini ada minat sikit sebab ramai barangkali yang minat. Keganasan yang berlaku, tadi 24 peratus lelaki dan 76 peratus perempuan. Adakah kerana bila kes ini diadu di Mahkamah Syariah, sepuluh kali dibuat, suami tidak pergi? Bila suami tidak pergi, mungkin balik itu isteri naik angin, bergaduh dan wujud keganasan rumah tangga.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Kedua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini pun boleh beritahu. Sekarang ini perempuan ramai. Kalau hendak berterus terang macam Yang Berhormat Datin Rahimah kata tadi, berterus terang sahaja- macam yang berlaku di Kuala Krai itu dia tipu, dia cakap tidak betul, dia pergi dengan bakal hendak kahwin. Terus terang ini, perempuan boleh marah kah tidak marah? Kalau berterus-terang, boleh marah, sah tidak jadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Sila Yang Berhormat Datin Rahimah.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Saya rasa saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah. Pertamanya, di mahkamah- ini apa yang berlakulah yang saya perhatikan. Di mahkamah ini, lelaki ini kebanyakan tidak hadir di mahkamah. Itulah yang menyebabkan kadang-kadang wanita ini marah. Tidak hadir. Beberapa kali dipanggil, tidak hadir. Keduanya, tadilah saya

sudah cakap, berterus terang sahaja kalau hendak kahwin, jangan menipu. Kalau menipu ini, orang perempuan marah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung ya. Sebelum saya menamatkan perbincangan rang undang-undang ini, saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri tentang bagaimanakah kementerian melaksana satu program komprehensif terhadap rakyat jelata tentang bagaimanakah tanggungjawab dan langkah-langkah yang perlu diambil apabila kes keganasan rumah tangga berlaku? Juga, apakah saluran komunikasi dan integriti pihak penerima aduan agar kes-kes sebegini tidak disalah tular atau disensasikan di akhbar atau media demi untuk memastikan kes keganasan yang berlaku dapat diselesaikan dengan baik dan mana-mana kes yang dijalankan program pemulihan mendapat talian hayat baru agar keluarga yang terlibat dalam kes keganasan rumah tangga disatukan semula dan menjalani kehidupan yang lebih bahagia dan sempurna?

Sekian, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah mendengar dan paling teliti hati saya rasa sayu, takut kalau benda ini berlanjutan terus porak-perandanya institusi keluarga ini. Saya fikir punya fikir, apakah cara kita hendak menyelamatkan keluarga ini, iaitu kita hendaklah ahli menjadi seorang ibu bapa yang berilmu. Bukan sahaja berilmu, kita juga perlu menjadi ibu bapa yang beriman dan melaksanakan ilmu dan iman itu. *Insyallah*, hidup rumah tangga akan selamat. Itulah harapan kita.

Jadi kepada pihak-pihak yang telah mengambil bahagian, syabas dan tahniah, pandangan yang paling baik dan bernas. Saya hanya dapat panggil hari ini hanya 10 orang sahaja, *insyallah*. Jadi dengan itu juga, terima kasih atas kerjasama yang baik. Saya nampak tadi Yang Berhormat Tan' Sri Nala pun menulis dengan penuh serius nampaknya. Baguslah ini, menunjukkan dia prihatin tentang hidup keluarga ini.

Jam sudah menunjukkan pukul 1 petang dan saya sekarang tangguhkan mesyuarat kita hingga 2.30 petang. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

■1430

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar, soalan oleh Yang Berhormat tadi, yang dibangkitkan tadi. Ini saya hendak beri justifikasi menolak soalan. Soalan tersebut ditolak berasaskan Peraturan Mesyuarat 22(1)(h) seperti yang berikut.

Soalan pertama yang ditolak. Pertanyaan tidak boleh dikeluarkan dengan tujuan hendak mendapat buah fikir atau hendak mendapat penyelesaian berkenaan dengan perkara undang-undang yang belum menjadi masalah atau kerana mendapat jawab dalam perkara yang dimisalkan sahaja. Soalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat mempunyai tiga komponen seperti yang berikut:

- (i) isu membuka semula kes rasuah;
- (ii) isu pendakwaan di Perancis; dan

(iii) kes jenayah.

Isu pertama yang menyentuh pembukaan semula kes rasuah adalah tidak menepati Peraturan Mesyuarat 21(1)(h) kerana ia adalah berkaitan dengan tujuan hendak mendapat buah fikiran. Kewujudan kes yang dinyatakan adalah andai-andaian semata-mata dan kewujudan juga tidak dapat ditentukan. Ini berkenaan dengan membuka semula kes rasuah. Biar saya habis dahulu lepas itu Yang Berhormat, saya akan beri peluang.

Isu kedua yang dibangkitkan ialah mengenai pendakwaan di Perancis yang berkaitan dengan keinginan mendapat penyelesaian berkenaan dengan perkara undang-undang yang belum menjadi masalah.

Isu ketiga yang dibangkitkan adalah mengenai kes jenayah yang mana merupakan percubaan untuk mendapat jawab dalam perkara yang di misal-misalkan sahaja. Soalan yang dikemukakan mestilah khusus dan bukan dinyatakan secara umum.

Soalan ini dibangkitkan hanya dengan tujuan untuk mendapat pandangan semata-mata dan bukan berasaskan kepada hakikat sebenar. Secara ringkasnya didapati soalan Yang Berhormat tidak menepati kehendak Peraturan Mesyuarat 22(1)(h) kerana menyentuh perkara-perkara yang dinyatakan di atas. Oleh yang demikian, saya menolak soalan Yang Berhormat.

Berhubungan dengan soalan Yang Berhormat meminta Perdana Menteri menyatakan bilangan orang Melayu yang telah murtad mengikut negeri daripada tahun 2012 sehingga 2016 adalah ditolak berasaskan Peraturan Mesyuarat 22(1)(q)(i). Hal ini adalah suatu kesilapan teknikal yang tidak disengajakan. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma satu *clarification* supaya semua jelas...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kalau boleh....

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Berkenaan dengan jawapan...

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Ariffin yang kemukakan soalan itu, biar dia yang bagi kan.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Saya tahu dia tetapi jawapan Tuan Yang di-Pertua tadi...

Tuan Yang di-Pertua: Selepas, selepas. Duduk Yang Berhormat.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang sebab-sebab yang diberi untuk tolak soalan saya. Soalan yang saya minta sebenarnya pada hemat sayalah seharusnya tidak perlu ditolak kerana jawapan yang diperlukan di sini ialah *are you going to do it or are you not going to do it*. Itu saja.

Saya tidak minta mengenai *opinion* atau *legal opinion* semua, *as simple as all that*. Kedua, yang saya timbul- soalan yang kedua, yang jadi masalah di sini, saya hendak tahu isu murtad ini, kononnya ditolak atas alasan hal negeri. Akan tetapi baru-baru ini beberapa Menteri telah sentuh, hendak ambil tindakan terhadap mereka yang murtad atau AP semua, yang mana itu? Adakah soal murtad ini di bawah bidang kuasa negeri atau Persekutuan? Ini yang saya hendak tanya di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, kita telah menolak soalan tersebut kerana seperti mana yang telah saya beritahu dalam petua saya, bahawa dalam soalan

Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak mengemukakan bahawa telah ada sebuah siasatan dan perkara itu tidak dilanjutkan, yang pertama, di mana membuka semula kes rasuah.

■1440

Di mana membuka semula kes rasuah, perkataan membuka semula kes rasuah. Ini kerana Yang Berhormat, dalam soalan Yang Berhormat ini tidak memberitahu bahawa ada juga sebuah kes yang telah dibuka, yang pertama iaitu adalah mendapatkan buah fikiran.

Kedua, saya hendak ulang balik pendakwaan di Perancis, dengan izin, adalah seperti di mana sebuah tuduhan yang dibuat di Mahkamah Majistret di sini seperti jikalau ada permohonan jenayah yang dibawa kepada *High Court*. Pada masa ini, itu juga kita tidak tahu hal sebenar dengan pendakwaan di Perancis. Yang Berhormat pun tidak memberi keterangan lanjut berkenaan dengan apakah pendakwaan yang dibuat di Perancis.

So, itulah sebab di mana soalan Yang Berhormat ini ditolak. Kes jenayah, Yang Berhormat, dalam soalan Yang Berhormat, Yang Berhormat telah membuka semula kes rasuah dan jenayah. So, perkataan yang ketiga ini untuk mendapat jawapan dalam perkara yang dimisalkan, perkataan jenayah. Oleh itu Yang Berhormat, saya telah menolak soalan Yang Berhormat.

Berkenaan dengan isu murtad ini seperti mana yang kita telah beritahu bahawa itu adalah di bawah bidang kuasa negeri dan bukan di bawah bidang kuasa Menteri. Silakan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Ini saya terima *standing order* bahawa keputusan Tuan Yang di-Pertua itu *final* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Cuma saya hendak cadangkan satu di sini supaya kita semua dapat faedah dari ini. Pasal kalau kita tengok *opinion* itu *is very subjective* sama ada mahkamah luar negara *applicable* di sini dan sebagainya, banyak isu. Akan tetapi yang saya hendak cadangkan melalui Tuan Yang di-Pertua supaya *standing committee on standing order review standing order*.

Ini kerana kalau kita tengok, kalau satu soalan di tolak bawah Peraturan Mesyuarat 22, tidak ada *remedy* di *provided* dalam *standing order* macam tadi, sama ada kita boleh bawa *in a open House* atau *in chambers* atau melalui *motions* dan yang ada melalui *motions*. *Sometimes* kadang-kadang soalan macam ini *is too small to bring it by motions, that is why* kalau boleh kita kaji *especially* apabila 22(h) itu *on opinion*. *Then*, kita ada satu *provision* dalam *standing order* macam mana kita hendak bawa isu-isu ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sambung perbahasan. Yang Berhormat tadi siapa yang berbahas? Penggulangan ya? Saya minta maaf, saya terganggu atas – Yang Berhormat Datuk Rabiya binti Ali. Silakan Yang Berhormat.

2.43 ptg.

Datuk Rabiya binti Ali: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di atas kejayaan kementerian meminda dan menambah baik Akta Keganasan Rumah

Tangga 1994. Melalui pindaan ini, saya berharap kes-kes keganasan rumah tangga yang berlaku di dalam institusi keluarga dan masyarakat dapat ditangani dengan cekap dan berhemah.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kes-kes keganasan rumah tangga ini berlaku pada hari ini berpunca daripada beberapa faktor iaitu perbezaan pendapat antara suami isteri, ibu bapa dan anak-anak dan juga masalah-masalah sosial seperti mana yang telah diperkatakan kepada pembahas-pembahas yang telah lepas. Tidak payahlah saya hendak ulangi di mana kita ulang balik. Jadi, justeru itu pindaan ini amat tepat sekali apabila Jabatan kebajikan Masyarakat dan pihak berkuasa pendaftaran nikah dan cerai, majlis-majlis agama Islam dan Jabatan Agama Islam Negeri serta PDRM secara bersepadu memastikan isu keganasan rumah tangga ditangani dengan cekap dan memastikan mangsa yang diberikan mendapat perlindungan sewajarnya.

Dalam pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 ini mengatakan bahawa permohonan perintah perlindungan kecemasan akan dikeluarkan pegawai jabatan Kebajikan Masyarakat dalam tempoh masa dua jam dari masa mangsa atau pemohon *ex patre* membuat permohonan.

Soalan saya pada kementerian, bagaimanakah perancangan kementerian untuk memastikan akses orang awam yang ingin membuat permohonan perintah kecemasan ini pada ketika dan keadaan di mana kes permohonan berlaku di luar waktu pejabat atau semasa cuti? Seterusnya, bagaimana pula kes akses talian telefon khas, aplikasi *WhatsApp* dan kepada pegawai JKM yang bertugas dan yang berkuasa mengeluarkan perintah perlindungan kecemasan jika ia melibatkan kes-kes pemohon yang berada di luar bandar atau kawasan liputan melebihi 40 kilometer *radius* dari Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat daerah.

Apakah perancangan kementerian untuk menghebahkan kepada masyarakat iaitu *public service announcement* mengenai tatacara dan info penting yang boleh mangsa ataupun kes keganasan rumah tangga hubungi agar perlindungan keselamatan dapat diberikan dengan kadar segera.

Apakah perancangan kementerian dan juga JKM untuk mewujudkan rumah perlindungan sementara di setiap daerah atau kawasan Dewan Undangan Negeri atau balai-balai polis agar urusan perlindungan sementara kepada mangsa dapat ditangani dengan berkesan? Juga apakah tatacara dan perlindungan yang akan diguna pakai oleh JKM dan PDRM agar kes-kes keganasan rumah tangga dilaporkan kepada PDRM disiasat dan kes ini dimuktamadkan dengan segera?

Tuan Yang di-Pertua, dalam seksyen 3A(6) sesuatu Perintah Perlindungan Kecemasan yang boleh dimohon tidak memerlukan laporan polis kejadian keganasan rumah tangga. Bagi mengelakkan kekeliruan, kepada orang awam dalam pindaan akta ini, saya mohon perincian lanjut Yang Berhormat Menteri tentang maksud yang diperuntukkan dalam seksyen 3A(6). Ini agar apabila rang undang-undang ini diluluskan dan diwartakan, kekeliruan tidak akan menjadikan ia sebagai kekangan bagi JKM dan PDRM untuk bertindak menangani sesuatu permohonan perintah dan perlindungan kecemasan.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas keprihatinan dan juga kesungguhan Yang Berhormat Menteri Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun serta warga kementerian membuat pindaan ke atas Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Harapan saya, dengan adanya pindaan ini isu dan kegagalan institusi awam mengendalikan kes-kes keganasan rumah tangga dapat diatasi dan diperhebat tindakan melindungi mangsa keganasan. Saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail.

2.48 ptg.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tanya panjang lebar, hanya soalan-soalan yang tertentu kerana tidak mahu berulang-ulang. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dan juga tahniah kepada kementerian kerana membenteng satu rang undang-undang yang saya kira penting untuk kita teliti sekarang. Ini kerana dalam kehidupan kita sekarang, dalam sosioekonomi yang ada sekarang menyaksikan kes ini adalah kes-kes yang bukanlah lagi kes terpencil tetapi kebanyakannya kes ini mula mendapat tempat yang tinggi akibat daripada persekitaran yang melanda masyarakat sekarang.

Pertamanya tadi, apabila disebut kes berkaitan dengan penderaan ini masalah rumah tangga ini, yang melibatkan isteri 74 peratus dan suami 26 peratus. Saya cuma hendak minta kementerian nyatakan, berapa daripada peratus itu jumlah kes yang berulang-ulang? Maksudnya suami isteri itu juga yang pergi buat *report*, dia juga yang tarik balik *report*, dia juga yang masuk *report*, dia juga yang tarik *report*. Maksudnya saya hendak tahu dari segi itu dan juga kalau boleh dinyatakan juga peringkat umur yang di kalangan remaja, di kalangan pertengahan umur ataupun yang lanjut usia.

Kedua, saya juga hendak tahu apabila berlaku permasalahan dalam keluarga yang paling menerima impak paling besar itu pastilah anak-anak yang akan sembunyi belakang tingkap, belakang pintu, di sebalik tembok mendengar setiap perkataan, perbalahan, kata-kata maki yang dikeluarkan oleh ayah dan ibu yang waktu itu bergaduh dalam keadaan mentalnya itu tidak seimbang. Pastilah anak-anak ini yang menerima kesan yang lebih teruk.

■1450

Jadi di peringkat Jabatan Kebajikan Masyarakat saya maklum ada inisiatif yang dibuat bagi kaunseling kepada anak-anak ini. Akan tetapi secara dasarnya saya bersetuju tetapi dari segi peningkatan itu, ada banyak juga ibu bapa yang mengatakan kepada saya walhal anaknya itu diambil untuk kaunseling tetapi akhirnya apabila dia balik rumah, perwatakan dia pun berubah. Maksudnya saya hendak tahu juga, kepada anak-anak ini berapa panjang sesi kaunseling dan berapa kali dibuat ke atas mereka agar kita tahu bahawa mereka ini tidak pergi sekali dan kemudian dibiarkan begitu sahaja.

Saya juga hendak bertanya kepada kementerian. Tuan Yang di-Pertua, kita bukan saja berhadapan dengan sikap tetapi kita berhadapan dengan media massa yang tidak boleh dikawal sekarang. Contohnya, drama-drama keluaran negara kita juga yang menyaksikan kalau sebelum ini kita tengok rating tertinggi. Drama Melayu rating tertinggi mendapat kutipan jutaan ringgit tetapi memaparkan kisah rumah tangga yang bergolak, yang anak dia ini mengalami trauma yang besar.

Akan tetapi dalam drama ini, ia tidak menerangkan langkah-langkah yang sepatutnya dibuat dan akhirnya remaja-remaja yang di luar sana melihat drama ini, dia merasakan itulah cara yang betul, itulah ikutan yang betul. Saya merasakan kalau boleh kita juga mengawal drama-drama dalam negara

kita ini yang mana mempunyai unsur-unsur, boleh nak buat cerita keinsafan, makna bergaduh kah apa semua tapi ditonjolkan juga proses-proses yang betul untuk pasangan-pasangan yang mengalami permasalahan itu mengikut tatacara yang ditetapkan oleh kerajaan. Jadi, dia tengok dia dapat pembelajaran dalam waktu yang sama dan itu akan memberikan keseimbangan yang baik.

Saya juga hendak bertanya kepada kementerian, apakah ada perbincangan di pihak kementerian dan juga jabatan agama yang mana kita tahu apabila anak muda hendak berkahwin, dia akan pergi kursus perkahwinan. Ada tidak kementerian dan juga jabatan agama berbincang tentang modul kursus perkahwinan ini. Saya risau sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sebab saya jujur dengan Menteri dan teman-teman di sini. Ramai yang pergi kursus perkahwinan hanya kerana hendak dapat kursus hendak kahwin. Apa yang saya pernah lalui yang kita pun berkahwin pergi kursus, cerita seks malam pertama ini nombor satu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya kah?

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kursus sekali sajalah tetapi anak-anak muda yang pergi itu bukan tentu habis kursus, dia hendak kahwin, tidak Tuan Yang di-Pertua. Ada yang segelintir dia ambil, dia ambil masa setahun lagi baru dia hendak kahwin. Akan tetapi waktu itu dia lapang, dia ambil kursus itu tetapi dia didedahkan dengan cerita-cerita seks ini terlebih dahulu daripada tanggungjawab dia sebagai suami dan isteri dalam sistem kekeluargaan.

Ini yang saya katakan tadi, perlu ada pendekatan yang lebih khusus dan tegas di peringkat kementerian dan juga jabatan agama untuk merangka semula modul pembelajaran dalam kursus perkahwinan yang menitikberatkan soal kekeluargaan, tanggungjawab seorang suami dan isteri dalam menjadi satu keluarga yang lebih baik.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya daripada isu laporan polis ini. Saya hendak berkongsi dengan Menteri. Kebetulan kenderaan saya *accident*, saya pergi buat *report* dan ada satu pasangan ini, polis ini sampai kenal dia. "*Kak bergaduh lagi kah?*", dia kata. Maknanya itu bukan kali pertama, sudah banyak kali dia pergi *report* dan dia pergi buat *report* saya tanya sarjan itu, saya kata, "*Sarjan, you kenal kah?*" Dia kata kenal, dia ini dia buat *report* pagi, petang dia tarik balik. Nanti dia bergaduh dia datang buat *report*, dia tarik balik. Saya kata kenapa, dia kata biasalah orang bergaduh.

Sebab itu dalam isu ini, saya hendak tanya kementerian. Perlu juga diwujudkan di balai-balai polis ini, satu kumpulan yang dianggotai oleh anggota-anggota wanita dalam menangani kes-kes seperti ini Tuan Yang di-Pertua. Sebab tidak semua yang pergi ke balai ini, dia terlalu berani hendak bercerita apa yang berlaku. Kadang-kadang bila dia pergi masuk bilik IO itu, masuk-masuk lelaki. Dia segan, dia malu hendak bercerita dan akhirnya dia kata tidak apalah saya balik dahululah. Jadi saya minta kementerian dan juga PDRM bekerjasama dalam isu ini untuk menubuhkan satu jawatankuasa ataupun satu kumpulan kelompok kecil di balai-balai ini agar mereka ini menjadi orang tengah di antara kementerian, balai dan juga mana-mana institusi yang mereka ini tidak lagi segan dan silu, takut untuk meluahkan permasalahan mereka.

Saya juga hendak tanya pihak kementerian, gred sesuatu kes itu dianggap serius. Maknanya gred yang ini, dia boleh pergi yang dahulu. Maknanya pukul yang macam ini macam mana. Saya hendak tahu Tuan Yang di-Pertua, sebab kebanyakan kes ini macam saya sebut tadi, pukul setakat

pukul muka saja tetapi tidak diangkat sebagai kes sebab apa balik dululah cerita lah dengan suami pujuk-pujuk dahululah. Ini yang kita dengar Tuan Yang di-Pertua. Ini sebenarnya yang saya hendak tahu di peringkat balai polis itu, kes-kes yang bagaimana yang diangkat sebagai kes yang perlu siasatan, yang perlu dipertimbangkan. Sebab bagi saya apabila dia membuat laporan polis mesti ada kes kecuali kalau ditarik balik tetapi saya nak tahu yang itu.

Kemudian saya juga hendak tanya ada ramai yang terlibat diberikan arahan untuk melalui proses kaunseling. Akan tetapi macam biasa ramai juga yang ingkar. Saya hendak tahu apakah hukuman ataupun tindakan yang dibuat oleh kementerian ke atas individu-individu ini yang ingkar kepada arahan untuk mereka menghadapi, datang dengar kaunseling dan juga datang untuk pendengaran kes dan sebagainya. Saya hendak tahu spesifik tentang perkara itu.

Akhir sekali saya hendak nyatakan Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon benar kementerian kali ini lebih tegas terhadap Jabatan Kebajikan Masyarakat yang diberikan mandat untuk menangani isu ini. Cukupkan kita punya pegawai, pastikan mereka *master* dalam isu ini Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak hendak nanti pergi, waktu itu sahaja serius selang dua tiga hari ia jadi tidak serius. Jadi perlu ada satu yang dianggap tegas dan serius di peringkat kementerian, yang arahnya itu diberi terus kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan memastikan agar di luar sana baik lelaki, baik perempuan dia tahu apabila dia sudah berumah tangga, ada satu akta yang boleh mengheret dia kepada undang-undang dan dia tidak sewenang-wenangnya melakukan apa-apa sahaja mengikut keadaan nafsu dan juga keadaan dia sewaktu ketika itu. Saya kira cukup setakat itu Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty, silakan.

3.15 ptg

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan juga semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih di atas peluang dan ruang yang diberikan kepada saya dalam membahaskan rang undang-undang yang berkaitan dengan keganasan rumah tangga.

Saya tidak mahu berpanjang lebar kerana banyak isu telah disentuh dan apa yang saya nak cakap pun telah pun disentuh oleh sebahagian besar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Namun saya ada juga beberapa perkara yang hendak saya timbulkan. Pertama, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah keluarga Islam yang terlibat dalam keganasan rumah tangga dan berapakah pula statistik yang melibatkan keganasan rumah tangga di kalangan keluarga bukan Islam?

Saya mengemukakan soalan ini kerana rentetannya itu ada kaitannya untuk kita mengetahui umpamanya kalau di kalangan masyarakat Islam, kita punya Mahkamah Syariah, kita punya JAKIM, kita punya jabatan-jabatan agama, kita punya IKIM dan banyak lagi institusi Islam. Sebab sejauh mana keberkesanan institusi-institusi Islam pada hari ini khususnya yang berkaitan dengan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan munakahat, undang-undang kekeluargaan ini berkesan dalam zaman yang begitu pesat berubah pada hari ini. Jadi saya merasakan perlu statistik ini juga dikemukakan oleh kementerian

yang berkenaan untuk kita mengambil strategi-strategi yang efektif bagi mengatasi atau meminimumkan keganasan rumah tangga.

Soalan saya yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua ialah tentang laporan daripada anak-anak yang dikategorikan di bawah umur 18 tahun. Lazimnya tidak diambil kira di dalam peraturan ataupun kanun negara. Namun daripada segi Islam, apabila seorang anak itu sampai ke akil baligh dan akil baligh itu tidak semestinya 18 tahun tetapi ada pandangan yang pelbagai di kalangan tokoh-tokoh perundangan Islam. Kalau wanita, 12 tahun pun sudah boleh ya tetapi lazimnya diguna pakai di Malaysia adalah 15 tahun.

■1500

Adakah laporan yang dibuat oleh anak daripada pandangan syarak boleh diambil kira kalau sekiranya bapanya ataupun ibunya melakukan keganasan terhadap suami ataupun isteri.

Selanjutnya, dari sudut syarak, Quran menceritakan kepada kita bahawa apabila berlaku konflik dalam institusi rumah tangga antara suami dan isteri, maka diwujudkan satu konsep ataupun satu arahan, satu peraturan yang dipanggil pendamai dan pendamai itu diminta daripada keluarga sebelah suami dan keluarga sebelah isteri, ini dipanggil hakam. Adakah selama ini Kementerian selain daripada mengemukakan kaunseling kerana kita mengambil pendekatan moden pada hari ini dan kita tidak menolak, antara satu langkah yang baik. Adakah pendekatan hakam ini juga dirujuk kepada institusi Islam oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun Kementerian bagi melihat bahawa pendekatan bersepadu dalam mengatasi masalah keganasan rumah tangga ini dapat dikurangkan seminimum yang boleh di dalam negara kita.

Dalam konteks inilah saya hendak mengulangi balik hujah ini walaupun sudah dikemukakan sebentar tadi oleh Senator Aisyah. Saya melihat bahawa kursus perkahwinan yang dibuat oleh jabatan-jabatan agama termasuklah di Wilayah Persekutuan itu, masih perlu kepada pembaikan kerana anak-anak muda yang berkahwin pada hari ini berada dalam satu zaman yang lain daripada zaman dahulu. Sayidina Umar Al-Khattab umpamanya, mengatakan seorang anak yang dilahirkan dalam sesuatu masa, dia diminta menguasai Al-Quran. Persoalannya adakah generasi kita pada hari ini walaupun segala bentuk pendidikan telah dikemukakan menguasai perkara-perkara asas tentang Al-Quran. Kalau tidak masakan yang berlaku ini di kalangan anak-anak muda yang berkahwin, yang bercerai, yang berlaku *domestic violence*.

Yang kedua hendaklah diberikan Hadis Rasulullah SAW dan yang ketiga, ini yang menarik. Sayidina Umar Al-Khattab mengatakan bahawa ilmu yang ada pada zaman itu. Bererti kita tidak menafikan hari ini kalau dalam institusi keluarga, ilmu kaunseling, ilmu psikologi dan telah pun disebutkan juga oleh Menteri. Saya hendak ucapkan tahniah bahawa *science of parenting*- sains keibubapaan, itu adalah merupakan salah satu ilmu terkini yang boleh kita harmonikan di antara elemen Islam dengan elemen-elemen ilmu rasional yang munasabah yang patut diwajibkan dan digunakan sebagai kurikulum di dalam pendidikan. Kalau perlu *even* pergi kepada sekolah sekiranya persoalan *domestic violence* ini, dengan izin, masih lagi meningkat.

Itulah sebabnya tadi Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, kita hendak tahu statistik di kalangan orang Islam ini, berapa yang berlaku dan di kalangan orang bukan Islam, berapa? Jadi kalau itu dapat kita ketahui, kita boleh mengambil strategi-strategi bersama bukan untuk

memisahkan antara Islam dengan bukan Islam. Kita hendakkan satu rakyat Malaysia yang bersepadu tetapi oleh kerana kedudukan syariah, Mahkamah Syariah dan sebagainya, peranan institusi Islam, kita mahu melihat bahawa program pendidikan itu adalah jalan keluar yang terbaik daripada kita mengenakan tindakan-tindakan *punishment*, dengan izin, selain daripada kita membela golongan yang sudah pun dianiaya oleh suami ataupun yang dianiaya oleh isteri dan sebagainya.

Jadi itulah sahaja yang dapat saya sampaikan dan saya ingin menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3.04 ptg.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Ada tiga *point* yang akan saya bahaskan di sini.

Pertamanya ialah berkait dengan tafsiran keganasan rumah tangga. Jika kita rujuk kepada Akta Ibu, keganasan rumah tangga antaranya ditafsirkan sebagai melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disedari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa itu. Pada kali ini, melalui fasal 2, perenggan EA, ada tambahan kepada tafsiran keganasan rumah tangga iaitu dengan curang, menggelapkan harta mangsa yang menyebabkan mangsa itu mengalami kesedihan kerana kerugian kewangan.

Persoalan yang ingin saya timbulkan di sini ialah berkait dengan satu situasi bila mana bagaimana jika bekas suami telah menyebabkan isteri berada dalam keberhutangan wang yang serius. Contohnya, dengan suami membuat pelbagai pinjaman menggunakan nama isteri dalam pengetahuan dan kesedaran isteri tetapi secara terpaksa dan tanpa kerelaannya. Akibat daripada pinjaman tersebut, seorang isteri atau bekas isteri terpaksa menanggung bayaran hutang secara bulanan dan juga berdepan dengan risiko tindakan undang-undang sivil dan kebangkrapan yang lain.

Jadi melalui akta ini, melalui tafsiran yang baru, apakah tindakan yang boleh diambil terhadap suami dan apakah bentuk tindakan dan pampasan kewangan yang boleh diberikan kepada isteri dan apakah...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: Saya mohon mencelah. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Khairiah menyebut isteri yang terpaksa menanggung beban hutang. Akan tetapi saya melihat banyak juga yang suami terpaksa menanggung beban hutang daripada masalah yang timbul. Macam mana pandangan daripada Yang Berhormat?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Sebenarnya di sebalik hutang-hutang ini adalah, kalau hutang perumahan, hutang kenderaan, itu lain. Akan tetapi di sebalik persoalan yang saya timbulkan tadi ialah hutang suami yang membuat perniagaan, berjudi, membuat hutang-hutang pada perkara yang tidak perlu. Jadi keadaan itu yang saya maksudkan. Jadi adakah keberhutangan yang serius disebabkan pinjaman pada perkara-perkara yang tidak perlu oleh suami termasuk menggelapkan harta ataupun termasuk dalam tafsiran baru yang diwujudkan melalui akta ini. Saya mohon penjelasan.

Yang seterusnya, isu yang kedua berkait dengan perintah perlindungan kecemasan yang baru dimasukkan di dalam akta. Persoalan yang ingin saya timbulkan ialah berkait dengan perintah

perlindungan kecemasan ini yang kini boleh dikeluarkan oleh pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah berbanding dengan perintah sebelum ini dikeluarkan oleh pihak mahkamah. Permohonan ini adalah permohonan *ex parte* iaitu permohonan oleh satu pihak. Persoalan yang ingin saya kemukakan ialah apakah SOP ataupun *standard operating procedure* yang dikehendaki dan ditetapkan agar suatu perintah perlindungan kecemasan yang dikeluarkan adalah adil bagi kedua-dua pihak terutamanya bila fasal baru 3A(6) memperuntukkan bahawa laporan polis yang berhubungan dengan keganasan rumah tangga itu tidak diperlukan. Jadi berdasarkan bukti atau justifikasi apakah perintah ini dikeluarkan oleh pegawai kebajikan masyarakat supaya perintah yang dikeluarkan itu adalah adil bagi kedua-dua pihak dan mampu menyelesaikan masalah kedua-dua pihak yang bertelingkah dan bukannya menyebabkan masalah lain.

Yang ketiga, ianya berkait dengan kalau dalam Akta Ibu iaitu seksyen 11 – kaunseling dan sebagainya. Apabila berlaku kes keganasan rumah tangga terhadap seorang isteri, Akta Ibu telah menyediakan suatu peruntukan berbentuk kaunseling kepada pihak-pihak dan saya kira ini adalah suatu tindakan yang sangat positif dan tindakan kaunseling ini adalah antaranya melalui badan-badan pendamai yang mengadakan khidmat kaunseling dan jika beragama Islam, turut meliputi badan-badan yang ditubuhkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam.

Pihak-pihak yang terlibat dengan keganasan rumah tangga biasanya mempunyai masalah dan tekanan sebelum terlibat dengan tindakan berunsur keganasan. Bagi orang Islam, kajian mendapati antara punca keruntuhan dan keganasan rumah tangga bagi yang beragama Islam adalah berpunca daripada kurang pendidikan agama dan juga kurang amalan agama.

■1510

Mereka ini gagal menunaikan tanggungjawab fardu ain seorang Muslim apatah lagi mengamalkan akhlak Muslim. Justeru, saya mencadangkan agar seksyen 11, Akta ibu ini ditambah baik dan menjadikan proses kaunseling adalah suatu perintah yang wajib, bukannya sebagai perintah yang bersampingan dengan perintah-perintah lain. Dicadangkan juga agar tindakan kaunseling ini turut melibatkan kaunseling keagamaan, bukan setakat kaunseling psikologi dan kaunseling berbentuk yang seumpamanya.

Disebut juga dalam seksyen 11 ini berkait dengan pendamai. Jadi sejauh manakah melalui kes-kes yang dirujuk di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga ini sekiranya mereka itu pasangan beragama Islam, sejauh manakah kes-kes mereka ini dirujuk di bawah *sulh* ataupun badan pendamai di Jabatan Agama Islam ataupun di badan-badan kehakiman sebelum mereka ini dikategorikan di bawah jenayah-jenayah ataupun akta yang melibatkan keganasan ini. Sejauh manakah mereka sebagai pasangan suami isteri dirujuk untuk *sulh* ataupun perdamaian? Tiga perkara itu sahaja yang ingin saya sentuh. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris.

3.11 ptg.

Puan Hajah Rahemah binti Idris: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, rakan-rakan

sekalian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam 1Malaysia, salam negaraku Malaysia, salam muafakat Johor.

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih (mawaddah) dan sayang (rahmah). Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir”. Surah Ar-Rum, ayat 21.

Saya merafak syukur ke hadratnya bersama firman yang Maha Esa maka dengan itu kita dapat bersama di Dewan yang mulia ini bermuafakat dan mencari titik temu dalam urusan-urusan berkaitan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk sama-sama berbahas dalam isu ini.

Dimulai perbahasan ini dengan sepotong ayat Al-Quran dari surat Ar-Rum ayat 21 yang merupakan wahyu Ilahi kepada umat manusia berkenaan dengan tanggungjawab berumah tangga. Asasnya tanggungjawab berumah tangga mengikut syariat adalah menjalinkan kecintaan dan kasih sayang- *mawaddah wa rahmah* antara individu lelaki dan perempuan melalui satu ikatan pernikahan. Pernikahan, rumah tangga adalah perihal penyatuan, permuafakatan, tanggungjawab dalam semua hal emosi, jasmani, fizikal, zahir dan batin.

Sebelum saya pergi lebih jauh lagi, ingin saya menyentuh perkara berkaitan pembentukan keluarga sakinah yang merupakan tujuan berumah tangga. Sakinah membawa maksud ketenteraman, ketenangan, aman dan damai. Seperti mana maksud sakinah tersebut, pembentukan keluarga sakinah ini adalah keluarga yang ada di dalamnya mengandungi nilai ketenangan, ketenteraman, keamanan, kedamaian, cinta, kasih sayang, tanggungjawab dalam rumah tangga, kata mudahnya adalah keluarga syurga dunia, bukannya neraka dunia.

Untuk menjayakan keluarga sakinah ini setiap individu dalam sesebuah keluarga punya hak dan tanggungjawab masing-masing. Jika hak dan tanggungjawab ini dinodai dan diabaikan maka ia akan melahirkan konflik dan pergolakan jika tidak diubati akan membawa kepada pertelingkahan, penderaan, pergaduhan dan lebih malang bila mana konflik antara suami dan isteri ini mengheret orang-orang ketiga seperti anak, ibu, bapa dan adik-beradik dan akhirnya memusnahkan institusi kekeluargaan.

Tuan Yang di-Pertua, pemahaman umum keganasan rumah tangga. Melihat senario ini kajian telah dibuat oleh *National Council of Women's Organization (NCWO)* yang terlibat aktif dalam proses penggubalan akta ini pada peringkat awal, seawal 1980-an. Keganasan rumah tangga ini difahami sebagai penderaan fizikal seorang suami kepada isteri ataupun sebaliknya. Walau bagaimanapun, bila diperhalusi keganasan ini juga berlaku ke atas kanak-kanak, ibu bapa atau saudara yang tinggal bersama. Ia juga berlaku kepada pelbagai bentuk, bukan sahaja penderaan fizikal tetapi ianya melibatkan psikologi, sosial, kewangan dan seksual.

Pada masa ini masalah keganasan ini dianggap sebagai masalah individu atau perseorangan. Penemuan pada masa akta ini dibentuk mengikut NCWO adalah seperti berikut:

- (i) masyarakat kurang terdidik dan kurang pemahaman berkaitan masalah keganasan rumah tangga;

- (ii) masyarakat beranggapan masalah keganasan rumah tangga ini adalah masalah persendirian atau orang perseorangan;
- (iii) keganasan rumah tangga yang berlaku pada ahli keluarga yang lain selain isteri dan juga bentuk-bentuk penderaan yang lain selain penderaan fizikal belum mendapat perhatian sewajarnya daripada masyarakat; dan
- (iv) terjadinya keganasan dalam rumah tangga ini disebabkan oleh:
 - (a) psikologi, personaliti lelaki dan wanita, pengambilan alkohol, dadah dan kitaran keganasan semasa kecil;
 - (b) struktur sosial, perbezaan taraf, kurang kawalan masyarakat kepada institusi kekeluargaan; dan
 - (c) gender, hubungan peribadi.

Hasil daripada penemuan ini, pengkategorian jenis-jenis keganasan rumah tangga dan maksud kepada individu yang didera juga telah dibuat dan dimaktubkan di dalam seksyen 2 AKRT 1994. Oleh itu, NCWO dan juga NGO-NGO wanita yang prihatin kepada masalah-masalah keganasan rumah tangga pada masa itu bangun bersama bersepakat mendesak kerajaan untuk mewujudkan Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT) ini sehingga terbentuknya akta ini pada 1994 yang dinamakan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Ini saya bawa sebagai *revision* kepada kita supaya jangan kata hari ini barulah kementerian hendak ambil tindakan-tindakan. Sebenarnya benda ini telah berlaku sejak pada 1994 lagi.

Tuan Yang di-Pertua, situasi semasa keganasan rumah tangga. Merujuk kepada aduan yang pelbagai melibatkan isu keganasan rumah tangga yang dikeluarkan oleh PDRM, sebanyak 57,519 kes direkodkan sepanjang 2010 sehingga Mac 2017. Dari jumlah tersebut, 3,053 kes keganasan rumah tangga direkodkan pada 2015 dan 4,807 kes direkodkan pada tahun 2016. Peningkatan sebanyak 1,754 kes. Ini kajian kes yang pertama. Merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, sebanyak 28,365 kes penderaan kanak-kanak telah direkodkan sepanjang 2010 hingga 2016.

Tahun	Bilangan Kes Penderaan
2010	3,257
2011	3,428
2012	3,831
2013	4,119
2014	4,295
2015	4,453
2016	4,982
Jumlah	28,365

■1520

Melihat kepada perkembangan semasa ini, trend peningkatan kepada kes keganasan rumah tangga ini amat membimbangkan. Fokus kementerian hari ini merawat permasalahan ini dengan meminda Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dengan memasukkan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) sebagai pindaan utama di mana dengan wujudnya EPO ini, mangsa boleh diberi perlindungan kecemasan dalam masa tempoh 24 jam dan berkuat kuasa tujuh hari. Di samping itu,

memperluaskan tafsiran keganasan rumah tangga dengan memasukkan perlakuan menggelapkan harta mangsa, mengugut mangsa dan mengaibkan mangsa menerusi medium internet selain menambah baik perintah perlindungan interim (IPO) dan perintah perlindungan PO adalah amat bertepatan dengan tuntutan semasa.

Persoalannya, apakah tindakan yang akan diambil oleh petugas kementerian untuk memastikan mangsa yang dilindungi di bawah EPO selamat selepas tamat tempoh perlindungan? Maksudnya, dalam kes-kes keganasan rumah tangga ini, si pelaku akan bersikap lebih agresif bilamana dicampuri urusan yang dianggap peribadi ini oleh orang ketiga.

Selain daripada itu, pengenalan kepada program pemulihan yang turut bersama di dalam akta ini amatlah baik. Program ini dapat membantu mangsa untuk bangkit dan terus berkeyakinan menjalani kehidupan yang lebih baik. Cuma, bila mana ia melibatkan ugutan, penularan video di *Youtube*, aksi-aksi di bilik tidur. Segan saya hendak cakap tetapi saya kena cakap juga oleh si pelaku.

Adakah kementerian mempunyai strategi bagi mengekang penularan video di internet ini? Saya bertanya kerana ia bukan sahaja menyebabkan kemurungan kepada mangsa tetapi trauma yang berpanjangan jika perkara ini terjadi.

Tuan Yang di-Pertua, di awal ucapan saya tadi menyentuh perihal pembentukan keluarga sakinah. Saya juga membawa elemen pandangan kesedaran masyarakat kepada isu keganasan rumah tangga ini serta situasi semasa iaitu peningkatan kes keganasan rumah tangga dalam masyarakat Malaysia. Pembentukan keluarga sakinah amatlah penting dalam kestabilan ekosistem negara Malaysia.

Untuk itu, dicadangkan kesedaran berkaitan Akta Keganasan Rumah Tangga ini perlulah dimodulkan dan dimasukkan di dalam modul pra perkahwinan. Kalau biasanya orang Islam sahaja ada pra perkahwinan, ada modul keluarga sakinah, kali ini kita minta kepada kementerian masukkan modul ini untuk kaum-kaum lain. Ada India, Cina dan sebagainya. Ini kerana setelah diteliti, modul pra perkahwinan yang sedia ada masih belum ada satu modul pendidikan yang menyentuh tentang khusus berkenaan keganasan rumah tangga. Biasanya setakat seksual sahaja. Nak kahwin, seksual tetapi tidak berkaitan dengan keganasan rumah tangga.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan berkenaan keganasan rumah tangga ini amat penting sebagai satu solusi yang meningkat kepada pasangan yang telah berkahwin untuk menjaga keharmonian rumah tangga.

Sebelum saya menutup ucapan saya, saya ingin mengambil kesempatan kepada Menteri saya, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Timbalan Menteri yang berusaha keras untuk memastikan akta ini berjaya dilaksanakan. Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar.

3.25 ptg.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya turut berbahas Rang Undang-undang Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017.

Keperluan untuk pinda adalah sangat dialu-alukan setelah akta ini diluluskan pada 1994. Setelah 25 tahun akta ini berkuat kuasa, sudah pasti banyak ujian, halangan dan juga rintangan yang telah dan sedang dilalui oleh badan penguat kuasa akta ini. Adalah diharapkan 14 cadangan pindaan ini akan memberi tenaga baru kepada akta ini agar terus relevan dalam memberi perlindungan kepada orang ramai terutamanya mereka yang wajib di perilaku dan dilindungi dalam sistem rumah tangga di negara ini.

Saya yakin pindaan kepada akta ini akan menambah baik proses urus tadbir dan juga keberkesanan akta dalam memberi penjagaan dan keselamatan kepada kumpulan sasaran terutama dalam aspek mencegah. Saya mengambil kesempatan untuk mencadangkan kepada kementerian agar agensi-agensi di kementerian seperti LPPKN, JKM dan Institusi Sosial Malaysia untuk menjalankan kajian tentang profil pesalah dan mangsa berkaitan isu keganasan rumah tangga di samping kajian berkaitan keberkesanan akta ini dalam memberi perlindungan kepada isi rumah tangga. Kumpulan wanita yang lebih ramai teraniaya dalam episod keganasan rumah tangga. Akan tetapi kita juga jangan abaikan bahawa kaum lelaki juga turut menjadi mangsa. Setakat ini mengikut statistik 26 peratus sahaja tetapi dia sedang meningkat.

Jadi itulah. Kalau mengenai akta ini, banyak persepsi yang lebih mirip kepada wanita sahaja. Jadi saya rasa sampai masanya untuk kementerian juga melihat dengan penuh teliti tentang satu golongan itu yang dipanggil suami atau lelaki yang juga menjadi mangsa kepada keganasan rumah tangga.

So dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim. Silakan.

3.28 ptg.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Dewan Negara Malaysia, saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kerana memberikan peluang untuk saya membahaskan sedikit berkenaan dengan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017.

Untuk perkara ini, saya mohon izin untuk berkongsi pandangan berkenaan dengan dua aspek. Pertama, dalam kaedah aspek pencegahan dan kedua aspek penghukuman. Proses penghukuman hanya akan berlaku apabila perbuatan keganasan itu telah berlaku. Hukuman akan dijatuhkan ke atas pemangsa jika terbukti bersalah manakala pihak mangsa telah pun mengalami penderitaan akibat keganasan tersebut.

Justeru, di samping soal penghukuman yang setimpal untuk memberi pengajaran, soal pencegahan juga perlu diberikan perhatian.

■1530

Dalam perbahasan ini, saya hendak bertumpu pada soal pencegahan kerana soal penghukuman lebih baik kita serahkan kepada pihak yang arif mengenai perundangan dan proses penghakiman. Ibarat satu kejadian kebakaran, ia mesti ada punca atau sebab kepada kebakaran itu. Jika faktor penyebab itu boleh dicegah, kita tidak perlu memanggil bomba untuk memadam kebakaran tersebut.

Saya berpendapat soal keganasan rumah tangga berpunca dari pelbagai faktor iaitu di antaranya psikologi, sosioekonomi, kesihatan mental, persekitaran, nilai-nilai keagamaan, sikap, tekanan kehidupan, tahap pendidikan, juga sebagainya. Jika faktor-faktor tersebut tidak diberi perhatian dalam usaha pencegahan, aspek penghukuman akan menjadi ibarat kita cuba menghalau asap manakala unggun api yang mendatangkan asap itu terus dibiarkan menyala. Ia menjadi satu kerja yang sia-sia. Dalam erti kata lain, masalah yang perlu ditangani tidak akan selesai, malah mungkin bertambah buruk.

Sebagai contoh, kita selalu mendengar kisah-kisah keganasan rumah tangga di mana pemangsa adalah penagih dadah, juga pemangsa mengalami masalah mental. Kita juga biasa mendengar kisah pemangsa sedang mengalami gangguan psikologi akibat penceraian, putus kasih dan sebagainya. Pendek kata, keganasan rumah tangga berlaku atas sebab-sebab dan punca-punca tertentu.

Sehubungan itu, usaha pencegahan yang patut dilakukan termasuk di antaranya mengadakan kursus perkahwinan yang sebaiknya, kursus keibubapaan ataupun *parenting skill*, mengukuhkan nilai-nilai keagamaan, mengukuhkan nilai-nilai masyarakat sivil, pengukuhan institusi kekeluargaan, kesedaran perundangan, amalan kasih sayang dalam institusi kekeluargaan dan sebagainya.

Persoalannya, adakah kita telah berpuas hati dengan usaha-usaha tersebut telah dilaksanakan dengan sepenuhnya? So, dengan itu, saya mohon supaya kementerian dapat memberikan penjelasan sejauh manakah kerja-kerja ini telah dilaksanakan untuk membanteras perkara-perkara keganasan yang berlaku di dalam rumah tangga ini.

Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

3.33ptg.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada 14 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan; Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin; Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun; Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun; Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad; Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyyah binti Ali; Yang Berhormat

Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail; Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris; Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor; dan Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim.

Jadi, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih sebab, tak salah saya, semuanya menyokong. Akan tetapi, ramai juga yang memberi cadangan-cadangan balas untuk kita menambahbaikkan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017.

Akta yang dicadangkan bertujuan untuk meningkatkan perlindungan terhadap mangsa keganasan rumah tangga dan mengadakan program pemulihan kepada pihak-pihak yang terlibat di dalam kes keganasan rumah tangga. Pindaan ini merupakan satu inisiatif dari segi perundangan di dalam kita menangani kes-kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan semakin meningkat dari semasa ke semasa. Terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator sebab lengkap dengan statistik. Jadi, tak perlu saya ulangi tetapi nanti ada saya tambah-tambah sikit.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penjelasan mengikut cadangan pindaan-pindaan di dalam rang undang-undang yang dibahaskan. Ini adalah beberapa perkara-perkara yang banyak dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertama adalah mengenai perintah perlindungan kecemasan atau *emergency protection order*. Kedua adalah perluasan tafsiran keganasan rumah tangga. Ketiga, penambahbaikan perintah perlindungan interim (IPO) dan juga perintah perlindungan (PO). Program-program pemulihan dan lain-lain isu yang berbangkit, *insya-Allah*, saya akan menjawab sebaik mungkin yang saya dapat dengan fakta-fakta yang diberikan kepada saya.

Kita pergi kepada EPO atau *emergency protection order*. Perintah perlindungan kecemasan-namanya, Yang Berhormat, 'E' itu *emergency*- merupakan suatu perintah perlindungan bertujuan melindungi mangsa keganasan rumah tangga dalam keadaan kecemasan. Sebab itu dinamakan *emergency*. Perintah ini boleh dipohon di semua Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Dalam hal ini, seramai 1,000 orang pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menghadiri taklimat dan latihan berkaitan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 dan pelaksanaan EPO sebagai persediaan pelaksanaan akta ini kelak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, segala apa yang ditimbulkan- kerisauan, penambahbaikan- semua dicatatkan dengan baik, Yang Berhormat, sebab ini menambah baik kepada pegawai. Sebab, kita buat simulasi ya, siap dengan simulasi sebab keadaan-keadaannya memang betul, seperti yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, banyak keadaan ini terpulang kepada pegawai. Dia yang menentukan itu EPO kah atau kita tolak kepada IPO atau PO. Jadi, sebab itu memang, Yang Berhormat, tempoh sah laku bagi EPO adalah tujuh hari, dan tempoh EPO tidak boleh dilanjutkan.

Walau bagaimanapun, EPO boleh dikeluarkan untuk kali kedua. Selepas pukul-pukul atau kecederaan dan sebagainya, dia buat lagi kali kedua, mohon lagi EPO bagi kali kedua dan seterusnya, sekiranya berlaku lagi perlakuan keganasan rumah tangga. Sebagai contoh, EPO pertama dikeluarkan kerana mangsa dipukul tetapi setelah tamat EPO pertama, mangsa dipukul lagi. Maka, pihak JKM boleh mengeluarkan EPO yang kedua. Pada masa yang sama, mangsa akan dinasihatkan untuk pergi lebih jauh iaitu kepada IPO dan PO.

Bezanya, Yang Berhormat, EPO ini hanya kepada pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat dan tidak perlukan laporan polis, tidak perlu pergi mahkamah dan boleh didapati pada bila-bila masa-tengah malam, hujung minggu. Untuk makluman Yang Berhormat, kami dapat *feedback* ini dan untuk kita mengadakan pindaan ini, kami mendapat *feedback* yang sangat baik daripada mangsa keganasan rumah tangga. Kejadian berlaku hujung minggu. Jadi, di dalam *circumstances* yang biasa, nak mendapatkan IPO dan PO mesti melalui mahkamah, dan selalunya mahkamah adalah waktu bekerja.

Jadi, oleh yang demikian, masa- tak tahulah, Tuan Yang di-Pertua, selalunya keganasan ini berlaku pada hujung minggu. Hujung minggu adalah keadaannya pejabat tak buka, mahkamah pun tak ada. Jadi di dalam tempoh masa itu, keadaan mangsa adalah sangat-sangat genting iaitu di dalam keadaan yang ketakutan, trauma dan sebagainya tapi tak ada perlindungan. Sebab itu diadakan EPO iaitu *emergency protection order*.

■1540

Mengenai penyampaian pula, ada orang ragu-ragu bagaimana hendak menyampaikan EPO ini. EPO akan mula berkuat kuasa apabila perintah tersebut disampaikan kepada pelaku secara sendiri oleh polis. Dia mesti *itself*, dia mesti terima. Walau bagaimanapun, sekiranya tidak dapat dibuat secara sendiri, penyampaian boleh dibuat secara penyampaian ganti. Penyampaian ganti tersebut termasuklah dengan meninggalkan sesalinan perintah di rumah, tempat kerja dan termasuk lain-lain tempat yang selalu dikunjungi oleh pelaku. Apabila EPO telah dikeluarkan dan berkuat kuasa, pelaku yang tidak mematuhi EPO, boleh dihukum seperti berikut. Ini yang disebutkan kenapa denda sikit. Ini bukan denda atas kes keganasan rumah tangga tetapi ini adalah denda sebab tidak mengikut perintah, jadi:

- (i) denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya bagi pelanggaran EPO;
- (ii) denda tidak lebih RM4,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya bagi pelanggaran EPO dengan menggunakan keganasan; dan
- (iii) denda tidak melebihi RM5,000 dan penjara tidak kurang daripada 72 jam dan tidak melebihi dua tahun bagi pelanggaran kali kedua atau seterusnya.

Hukuman EPO seperti di atas adalah merupakan hukuman bagi pelanggaran perintah kecemasan itu sendiri. Hukuman bagi kesalahan keganasan terhadap rumah tangga adalah diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan. Sebagai contoh, hukuman di bawah seksyen 323, Kanun Keseksaan, dengan izin, *voluntarily causing hurt* adalah penjara sampai satu tahun atau denda boleh sampai RM2,000 atau kedua-duanya.

Seterusnya bagi seksyen 324, Kanun Keseksaan, dengan izin, *causing hurt by dangerous weapons or means* di mana hukuman boleh sampai 10 tahun atau denda atau sebatan. Tambahan pula, pindaan terkini di bawah seksyen 326A, Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman pemenjaraan sehingga dua kali tempoh maksimum. Ini adalah yang terkini.

Mengenai peluasan tafsiran keganasan rumah tangga. Ada disebut tadi *stalking*. Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu *stalking* atau menghendap atau mengintip. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta 521 perlu dibaca bersama dengan Kanun Keseksaan dan pada masa ini, perbuatan *stalking* masih belum menjadi suatu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan. Sehubungan

dengan itu, akta yang dicadangkan ini tidak boleh memperuntukkan perbuatan *stalking* sebagai suatu kesalahan khusus.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: [Bangun]

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Namun demikian, pihak kementerian...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Sekejap Yang Berhormat. Saya habiskan *sentence*.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Okey.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Namun demikian, pihak kementerian telah menjadikan perbuatan jenayah yang mempunyai elemen *stalking* di dalam tafsiran keganasan rumah tangga di dalam akta yang dicadangkan seperti berikut iaitu:

- (i) mengugut mangsa dengan niat untuk menyebabkan mangsa itu takut akan keselamatan dirinya atau keselamatan hartanya atau pihak ketiga atau mengalami kesedihan; dan
- (ii) berhubung dengan mangsa atau berhubung dengan pihak ketiga tentang mangsa dengan niat untuk mengaibkan kehormatan mangsa melalui apa-apa cara elektronik atau selainnya.

Jadi sikit Yang Berhormat. Secara ringkasnya, perbuatan *stalking per se* bukanlah suatu keganasan rumah tangga tetapi sekiranya ia di tahap mengugut mangsa atau berhubung dengan cara mengaibkan mangsa, ia merupakan suatu keganasan rumah tangga. Saya mempersilakan Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Pandangan saya berbeza sikit daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan *stalking*. Tadi Yang Berhormat Menteri cakap pasal kita kena *read together* dengan Kanun Keseksaan tetapi saya hendak bawa perhatian kementerian kepada tafsiran *domestic violence* di Akta 521, atau Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Kalau kita tengok tafsiran *domestic violence*, ini saya baca dalam bahasa Inggeris punya ini. Banyak sangat (a) sampai ini cuma / akan baca (a) sahaja, "*Domestic violence means the commission of any of the following acts*" dan (a) ini, "*wilfully or knowingly placing, or attempting to place, the victim in fear or physical injury*". So pada saya, *stalking* boleh masuk dalam bidang kuasa ini *because it wilfully placing the victim in fear of physical injury*. So pada saya, / ingat tafsiran yang sedia ada ini bukan tafsiran baru, tafsiran yang sedia ada cukup luas untuk meliputi *stalking*. *I hope the Ministry can look at it from this perspective*. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat Senator Chandra. Itulah tadi... [Disampuk] Salah sebut [Ketawa] Itulah tadi Yang Berhormat, memang *stalking per se*, saya kata, *stalking by itself* tidak ada. Akan tetapi perbuatan-perbuatan itu memang sudah di dalam tafsiran seperti Yang Berhormat *rightly* menyebutkan tadi.

Akan tetapi Yang Berhormat, ada lagi kami memberi satu harapan sebenarnya. Walau apa pun, pihak kerajaan akan sentiasa mengikuti perkembangan perbuatan *stalking* yang dihujahkan oleh

pelbagai pihak pada masa ini dan kita juga *insya-Allah* akan mempertimbangkan untuk menyokong supaya ia dijadikan suatu kesalahan jenayah di masa hadapan. So, ini adalah sesuatu sebab pada masa ini di dalam Kanun Keseksaan, ini tidak ditafsirkan sebagai jenayah. Akan tetapi kita kena *built up*, kita kena memberi banyak contoh tetapi sebenarnya pegawai-pegawai saya, kita sekarang di dalam perundingan, perbincangan sesama pegawai dan juga dengan kementerian-kementerian yang lain untuk kita mencari jalan untuk kita betul-betul menangani kes-kes *stalking*.

Mengenai *mental illness* dan *depression*, merupakan suatu *medical condition* yang perlu disahkan oleh doktor dan puncanya adalah pelbagai. Sekiranya ia melibatkan penderaan psikologi sehingga menyebabkan *depression* dan *mental illness* sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 2(f), maka ia merupakan suatu keganasan rumah tangga di bawah akta ini.

Dalam hal penularan gambar-gambar yang menjatuhkan aib mangsa, PDRM akan bekerjasama dengan MCMC untuk menurunkan gambar berkenaan tertakluk kepada pelanggaran terhadap mana-mana undang-undang. Ini memang sekarang ini di dalam tindakan pihak PDRM bersama dengan MCMC.

Mengenai penambahbaikan IPO dan PO, sebagaimana yang dibangkitkan, antara penambahbaikan IPO dan PO di dalam akta yang dicadangkan adalah termasuk pemakluman oleh pihak polis secara bertulis kepada mangsa, perihal status siasatan kes dan status permohonan IPO dan PO. Selain daripada itu, tempoh IPO hanya terhenti berkuat kuasa apabila:

- (a) mangsa dimaklumkan secara bertulis oleh pegawai polis bahawa siasatan telah selesai dan tiada tindakan diambil;
- (b) prosiding jenayah dimulakan ke atas pelaku dan pemakluman secara bertulis dibuat kepada mangsa dan mangsa tidak memohon perintah perlindungan dalam masa tujuh hari; atau
- (c) prosiding jenayah dimulakan ke atas pelaku dan pemakluman secara bertulis dibuat kepada mangsa dan mangsa memohon perintah perlindungan dalam masa tujuh hari.

Mengenai program pemulihan. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Di dalam akta yang dicadangkan, program pemulihan merupakan suatu perintah yang boleh dipohon di peringkat *interim protection order* bertujuan untuk membolehkan pihak-pihak yang memerlukan pemulihan dibantu melalui program-program yang bersesuaian.

■1550

Di antara program pemulihan yang akan ditawarkan oleh agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah seperti berikut. Di bawah LPPKN, kita ada kaunseling perkahwinan, kaunseling keluarga, kaunseling krisis atau trauma, psikoterapi dan juga *brain gym*. Saya pun tidak berapa pasti *brain gym* itu apa, tetapi ada .

Di bawah JKM pula kita ada program yang kita namakan *emotional focused therapy*, *anger management therapy*, *neuro linguistic program* dan *hypnotherapy*. Ini semua adalah untuk membantu kalau yang baran, kalau yang tidak boleh mengawal kemarahan, ini adalah program-program yang kita berikan untuk membantu dan pihak kementerian juga bercadang untuk mengadakan satu program

komprehensif keluarga bagi membentuk keluarga bahagia yang boleh mengekang perlakuan keganasan-keganasan dalam kalangan ahli keluarga.

Tadi ada ditanya, untuk makluman ada 43 buah rumah selamat atau rumah perlindungan di seluruh negara. Saya tidak dapat maklumkan di sini, *otherwise*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dia tidak nama lah rumah selamat lagi. Kalau saya bagi tahu mana rumah-rumah ini. Ada 43, iaitu 43 buah iaitu JKM sendiri 36 buah dan NGO ada tujuh buah di seluruh negara.

Jadi ada masanya memang kami juga, memang menggalakkan bahawa kita akan bawa mangsa itu di rumah selamat untuk dia mendapat satu *space*, supaya dia merasa lebih selesa, supaya tidak bersama atau boleh masa untuk berfikir dan sebagainya di tempat yang lain daripada tempat yang biasa.

Ada beberapa isu-isu berbangkit Tuan Yang di-Pertua, lelaki sebagai mangsa keganasan rumah tangga. Berdasarkan statistik yang diperoleh daripada PDRM, ini bermakna yang dilaporkan. Dari tahun 2014 hingga tahun 2016, walaupun lazimnya atau majoriti mangsa terdiri daripada wanita, tetapi 26 peratus adalah lelaki termasuk suami. Selain suami, bekas suami, saudara lelaki mahupun bapa adalah termasuk di dalam pengiraan ini dan ia turut melibatkan pelbagai kategori seperti kanak-kanak lelaki, warga emas dan orang kurang upaya lelaki.

Walau bagaimanapun, bagi mangsa lelaki yang tampil untuk mendapatkan intervensi daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2013 hingga tahun 2016, sebanyak 131 kes daripada 2784 kes yang direkodkan adalah termasuk suami, abang kandung, bapa kandung dan bekas suami. Berdasarkan kes-kes melibatkan suami yang pernah dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah kes-kes yang meletakkan mangsa di dalam keadaan ketakutan, dcederakan secara fizikal, mangsa dikurung atau ditahan tanpa kerelaannya, harta mangsa dikhianati dan penderaan emosi. Di antara kes-kes, hari itu saya terlepas, saya cakap kes, saya tidak cakap mana.

Di antara kes-kes isteri mencederakan suami dengan asid dan ini adalah kes poligami, itulah tadi berterus terang. Kalau berterus terang itu tidak perlulah sampai macam itu tapi berterus terang, jadi ini adalah kes isteri mencederakan suami dengan asid, poligami. Isteri mencederakan suami dengan cuka getah, dia pakai apa yang ada lah agaknya. Cuka getah dan sebab berlaku perselisihan faham, pertengkaran. Lepas itu, isteri mencederakan suami menggunakan objek. Ini disebabkan perebutan hak penjagaan anak. Selepas itu, isteri mencederakan suami fizikal dengan objek, isteri panas baran, isteri garang, ada. Selepas itu sengaja atau cuba meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan, kecederaan fizikal sebab masalah kewangan.

Ada satu lagi kes Yang Berhormat, suami koma satu minggu di hospital. Agaknya perselisihan faham, oleh kerana isteri adalah *black belt*, tali pinggang hitam. Jadi ini adalah beberapa yang kes-kes betul, kes yang berlaku dan daripada ini kita dapatkan fakta-fakta, selepas ini saya akan bacakan statistik kepada Yang Berhormat seperti yang dikehendaki tetapi di sini sedikit saya hendak menyentuh mengenai perlindungan bagi pasangan yang tinggal serumah tetapi tidak berkahwin.

Perlindungan di bawah akta ini adalah terpakai kepada pasangan suami isteri sama ada berdaftar di bawah undang-undang bertulis dan pasangan *de facto*, iaitu mereka yang telah melalui satu bentuk istiadat yang diiktiraf sebagai suatu istiadat perkahwinan. Walaupun pengiktirafan ini dibuat

pada tahun 1994, tetapi masih terdapat lagi pasangan seperti di kalangan kumpulan etnik seperti Iban lain-lainnya yang berkahwin secara adat.

Jadi sehubungan dengan itu pasangan secara *de facto* adalah relevan. Asalkan dia berkahwin secara adat atau dia adalah *ceremonial* kahwin, itu kami tafsirkan sebagai suami isteri. Akta ini tidak terpakai kepada pasangan yang tidak mempunyai ikatan perkahwinan, walaupun mempunyai hubungan intim. Walaupun pasangan ini tidak dilindungi oleh akta ini, laporan terhadap keganasan pelaku boleh dilaporkan oleh mangsa dan pelaku boleh dikenakan hukuman sewajarnya di bawah Kanun Keseksaan seperti di bawah seksyen 323, 324 dan sebagainya. Pada masa ini pihak kerajaan tidak berhasrat, untuk memperluaskan perlindungan di bawah akta yang dicadangkan kepada pasangan yang mempunyai hubungan intim atau hubungan tidak sah di bawah undang-undang.

Punca-punca keganasan, ada beberapa statistik yang dipohon. Satu punca-punca keganasan, lepas itu tadi umur dan sebagainya. Jadi punca-punca keganasan ingin saya maklumkan adalah seperti berikut. Saya tidak perlu bagi bilangan tetapi saya baca secara sebab-sebab berlakunya kes-kes keganasan. Berkahwin lain, atau berkahwin semula, campur tangan mertua, campur tangan pihak ketiga, cemburu, isteri mohon cerai, kaki judi, kehilangan pekerjaan, masalah kelamin, masalah kewangan, melakukan hubungan secara paksa, mempunyai perhubungan di luar nikah, mengalami tekanan jiwa, menganggur, menghadapi tekanan di tempat kerja, panas baran, pemabuk, penagih dadah, perbalahan kerana anak, perebutan hak penjagaan anak, perebutan harta, perselisihan faham, pesakit mental, poligami, sumbang mahram dan lain-lain lagi yang dia tidak dikupaskan di sini.

Kadar sabitan kes di mahkamah rendah, ada yang menyebut tadi. Kadar kes sabitan di mahkamah rendah adalah berdasarkan bukti-bukti yang ada ketika siasatan dilakukan dan dikemukakan kepada mahkamah. Selain itu juga ia juga melibatkan keterangan saksi, iaitu mangsa atau mana-mana saksi lain yang berkaitan dengan kes keganasan rumah tangga yang dibicarakan.

■1600

Keterangan saksi lain di mahkamah membantu dari segi keterangan sokongan *collaboration evidence* kepada keterangan mangsa itu sendiri. Oleh itu pihak kerajaan menyarankan supaya mangsa yang membuat laporan polis perlu memberi kerjasama dengan sepenuhnya bagi membantu sabitan kesnya untuk memberi keterangan yang jelas.

Saya berterima kasih dengan beberapa cadangan daripada Ahli Yang Berhormat supaya kita adakan bimbingan, kita bagi *support* atau kita bagi satu- boleh hendak dikatakan bagaimana hendak membawa atau hendak mengutarakan supaya *evidence* dalam mahkamah ini diterima dan tidak semudah itu dibuang kes. Jadi kami akan mengambil iktibar. Sebenarnya kami telah mengadakan beberapa perbincangan bersama dengan NGO-NGO yang berkaitan supaya kita dapat macam membimbing kes-kes macam ini supaya apabila dia betul-betul hendak membawa kes di dalam mahkamah, dia telah mendapat simulasi atau bimbingan yang begitu baik.

Kepada beberapa statistik- saya akan baca Yang Berhormat, statistik iaitu mengikut tadi ada beberapa dikehendaki. Pecahan jantina mangsa. Di dalam- saya guna statistik tahun 2016 sebab itu lebih lengkap. Jumlah kes keganasan rumah tangga pada tahun 2016 adalah 5,796 kes.

Pecahan jantina mangsa iaitu lelaki 1,497 kes, wanita 4,299 orang. Pecahan bangsa pula:

Bangsa (Mangsa)	Orang
Melayu	3,518
Cina	4,089
India	1,151
Lain-lain	638

Pecahan umur. Tadi dimohon pecahan umur mangsa:

Umur (Tahun)	Orang
Bawah 25	1,076
26 hingga 35	1,956
36 hingga 45	1,220
46 hingga 59	969
60 ke atas	575

Jenis pekerjaan Yang Berhormat perlukah? Tidak perlu, kan. Saya ada ini tetapi ini suspek pula, tadi mangsa, ini suspek. Suspek ini pelaku ya. Pecahan bangsa suspek seperti berikut:

Bangsa (Pelaku)	Orang
Melayu	3,528
Cina	508
India	1156
Lain-lain	610

Umur suspek:

Umur (Tahun)	Orang
Bawah 25	965
26 hingga 35	2,546
36 hingga 45	1,530
46 hingga 59	664
60 ke atas	97

Jadi ini adalah statistik-statistik daripada PDRM yang sebenarnya betul Yang Berhormat. Kita boleh kupas dengan mendalam untuk kita mencari puncanya.

Ada beberapa lagi yang ditanyakan tadi. Adakah laporan yang dibuat oleh anak yang belum-anak bawah umur atau anak, boleh tidaklah anak-anak ini melaporkan. *Report* polis boleh dibuat oleh semua peringkat umur tanpa mengira umur selagi seorang pengadu itu konsisten dengan keterangannya. PDRM mempunyai inisiatif dalam menjalankan siasatan ke atas anak-anak di mana keterangan anak-anak akan diambil di dalam *Child Interview Centre*. Kita ada bilik khas ya untuk kanak-kanak yang terdapat di setiap kontinjen. Keterangan diambil secara keterangan video dan dibantu dengan patung anatomi bagi menyokong keterangan kanak-kanak tersebut untuk kita mensahihkan lagi keterangan oleh kanak-kanak.

Bagaimana orang awam boleh membuat permohonan EPO di luar waktu pejabat atau hari cuti? Mangsa boleh membuat permohonan EPO pada bila-bila masa, sama ada hadir ke pejabat kebajikan masyarakat atau melalui panggilan telefon atau juga boleh menggunakan talian Kasih 15999.

Di sini mengenai anggota polis. Tadi disebutkan anggota polis sebelumnya tidak berapa mesra dan sebagainya. Jadi ini adalah *latest* maklumat yang saya dapat. Setiap daerah, PDRM ini memang ada disediakan anggota polis wanita termasuk pegawai polis wanita bagi mengendalikan kes-kes yang sensitif yang melibatkan mangsa adalah wanita. Di balai-balai polis juga ada disediakan bilik-bilik untuk mengasingkan wanita ini yang merupakan mangsa dari kes-kes lain, ia diasingkan. Malah mangsa juga akan dirujuk kepada kaunselor berdaftar PDRM untuk sesi kaunseling. Terus kita berikan sesi kaunseling, kita terus membuat dia begitu selesa supaya mendapat keterangan yang lebih baik.

Adakah perbuatan bekas suami yang menyebabkan bekas isteri berada dalam keterberhutangan serius termasuk dalam tafsiran fasal 2, menggelapkan harta? Perbuatan suami tersebut tidak dikategorikan sebagai keganasan rumah tangga yang dinyatakan di bawah di bawah tafsiran fasal 2, menggelapkan harta. Menggelapkan harta adalah *misappropriation of property*, dengan izin. Sebagai contoh, suami dengan curang telah menyalahgunakan harta isteri seperti kereta atau wang. Ia juga berlaku di kalangan warga emas di mana wang pencen mereka diambil tanpa kebenaran. Itu yang kita tafsirkan sebagai penggelapan harta, yang kes lain itu ia dimasukkan di dalam kategori lain ya.

Berapa lama tempoh dan bilangan sesi kaunseling untuk kanak-kanak yang terlibat dalam kes-kes keganasan rumah tangga? Dalam program pemulihan, terdapat pelbagai intervensi yang dijalankan termasuk kaunseling individu, kaunseling keluarga, kaunseling perkahwinan dan lain-lain. Setiap sesi kaunseling perlu melalui proses-proses yang berkaitan dan bilangan sesi mesti melalui sekurang-kurangnya tiga kali sesi dan boleh mencecah kepada enam atau tujuh kali sesi kaunseling. Setiap kes akan dijalankan intervensi sehingga penama dapat merungkai dan mengadaptasikan serta menangani segala halangan yang telah didepani. Kaunseling ini ia memakan masa sedikit tetapi ini adalah sesuatu yang elok sangat untuk dijalani bagi satu daripada menangani kes-kes ini.

Kadang-kadang Yang Berhormat, macam Yang Berhormat juga, kami di kementerian kalau dapat tempoh tujuh hari ini sahaja. Kami tidak mahu melihat perkahwinan itu diakhiri dengan penceraihan, sebab ini melibatkan keluarga itu. Jadi kami kalau dapat EPO ini Yang Berhormat, kita harap dengan EPO ini ada *space*, ada *cooling period* supaya dia tidak mengambil keputusan untuk mengakhiri perkahwinan tetapi boleh memperbaiki lagi. Masing-masing kita ada kelemahan, kesalahan tetapi inilah cara kami memberi *cooling period*. Oleh sebab itulah ditambahkan EPO ini.

■1610

Apakah tindakan yang boleh diambil ke atas pelaku yang enggan hadir program pemulihan? Pelanggaran perintah sebagaimana yang dijelaskan di bawah seksyen 8 boleh dikenakan hukuman penjara dan denda seperti saya katakan tadi, kalau kita memikirkan sesi pemulihan ini baik sangat untuk kedua-dua pihak jadi dia kena ikut. Itu macam perintah untuk kita mencari jalan memperbaiki keadaan rumah tangga tersebut. Ini ada ditanya mengenai apakah *grade* kes yang serius di peringkat kementerian? Mana-mana kes Yang Berhormat yang dirujuk kepada kementerian adalah merupakan kes bagi kami adalah kes yang penting untuk dibantu dan mesti disiasat secara telus. Tiada *grade* diberikan kepada sesuatu kes yang dirujuk kepada pihak kementerian dan mangsa akan dibantu untuk mendapatkan perlindungan seperti mana yang dipohon mengikut keperluan-keperluan mangsa tersebut.

Jadi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak kementerian bersetuju sangat dengan segala yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa masyarakat perlu lebih prihatin akan keganasan rumah tangga ini bukan merupakan hal keluarga sahaja tetapi ia sekarang ini menjadi suatu jenayah yang perlu ditangani bersama dengan melindungi mangsa dan tidak menyembunyikan hal kejadian keganasan rumah tangga ini apabila diketahui. Sebagai penutup, pihak kerajaan mengucapkan jutaan terima kasih di atas sokongan dan juga pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam membahaskan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) bagi tahun 2017.

Sekali lagi kementerian saya mengucapkan jutaan terima kasih atas kerjasama yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, tadi masing-masing kita mengatakan bahawa cepat-cepatlah ini diluluskan supaya bila digazetkan kita terus boleh melaksanakan demi kebaikan pihak-pihak yang terlibat. Sekali lagi saya ingin merekodkan di sini ucapan jutaan terima kasih saya kepada NGO-NGO yang sebenarnya banyak membantu di dalam kita mengadakan pindaan ini khususnya kepada NCWO, Gabungan Kumpulan Wanita Bertindak Bagi Kesamarataan Gender (JAG), *Women's Aid Organization* (WAO), *Women's Centre for Change* (WCC) dan semua NGO-NGO lain dan khususnya kepada *stakeholders* dan mangsa-mangsa keganasan rumah tangga yang sebenarnya tampil ke hadapan untuk memberi segala maklum balas demi kebaikan.

Jadi terima kasih kepada semua dan saya mengharapkan bahawa kita dapat mengambil iktibar daripada banyak contoh-contoh yang diberikan demi kebaikan semua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Rohani Abdul Karim telah menjawab dengan panjang lebar, terang dan nyata. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi (Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG AGENSI PEKERJAAN SWASTA (PINDAAN) 2017****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4.17 ptg.**

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Abd. Muttalib]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2017 iaitu suatu akta untuk meminda Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246] ialah suatu akta yang mengawal aktiviti agensi pekerjaan swasta (APS) dan menjaga hak serta kebajikan pencari-pencari kerja. Akta ini menghendaki agensi pekerjaan swasta mempunyai lesen yang sah dan perjalanan aktiviti APS perlu mengikut lunas undang-undang yang ditetapkan.

APS juga dikehendaki mengemukakan maklumat berkaitan pendaftaran dan penempatan pekerja untuk memudahkan pemantauan oleh Jabatan Tenaga Kerja Kementerian Sumber Manusia. Selain daripada mengawal dan memantau penempatan pekerjaan di dalam negara Akta 246 ini juga mengawal penempatan pencari kerja tempatan ke luar negara setelah mendapat kebenaran atau *endorsement* di mana APS dikehendaki menyediakan bon atas nama ketua pengarah Jabatan Tenaga Kerja Akta 246 mula berkuat kuasa pada 19 Februari 1981 dan terpakai di seluruh negara. Berdasarkan rekod Jabatan Tenaga Kerja sehingga 30 Julai 2017, terdapat 1,192 agensi pekerjaan swasta yang berdaftar di Semenanjung Malaysia, 119 di negeri Sabah dan 56 di negeri Sarawak.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia juga, sehingga 30 Jun 2017, sebanyak sepuluh Agensi Pekerjaan Swasta (APS) telah didakwa di bawah peruntukan akta ini. Sebelum ini Akta 246 telah di pinda sekali iaitu pada tahun 2005. Pindaan ini melibatkan seksyen 3 dan seksyen-seksyen berkaitan bagi memperjelaskan tafsiran Ketua Pengarah dan peruntukan berkaitan kuasa melantik Ketua Pengarah dan pegawai lain. Susulan *show model* baru-baru ekonomi yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2010, Kementerian Sumber Manusia telah mengambil inisiatif untuk mengkaji semula undang-undang perburuhan termasuk Akta 246 ini bagi memudahkan urusan perniagaan dan memastikan perlindungan yang lebih berkesan kepada golongan pekerja.

Kementerian Sumber Manusia telah menjalankan kajian keberkesanan melalui konsultasi dalaman dengan pegawai-pegawai Jabatan Tenaga Kerja yang merupakan agensi penguat kuasa. Selain itu, Kementerian Sumber Manusia juga mengadakan sesi libat urus dengan persatuan yang menaungi APS di Malaysia iaitu Pertubuhan Kebangsaan Agensi Pekerjaan Swasta (Pikap), dan persatuan yang menaungi majikan-majikan pembantu rumah iaitu Persatuan Majikan Amah Malaysia (MAMA).

■1620

Cadangan pindaan terhadap Akta 246 telah dikaji secara terperinci oleh sebuah jawatankuasa teknikal yang dianggotai secara *tripartite*, dengan izin, oleh pihak kerajaan, wakil pekerja dan wakil majikan menerusi Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan. Berdasarkan maklum balas yang diterima, Kementerian Sumber Manusia berpandangan Akta 246 wajar dipinda berlandaskan objektif-objektif yang berikut:

- (i) menambah baik dan memodenkan perundangan berkaitan APS supaya selaras dengan keperluan semasa;
- (ii) memperjelaskan pemakaian perundangan berkaitan perekrutan yang meliputi pekerja bukan warganegara; dan
- (iii) memperkasakan aktiviti penguatkuasaan.

Rang Undang-undang APS (Pindaan) 2017 melibatkan pindaan dan penggantian terhadap 21 peruntukan sedia ada, pewujudan 20 peruntukan baharu dan pemansuhan sembilan peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya akan menjelaskan fasal-fasal penting dan substantif dalam rang undang-undang ini seperti berikut.

Fasal 2 menggantikan peruntukan pengecualian pemakaian Akta 246 dengan mewujudkan peruntukan khusus bagi mengecualikan agensi Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri. Ini akan memudahkan urusan pentadbiran kerana Menteri tidak perlu mengeluarkan perintah bagi mengecualikan pihak berkuasa awam yang terlibat dalam aktiviti merekrut sebagaimana dikehendaki dalam akta seperti mana amalan sekarang. Dalam masa yang sama, pindaan ini juga bertujuan untuk memastikan semua pencari kerja, pekerja bukan warganegara dan majikan yang menggunakan perkhidmatan APS dilindungi secara komprehensif oleh akta ini.

Sungguhpun demikian, sekiranya terdapat mana-mana syarikat atau anak syarikat Kerajaan Pusat atau kerajaan negeri yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 dan menjalankan aktiviti merekrut, maka syarikat ini dikehendaki untuk mendapatkan lesen di bawah cadangan rang undang-undang ni. Rang undang-undang ini melibatkan pindaan kepada lapan tafsiran sedia ada, empat tafsiran baru dan dua tafsiran dimansuhkan. Antara pindaan dan tafsiran baru yang dicadangkan dalam fasal 3 rang undang-undang ini termasuklah:

- (i) “agensi pekerjaan swasta” bermaksud suatu pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dan diberikan lesen di bawah akta ini untuk menjalankan aktiviti merekrut”. Pindaan tafsiran ini menghendaki mana-mana pihak yang hendak memohon lesen APS merupakan syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016;
- (ii) “majikan” merujuk kepada mana-mana orang yang mendapatkan perkhidmatan APS bagi maksud untuk merekrut seseorang pekerja bagi dirinya. Pindaan tafsiran ini menjelaskan maksud bahawa majikan sebagai pelanggan yang menggunakan perkhidmatan APS bagi mendapatkan pekerja, hendaklah menggaji orang yang direkrut itu sebagai pekerjanya. Tafsiran ini antara lain dapat mencegah aktiviti menyumber luar, dengan izin

outsource tenaga kerja yang mana majikan menempatkan atau membekalkan orang yang direkrut melalui APS kepada majikan lain;

- (iii) “merekut” merujuk kepada aktiviti yang dijalankan oleh mana-mana orang, termasuk aktiviti pengiklanan, sebagai pengantara antara majikan dan pencari kerja untuk:
 - (a) menawarkan untuk mencari pekerjaan, menawarkan suatu pekerjaan atau mendapatkan pekerjaan bagi seseorang pencari kerja; atau
 - (b) menawarkan untuk mencari pekerja, menawarkan pekerja dan mendapatkan pekerja, bagi seseorang majikan.
- (iv) frasa “mana-mana orang” bertujuan untuk merangkumi aktiviti merekrut yang dijalankan oleh orang persendirian atau pertubuhan lain yang tidak mempunyai lesen APS bagi memudahkan pemantauan dan penguatkuasaan;
- (v) “pencari kerja” ialah seseorang yang berdaftar dengan suatu agensi pekerjaan swasta bagi maksud mencari pekerjaan atau ditawarkan suatu pekerjaan atau menerima tawaran suatu pekerjaan, tetapi tidak termasuk bukan warganegara. Tafsiran ini tidak merangkumi bukan warganegara atas dasar bahawa kerajaan mengutamakan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Walau bagaimanapun, aktiviti merekrut pekerja bukan warganegara tetap diliputi bagi memantau aktiviti APS yang menempatkan pekerja asing dan pekerja domestik asing; dan
- (vi) “wang jaminan” bermaksud suatu jaminan dalam bentuk wang tunai atau jaminan kewangan yang dikeluarkan oleh suatu bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*] atau Bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] tetapi tidak termasuk bank Islam antarabangsa berlesen, yang didepositkan menurut seksyen 14C. Tafsiran baharu ini memperjelaskan maksud bentuk wang jaminan yang boleh dikeluarkan dalam bentuk tunai ataupun jaminan kewangan, dengan izin *financial guarantee*.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 7 rang undang-undang memperuntukkan bahawa tiada pihak boleh menjalankan aktiviti merekrut tanpa mempunyai lesen yang diberikan di bawah akta ini. Mana-mana pihak yang didapati menjalankan aktiviti merekrut tanpa lesen, melakukan kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM200,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Penaan hukuman yang berat ini menunjukkan betapa seriusnya pelanggaran tersebut kerana aktiviti merekrut tanpa lesen yang sah boleh memberi kesan yang sangat besar kepada mangsa khususnya pencari kerja dan pekerja bukan warganegara yang boleh menjurus kepada aktiviti pemerdagangan orang dan buruh paksa. Perkara ini akan menjejaskan kebajikan pencari kerja dan pekerja bukan warganegara serta mencemarkan imej negara.

Fasal 8 memperuntukkan supaya permohonan bagi lesen agensi pekerjaan swasta hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja mengikut kategori lesen yang dinyatakan dalam Jadual Kedua. Permohonan ini dibuat berdasarkan prosedur-prosedur yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan disertakan dengan fi proses yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Fasal 9, rang undang-undang ini memperuntukkan bahawa pemohon lesen APS hendaklah mematuhi syarat-syarat tertentu. Antaranya:

- (i) pemohon mestilah sebuah badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016, yang bermakna orang perseorangan atau perkongsian tidak layak memohon lesen APS. Pemohon perlu mempunyai modal berbayar seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan sekurang-kurangnya 51 peratus jumlah syer syarikat itu dipegang oleh warganegara Malaysia. Ini bagi memastikan hanya pemohon syarikat yang mempunyai kewangan yang kukuh sahaja yang dilesenkan sebagai APS dan majoriti syer dimiliki oleh warganegara Malaysia. Syarat-syarat ini juga dapat memudah cara agensi penguatkuasaan memantau dan menguatkuasakan akta serta memastikan kepentingan pencari kerja bukan warganegara dan majikan terpelihara jika berlaku pelanggaran serius terhadap peruntukan akta; dan
- (ii) pemohon hendaklah bukan seorang yang bankrap, tidak pernah disabitkan kesalahan dalam mana-mana undang-undang berkaitan antipemerdagangan orang dan buruh paksa. Syarat ini bertujuan memastikan pemohon mestilah mempunyai kredibiliti yang tinggi dan tidak terlibat dalam sebarang aktiviti pemerdagangan orang dan buruh paksa kerana aktiviti merekrut sering kali dikaitkan dengan perkara berkenaan khususnya yang melibatkan pekerja asing.

Fasal baharu 9A memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk memberi atau menolak pemberian lesen APS selepas menerima permohonan di bawah fasal 8. Ketua Pengarah akan memaklumkan keputusan permohonan secara bertulis kepada pemohon. Jika ketua pengarah memutuskan untuk memberi lesen, pemohon hendaklah membayar fi lesen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan menandatangani wang jaminan sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Kedua dalam tempoh 30 hari daripada pemakluman keputusan bertulis itu dibuat. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Ketua Pengarah membatalkan kelulusan pemberian lesen itu.

Seksyen baharu 9B memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengenakan apa-apa syarat lain yang difikirkan sesuai ke atas lesen yang diberikan di bawah seksyen 9A.

Antara pindaan substantif lain terhadap peruntukan berkaitan lesen APS ini termasuklah, pertama, fasal 10 berkaitan tempoh sah lesen selama 24 bulan dari tarikh dikeluarkan melainkan jika digantung atau dibatalkan. Sebelum ini tempoh sah lesen ialah 12 bulan iaitu satu tahun. Pindaan ini memudahkan APS di mana mereka tidak perlu memperbaharui lesen setiap tahun seperti mana amalan sekarang.

Kedua, fasal 11 memperjelaskan prosedur-prosedur pembaharuan lesen yang perlu dipatuhi.

Ketiga, seksyen baru 11A pula memperuntukkan keadaan-keadaan yang membolehkan Ketua Pengarah menggantung dan membatalkan lesen APS tanpa tuntutan ganti rugi.

■1630

Fasal ini memperuntukkan berkaitan tindakan yang perlu dan boleh diambil oleh APS yang lesennya digantung atau dibatalkan.

Keempat, fasal baru 13A menghendaki APS memohon salinan lesen daripada Ketua Pengarah jika lesen hilang, musnah atau rosak. Permohonan ini hendaklah disertakan dengan fi proses penggantian lesen.

Kelima, fasal baru 13B memperuntukkan bahawa APS tidak boleh menyerah hak atau memindah lesen di bawah akta ini kepada orang lain kecuali mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah terlebih dahulu.

Keenam, fasal baru 13C pula memperuntukkan bahawa APS tidak boleh menyewakan atau memajakkan lesen kepada orang lain. Kegagalan mematuhi fasal 13B dan 13C boleh menyebabkan Agensi Pekerjaan Swasta (APS) didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 21 fasal baru 13D rang undang-undang ini menghendaki supaya syarikat APS yang telah diberikan lesen memohon kepada Ketua Pengarah untuk mendapatkan suatu dokumen pengenalan diri kepada pekerja yang bertanggungjawab di atas aktiviti merekrut bagi memudahkan kawalan pekerja lain yang tidak menjalankan aktiviti merekrut tidak akan diberikan bukti pengenalan diri. Kegagalan mempunyai bukti pengenalan diri boleh menyebabkan APS dan pekerjanya dikenakan tindakan undang-undang.

Perkara 20, peruntukan ini dimasukkan kerana penguatkuasaan mendapati wujud pihak yang menjalankan aktiviti sebagai APS secara haram termasuk mendakwa bertindak sebagai ejen kepada APS yang sah. Peruntukan ini akan membantu membanteras gejala penipuan atau penyamaran oleh individu yang tidak diberi hak dari segi undang-undang untuk menjalankan aktiviti merekrut.

Perkara 23, fasal baru 14A berkaitan fi pendaftaran yang boleh dikenakan kepada pencari kerja bagi pekerjaan dalam Malaysia mahupun di luar Malaysia selepas pendaftaran pencari kerja dengan APS.

Perkara 24 fasal baru pula 14B berkaitan fi penempatan yang boleh dikenakan oleh APS kepada pencari kerja atau pekerja bukan warganegara setelah mereka menerima tawaran pekerjaan. Jika fi penempatan telah dibayar oleh majikan, APS tidak boleh menuntut fi penempatan daripada pencari kerja atau pekerja bukan warganegara.

Perkara 25 fasal baru 14C menghendaki APS menandatangani wang jaminan kepada Ketua Pengarah mengikut kategori lesen yang dinyatakan dalam Jadual Kedua. Wang jaminan ini ialah cagaran untuk membantu pencari kerja pekerja bukan warganegara dan majikan sekiranya menjadi mangsa kepada kegagalan APS menjalankan tanggungjawab seperti menampung kos penghantaran balik, penyediaan tempat tinggal, makan dan minum. Keperluan menandatangani wang jaminan juga bertujuan untuk memastikan hanya syarikat yang benar-benar komited sahaja memohon lesen dan menjalankan operasi sebagai APS.

Perkara 26 fasal baru 14D memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk menggunakan wang jaminan bagi memastikan tanggungjawab terhadap pencari kerja, pekerja bukan warganegara dan majikan dipenuhi. Fasal ini turut memperuntukkan supaya Agensi Pekerjaan Swasta menggenapkan atau mengemukakan semula wang jaminan mengikut jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Kedua sekiranya wang jaminan asal telah digunakan.

Perkara 27 fasal baru 14E memperuntukkan APS boleh menuntut semula wang jaminan melalui permohonan bertulis sekiranya memberhentikan operasi, lesen dibatalkan ataupun telah tamat tempoh sah. Ketua Pengarah juga boleh mengembalikan wang jaminan bagi maksud pertukaran kategori lesen Agensi Pekerjaan Swasta (APS).

Perkara 28, Tuan Yang di-Pertua, fasal baru 14F pula memperuntukkan jika APS tidak menuntut wang jaminan setelah memberhentikan operasi, lesen dibatalkan atau telah tamat tempoh sah, Ketua Pengarah boleh melucut hak wang jaminan yang tidak dituntut itu selepas satu pemberitahuan dibuat dalam warta. Wang jaminan yang dilucut hak akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Perkara 29, fasal 19 menghendaki APS untuk menyedia, menyelenggara dan menyimpan rekod seperti pendaftaran pencari kerja, pendaftaran majikan, kekosongan pekerjaan, penempatan pencari kerja dan pekerja bukan warganegara dan amaun fi yang dikutip. Rekod tersebut hendaklah disimpan tidak kurang daripada enam tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 30, fasal 21 memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah atau pegawai yang diberikan kuasa untuk menjalankan aktiviti penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan sebagaimana kuasa anggota polis yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah Akta 593. Melalui peruntukan ini, pegawai-pegawai penguat kuasa di Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia dibekalkan dengan kuasa yang mencukupi untuk menguatkuasakan undang-undang ini.

Perkara 31, fasal 28 memperuntukkan kesalahan atau penalti berkaitan mengenakan fi yang lebih tinggi daripada yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, memberi maklumat palsu dan pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan akta dan peraturan yang dibuat di bawahnya. Penalti bagi kesalahan-kesalahan ini ialah denda tidak melebihi RM50,000 ataupun penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Perkara 32, Jadual Pertama rang undang-undang ini, memperuntukkan jenis dan jumlah fi yang dikenakan. APS dikehendaki membayar fi lesen dan fi proses kepada Jabatan Tenaga Kerja. APS boleh mengenakan fi pendaftaran kepada pencari kerja dan fi penempatan daripada pencari kerja dan pekerja bukan warganegara. Penetapan kadar fi dalam Jadual memudahkan Menteri menentukan kadar yang sesuai mengikut keperluan semasa.

Perkara 33, Jadual Kedua rang undang-undang ini, memperuntukkan kategori lesen, modal berbayar, wang jaminan dan wang jaminan untuk menubuhkan cawangan baru. Perwujudan kategori lesen memberi pilihan kepada pemohon lesen untuk menjalankan perniagaan APS mengikut jenis penempatan pekerjaan. Ini merupakan permintaan *stakeholders*, dengan izin, semasa sesi konsultasi diadakan. Tiga kategori lesen yang boleh dipohon adalah seperti berikut:

- (i) Lesen A ialah untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam Malaysia;
- (ii) Lesen B untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam dan di luar Malaysia dan pekhidmat domestik asing di dalam Malaysia; dan
- (iii) Lesen C untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam dan luar Malaysia dan pekerja bukan warganegara di dalam Malaysia.

Perkara 34, kadar modal berbayar dan wang jaminan yang berbeza ditetapkan bagi setiap kategori lesen yang mana penempatan pekerjaan di luar negara atau yang melibatkan pekerja bukan warganegara dikenakan modal berbayar dan wang jaminan yang lebih tinggi kerana lebih berisiko kepada pelanggaran APS. Kategori lesen ini juga menggantikan sistem endorsan yang sebelum ini diperlukan untuk penempatan pekerjaan di luar negara. Peruntukan-peruntukan yang dinyatakan dalam jadual ini memudahkan Menteri mengubah butiran mengikut keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 35 secara amnya Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2017 menambah baik Akta 246 dengan mempertingkatkan perlindungan kepada pencari kerja, pekerja bukan warganegara dan majikan yang menggunakan perkhidmatan APS.

Perkara 36 liberalisasi ekonomi dalam sektor perburuhan negara, termasuk pematuhan kepada instrumen-instrumen antarabangsa, khususnya Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa, membuka ruang kepada migrasi buruh pada skala yang lebih besar dan lebih mencabar. Perkara ini menuntut perlindungan yang lebih baik kepada pencari kerja, pekerja bukan warganegara dan majikan untuk mencegah eksploitasi dan penipuan.

Oleh yang demikian, rang undang-undang ini digubal supaya pengawal seliaan dan pemantauan aktiviti APS dapat dijalankan dengan lebih telus, teratur dan komprehensif. Penambahbaikan dicadangkan juga dapat membantu melicinkan urusan pentadbiran APS, seterusnya memudah cara aspek menjalankan perniagaan.

Perkara 37 semua bentuk penalti yang dinyatakan dalam rang undang-undang ini bertujuan untuk melindungi pencari kerja, pekerja bukan warganegara dan majikan daripada sebarang ketidakadilan serta membolehkan mereka mendapatkan hak di bawah undang-undang. Selain itu, ia bertujuan mencegah aktiviti merekrut tanpa lesen yang sah dan memastikan APS menjalankan aktiviti mengikut prosedur-prosedur tertentu bagi memudahkan urusan pentadbiran, pemantauan dan penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, perkara 38, akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama yang tidak berbelah bahagi dalam menjayakan Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2017, khususnya kepada Yang Berhormat Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Berbahagia Tan Sri Peguam Negara serta pegawai-pegawai beliau dan semua pihak yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

■1640

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:

Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya berbahas?

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sekejap. Saya hendak beritahu- sesiapa yang hendak mengambil bahagian, boleh hantar surat ya. Saya terima lagi. Sila, yang pertama sekali, Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Dipersilakan.

4.41 ptg.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum*, salam negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi saya mula-mula lagi.

Pertamanya, terima kasih kepada kerajaan dan kementerian kerana membuat pindaan ini, semakin baik dan begitu positif, menguntungkan negara dan juga pekerja asing, pekerja dalam sektor swasta. Sebenarnya dalam perkara ini, memang betul-betul, negara hendak maju mesti kita lahirkan pekerja yang mahir dan separuh mahir yang boleh buat kerja dan memberi penambahbaikan kepada pekerja-pekerja di sektor awam dan juga swasta.

Cuma, satu perkara saya tengok dalam meniaga di Malaysia ini, kalau berlesen yang halal ini kurang menguntungkan. Kebanyakan yang haram itu yang menguntungkan. Jadi saya hendak cadangkan kepada Kementerian Sumber Manusia supaya memastikan semua *company* atau syarikat ini berdaftar dengan kerajaan sebab kebanyakannya syarikat ini tidak berdaftar dengan kerajaan. Dia swasta tetapi tidak berdaftar. Pkerjanya ramai dan apabila tidak berdaftar, tentunya pkerjanya tidak terbelas.

Contohnya, kalau di Kelantan khususnya di Rantau Panjang, kebanyakan pkerjanya daripada Thailand, orang Malaysia tidak mahu buat kerja. Tukang rumah. Dia tauke kepada pkerja. Ada rumah itu dua, tiga puluh buah dia buat tetapi pkerjanya ramai dan tentunya pkerjanya tidak terbelas, tidak dibela. Jatuh atas rumah, patah betis, patah tulang belakang, tidak ada apa-apa insurans, tidak ada apa-apa ganti rugi.

Saya nak cadangkan kepada Kementerian Sumber Manusia supaya memantau perkara ini, biar semua tauke-tauke syarikat yang tidak berdaftar ini supaya daftar. Kalau seorang dua, tidak mengapa bekerja. Ini sampai berpuluh-puluh pkerja tapi tidak didaftar. *If anything happen*, dengan izin, kepada pkerja, jatuh atas rumah kah, terjatuh dalam longkang kah, kaki masuk dalam lubang kah, masuk hospital, patah. Tidak ada pembelaan. Jadi saya minta pihak kementerian supaya pantau perkara ini, biar nasib pkerja swasta ini terbelas dan dapat dibela apabila dia menghadapi sebarang musakat semasa bekerja. Yang berdaftar ini saya tengok jarang, tidak ramai. Yang banyaknya yang tidak berdaftar. Yang untungnya tauke. Yang tidak terbelanya pkerja. Jadi saya minta dan saya

cadangkan kepada pihak kementerian supaya pantau perkara ini, biar semua berdaftar, walaupun kecil dia berniaga, supaya hidup pekerjaanya terbela apabila menghadapi sebarang kesukaran.

Begitu juga dengan gaji. Kadang-kadang tidak dibayar. Kalau ini berlaku, ia tidak memberi *mileage* kepada Kerajaan Barisan Nasional. Ini dekat dengan pilihan raya ini. Kalau boleh, pantau. Biar pekerja terbela. *Insyallah*, sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional dalam pilihan raya yang dijangka tahun hadapan ini akan terbela. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kita silakan pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun. Dipersilakan.

4.45 ptg.

Puan Hajah Azizah binti Haji Harun: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan sekalung tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri di atas pembentangan rang undang-undang bagi meminda Akta Agensi Pekerja Asing 1981.

Secara ringkasnya, saya ingin memohon penjelasan Yang Berhormat Menteri tentang bagaimanakah penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan yang lebih berintegriti dan cekap dilakukan terhadap kes-kes diskriminasi oleh syarikat agensi pekerja asing yang mengeksploitasikan media sosial bagi merekrut pencari pekerjaan tempatan untuk bekerja di luar negara? Ini kerana didapati terdapat banyak kes-kes pencari kerja dianiaya atau dijadikan keldai pengedaran dadah dalam sindiket pengedaran dadah antarabangsa.

Oleh yang demikian, saya memohon sedikit penjelasan dari Yang Berhormat Menteri tentang perincian yang diperuntukkan dalam fasal 24 pindaan akta ini. Kita memerlukan usaha bersepadu untuk menangani iklan-iklan pekerjaan luar negara melalui media sosial agar kes-kes penipuan kerja yang menawarkan pekerjaan yang salah di sisi undang-undang dapat dielakkan. Saya mohon menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ada lagi sesiapa hendak bercakap? Saya buka lagi.

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

4.47 ptg.

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia kerana membentangkan rang undang-undang ini bagi meminda Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta iaitu pindaan tahun 2017.

Kita mengharapkan bahawa pindaan ini akan mewujudkan satu tatacara dan tata amalan kawal selia bersepadu kepada agensi pekerjaan swasta yang menawarkan perkhidmatan pengantaraan antara majikan dan bakal pekerja ataupun menyediakan sumber tenaga pekerja kepada majikan ataupun sesuatu industri supaya dapat diperkasakan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, ada beberapa persoalan yang ingin saya kemukakan untuk kita memantapkan dan menambahbaikkan lagi akta ini. Pertama, bagaimanakah kita hendak mengawal integriti sesebuah agensi pekerjaan swasta bila mana mereka mengumpul data-data peribadi mereka yang memohon pekerjaan menerusi APS ini? Jadi macam manakah agensi-agensi ini, bila dapat dokumen-dokumen seperti ini, sekiranya mereka itu tidak bertanggungjawab? Mereka boleh menggunakan sijil ataupun salinan sijil seperti diploma, *degree* ataupun sijil kompetensi bagi diguna pakai oleh syarikat-syarikat lain yang diambil daripada maklumat APS ini untuk mereka mendaftar dengan agensi-agensi pekerjaan yang mengeluarkan lesen-lesen pendaftaran seperti CIDB, Pusat Khidmat Kontraktor ataupun mana-mana agensi kewangan yang lain.

■1650

Macam manakah kerajaan hendak mengawal APS ini supaya mereka mempunyai integriti supaya maklumat pekerja yang mereka miliki tidak dibocorkan ataupun disalah guna ataupun diserahkan kepada pihak ketiga. Kita lihat kadang-kadang ada syarikat-syarikat yang hendak *apply* CIDB misalnya mereka kalau berada di satu misalnya hendak mendaftar untuk Gred G4, J5 dan sebagainya mereka perlu *engineer* dan sebagainya.

Jadi kalaulah mereka menggunakan maklumat-maklumat ini untuk mendaftar sijil-sijil yang ada di dalam simpanan APS ini untuk digunakan oleh pihak ketiga bagi mendaftar kepada CIDB, PKK dan sebagainya. Ini sebagai contoh. Jadi apakah langkah yang boleh diambil oleh kementerian untuk menyekat ataupun mengambil tindakan bagi mendakwa APS seperti ini yang telah melanggar integriti yang telah diamanahkan kepada mereka. Oleh itu saya ingin mendapat kepastian macam mana perkara ini tidak dapat diselewengkan oleh APS ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri saya juga ingin memastikan bahawa akauntabiliti agensi pekerjaan swasta yang merekrut pekerja-pekerja domestik untuk bekerja di sektor pekerjaan luar negara. Macam manakah kerajaan perlu memastikan bahawa tawaran yang ada di luar negara itu sah dan tidak mendatangkan musibah dan pelanggaran syarat dari segi visa kerja dan sebarang ketetapan perundangan negara di mana pekerja itu hendak dihantar bekerja.

Jadi saya banyak mendengar bahawa ada bila pekerja kita sudah sampai ke negara asing dihantar melalui APS seperti ini mereka menghadapi kes-kes penipuan dan syarat-syarat pekerjaan tidak begitu baik. Akhirnya pekerja-pekerja ini merasakan bahawa mereka tertipu dan ingin hendak kembali balik ke negara kita sendiri. Macam mana kementerian boleh memantau keadaan seperti ini. Seterusnya saya juga merasakan bahawa apabila kita melihat tadi ada disebut lesen dan sebagainya saya rasa tidak ada sekatan had bagi sesebuah APS itu sebanyak manakah mereka boleh *hold* bilangan pekerja. Jangan mereka menyimpan merekrut banyak-banyak tetapi tidak ada sekatan oleh kerajaan untuk mereka dalam *quantum*.

Jadi kerajaan mesti menghadkan melihat macam mana supaya APS itu tidak sewenang-wenangnya hendak merekrut pekerja dan akhirnya kadang-kadang timbul yang mereka direkrut itu tidak memperoleh pekerjaan. Jadi perkara ini mestilah dilihat oleh kerajaan bagi kita menambahbaikkan lagi akta ini. Saya rasa tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ada hendak memodenkan APS dan saya melihat apakah ada caranya pendaftaran dibuat secara *online* ataupun elektronik dan sebagainya.

Jadi itu sahaja yang hendak saya sentuh tentang rang undang-undang ini saya sekali lagi menyatakan di sini bahawa saya menyokong penuh rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

4.55 ptg.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2017. Pertama sekali saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib kerana telah membentangkan Rang Undang-undang Akta Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2017. Harapan saya, dengan pindaan ini kerajaan akan bertindak dengan lebih tegas terhadap isu-isu semasa, diskriminasi dan juga sikap tidak bertanggungjawab agensi pekerjaan swasta dalam mengeksploitasi pencari kerja sama ada pekerja warganegara tempatan atau bukan warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini kebanyakan majikan, sama ada dari sektor pekerjaan domestik dan sektor pekerjaan global di luar negara mereka lebih cenderung untuk menggunakan perkhidmatan agensi pekerjaan swasta sebagai syarikat pengantara atau *talent matching agencies*, dengan izin, untuk mendapatkan pekerja yang bersesuaian dengan institusi dan bidang kerjaya yang dikehendaki majikan. Persoalan yang ingin saya kemukakan kepada kerajaan adalah mengenai syarat had modal berbayar dan jumlah wang jaminan yang disyaratkan kepada syarikat agensi pekerjaan yang ditetapkan sebagaimana ianya diperuntukkan dalam Jadual Kedua yang merangkumi ketetapan yang digariskan dalam seksyen 8, 9, 11 dan 13.

Persoalan yang saya juga ingin kemukakan apakah kerajaan telah membuat satu perkiraan yang amat wajar bahawa syarat modal berbayar minimum RM250,000 dan wang jaminan RM250,000 bagi pengeluaran lesen jenis 'C' sekiranya kita bandingkan jumlah bilangan pencari kerja yang dikendalikan atau kita mengambil kira jumlah pekerja asing yang dibekalkan oleh agensi ini melebihi 250 orang pada satu-satu masa. Rasionalnya saya mengemukakan persoalan ini adalah berdasarkan pengalaman dan pemerhatian saya wang jaminan sebanyak RM250,000 ini tidak mencukupi jika jumlah pekerja asing yang dibekalkan yang ramai akan meningkatkan dedahan risiko dan perbelanjaan tambahan yang mungkin akan ditanggung kerajaan apabila berlaku penggulangan syarikat agensi pekerjaan asing.

Justeru saya memohon agar kerajaan melihat semula syarat dan ketetapan nilai wang jaminan yang perlu dikenakan terhadap agensi pekerjaan yang mengendalikan jumlah pemerekrutan melebihi 150 orang. Ini bagi mengelakkan kerajaan terpaksa menanggung beban kewangan dan akan berlaku keadaan luar kawalan terhadap pekerjaan asing dan risiko ini terpaksa dipertanggungjawabkan kepada kerajaan apabila berlaku risiko syarikat agensi pekerjaan digulung. Saya menyokong pindaan akta ini dan harapan saya semoga pindaan yang dibuat bakal menambahbaikkan perundangan statutori sedia ada dan memanfaatkan industri pekerjaan negara dan global. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Ahli Yang Berhormat saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.59 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya bagi pihak Kementerian Sumber Manusia, Menteri dan seluruh warga Kementerian Sumber Manusia mengucapkan jutaan terima kasih banyak kepada empat orang Yang Berhormat Ahli Senator yang telah mengambil bahagian mengemukakan cadangan-cadangan yang cukup baik untuk kita mengemaskinikan dari semasa ke semasa Rang Undang-undang Akta Agensi Pekerjaan Swasta ini.

■1700

Pandangan-pandangan ini cukup berfaedah untuk kementerian dan kerajaan bagi kita memastikan supaya bukan sahaja APS itu akan melaksanakan tanggungjawab mereka dengan jujur dan penuh kredibiliti tetapi kita menyelamatkan pekerja-pekerja tempatan di dalam negara dan juga pekerja tempatan yang keluar negara untuk mencari pekerjaan untuk sara hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi terus kepada antaranya Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhailidan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

Saya pergi yang pertama- Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, untuk makluman syarikat-syarikat yang menggaji pekerja bukan merupakan Agensi Pekerja Swasta. Maknanya yang menggaji pekerja-pekerja biasa ini bukan Agensi Pekerja Swasta. Agensi Pekerjaan Swasta yang dimaksudkan di bawah rang undang-undang ini merupakan agensi yang merekrut pekerja yang diperlukan oleh majikan. Maknanya majikan yang ada di negara kita mengambil pekerja itu, dia tidak dipanggil Agensi Pekerjaan Swasta.

Majikan yang menjalankan perniagaan perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan bukannya dengan Jabatan Tenaga Kerja. Pekerja-pekerja yang digaji oleh majikan sektor swasta adalah dilindungi oleh Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67), dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76). Bagi pekerja tempatan yang ditimpa kemalangan dilindungi Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan 1969. Manakala pekerja asing dilindungi di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952.

Sihat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, okey Datuk? Saya berterima kasih kerana keprihatinan Yang Berhormat termasuklah mungkin penyelewengan diperlakukan oleh syarikat-syarikat termasuklah mungkin Agensi Pekerjaan Swasta ini yang mengambil pekerja-pekerja luar yang secara haram dan sebagainya. *Insya-Allah* kita akan berikan perhatian termasuklah menguatkuasakan undang-undang yang telah dipersetujui...

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, sekejap. Boleh mencelah sedikit?

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Okey.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Sebab ini untuk penambahbaikan. Saya hendak cadangkan kementerian supaya benda ini diuar-uarkan ke kawasan-kawasan luar bandar sebab banyak pekerja-pekerja ini mereka tidak tahu bila mereka diambil bekerja di syarikat swasta itu, mereka

ingat berdaftar, rupanya tidak berdaftar, orang-perseorangan- supaya biar dia daftar, supaya pekerja swasta itu bila berlaku sebarang insiden yang tidak diingini itu, terbela. Kadang-kadang mereka tidak tahu, memang tauke itu dia ambil pekerja itu sekadar mahu untung sahaja. Sebab kalau ambil pekerja tak payah bayar EPF, jadi untung banyak. Jadi biar ada kesedaran di samping untung dan juga pekerja itu juga biar terbela jika berlaku sebarang perkara atau kecelakaan dalam masa dia bekerja dengan syarikat itu. Uar-uarkan supaya biar berdaftar. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim atas pandangan. Memang pandangan itu cukup baik.

Sebenarnya sekarang ini kita ada *JobsMalaysia* yang mana kita mendaftarkan pekerja-pekerja yang kita buat *roadshow* dari masa ke semasa secara kolaborasi dengan kementerian dan jabatan-jabatan lain untuk mendapatkan pekerjaan. Melalui *Job Fair* ini kita menjemput majikan-majikan yang berdaftar dengan kita- berdaftar dengan kerajaan dengan kementerian dan syarikat-syarikat ini memang terlindung ataupun tertakluk kepada undang-undang akta kerja yang ada di negara kita.

Oleh sebab itulah saya juga minta supaya pekerja-pekerja ini jangan mudah umpamanya ada yang berlaku ke luar negeri. Kadang-kadang dengar sahaja cerita, seronok, gaji besar tetapi akhirnya ditipu seperti mana yang disuarakan oleh sebahagian Yang Berhormat Senator. Tak apa, Yang Berhormat, saya akan ambil itu sebagai perhatian untuk tindakan kementerian kita dan kita akan buat *roadshow* ke mana-mana bagi kita memperluaskan lagi kesedaran masyarakat terutamanya anak-anak muda kita dalam mencari pekerjaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke yang kedua iaitu Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun yang menimbulkan lebih kurang isu yang sama, mengelakkan eksploitasi ke atas pekerja terutama melibatkan iklan pekerjaan di luar negara. Mana-mana pencari kerja yang mendapat tawaran pekerjaan bekerja di luar negara melalui APS di Malaysia boleh membuat semakan melalui Jabatan Tenaga Kerja untuk mengenal pasti sama ada APS berkenaan beroperasi secara sah atau sebaliknya. Tadi semasa saya bantangkan undang-undang ini kita telah pertingkatkan termasuklah kalau palsu ada tindakannya, ada penaltinya, ada undang-undangnya. Kalau katalah dia memindahkan lesen itu ataupun yang diperoleh, ada undang-undangnya. Saya telah pun sebutkan tadi.

Setiap APS yang membuat aktiviti merekrut pekerja ke luar negara hendaklah berdaftar di bawah akta ini dengan syarat-syarat tertentu termasuklah menyediakan sejumlah wang jaminan seperti mana yang ditetapkan dalam akta ini. Wang jaminan yang didepositkan oleh APS boleh digunakan oleh Ketua Pengarah untuk menampung kos yang terlibat bagi membantu pekerja, majikan yang menjadi mangsa kepada kegagalan APS menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Contohnya bagi menampung kos bagi tujuan penghantaran balik, menyediakan tempat tinggal, makan dan minum pencari kerja yang terpedaya. Kuasa Ketua Pengarah untuk menggunakan wang jaminan ini diperuntukkan dalam cadangan seksyen baharu 14D. Ini Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah antara tindakan yang kita ambil terhadap mereka yang teraniaya.

Soalan berikutnya ialah bagaimana data peribadi pekerja akan dilindungi? Data-data peribadi pencari kerja dilindungi di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Jabatan Tenaga Kerja akan memastikan segala maklumat pencari kerja dilindungi di bawah akta tersebut.

Berikutnya ialah yang ketiga daripada Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili. Saya juga mengucapkan terima kasih banyak atas pandangan yang cukup baik daripada Yang Berhormat. Banyak pandangan yang boleh kita ambil dan boleh kita kemaskan dalam kita melaksanakan tanggungjawab ini termasuklah daripada membanyakkan jadual penguatkuasaan, pemeriksaan berjadual kepada syarikat-syarikat yang didaftarkan sebagai APS ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, tidak timbul isu untuk mengehadkan bilangan pekerja yang ingin direkrut oleh sesebuah APS. Maknanya kita tidak ada batasan. Ini kerana pencari kerja bebas untuk memilih untuk berdaftar dengan mana-mana APS. Pekerja seharusnya menyemak terlebih dahulu APS yang sah di laman web Jabatan Tenaga Kerja atau hadir ke mana-mana cawangan Jabatan Tenaga Kerja untuk membuat semakan. Kita ada di setiap negeri, Jabatan Tenaga Kerja. Jadi kita minta supaya termasuk Ahli Yang Berhormat sekalian dan juga pencari-pencari kerja supaya mereka merujuk kepada kementerian kita di Jabatan Tenaga Kerja bagi mendapatkan APS yang sah dan telah berdaftar.

Tiada kewajipan untuk pekerja Malaysia mendaftar bekerja di luar negara. Namun sekiranya rakyat Malaysia menghadapi masalah penggajian, boleh menghubungi Atase Buruh di bawah Kementerian Sumber Manusia atau pejabat Kedutaan atau suruhanjaya. Maknanya pekerja kita hendak ke luar negara tidak ada syarat untuk mereka berdaftar. Kadang-kadang pilihan sendiri Yang Berhormat ya. Kita pernah dengar di Australia dan sebagainya. Namun demikian kita mempunyai Atase Buruh di beberapa negara India, Singapura, Indonesia dan sebagainya dan Atase Buruh ini boleh dijadikan tempat rujukan. Maknanya pekerja kita di sana boleh merujuk kepada Atase Buruh ini di negeri berkenaan. Begitu juga kepada pejabat-pejabat kedutaan besar negara kita di negara-negara yang lain yang tidak ada Atase Buruh. Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili. *Insyah-Allah* saya akan ambil pandangan-pandangan yang baik itu untuk kita kemaskan.

Keempat, terakhir ialah daripada Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad yang juga mengucapkan terima kasih di atas pembentangan rang undang-undang ini dan terima kasih atas pandangan dan *insya-Allah* kita akan pastikan supaya pekerja kita selamat diambil bekerja dan ditingkatkan kemahiran mereka dan kita tidak melahirkan Agensi Pekerjaan Swasta yang menzalimi dan mengkhianati pekerja-pekerja. Untuk makluman Yang Berhormat, dengan pindaan baharu rang undang-undang ini kerajaan mengambil berat dalam sebarang pelanggaran dan sikap tidak bertanggungjawab APS yang mengeksploitasi pencari kerja.

■1710

Dengan meningkatkan jumlah penalti daripada maksimum RM5,000 kepada RM200,000 bagi setiap kesalahan, pindaan juga dibuat supaya tindakan kompaun juga boleh dikenakan terhadap APS. Jadi Yang Berhormat Senator Hajah, terima kasih. Saya ingat kalau berani lakukanlah, APS lakukanlah. Andai kata anda tertangkap maka RM200,000 mungkin sepanjang hayat untuk anda makan akan hilang begitu sahaja. Terima kasih.

Perkara berikut yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah ialah di bawah seksyen 14C, rang undang-undang menetapkan bahawa APS perlu mendepositkan wang jaminan kepada Ketua Pengarah mengikut kategori lesen yang dinyatakan dalam Jadual Kedua. Wang jaminan yang didepositkan oleh APS tersebut boleh digunakan oleh Ketua Pengarah untuk

menampung kos-kos yang berkaitan dengan membantu pencari kerja, pekerja bukan warganegara dan majikan yang menjadi mangsa kepada kegagalan APS menjalankan tanggungjawabnya.

Kuasa Ketua Pengarah untuk menggunakan wang jaminan ini diperuntukkan dalam cadangan seksyen baru 14D. Bagaimanapun jumlah wang jaminan yang digunakan tersebut hendaklah ditambah semula oleh APS berkaitan bagi memastikan jumlah wang jaminan pada satu-satu masa adalah RM250,000 bagi lesen kategori 'C'. Yang Berhormat Senator, sebenarnya kita masih lagi mempunyai sifat kemanusiaan untuk mengenakan penalti kepada APS ataupun syarikat-syarikat yang mencari pekerja. Sebab itulah kita hendak supaya kefahaman, *understanding* dan ciri kemanusiaan itu bukan sahaja ada pada kita, di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan sebagainya, tetapi kita hendak juga majikan-majikan yang mencari pendapatan melalui pencarian kerja ini menggunakan sifat kemanusiaan mereka, sebab itulah kita letakkan RM250,000. Akan tetapi kalau tidak cukup juga kita akan minta supaya mereka tambah.

Setiap kali berlaku pelanggaran yang membolehkan Ketua Pengarah menggunakan wang tersebut bagi menampung kos-kos yang berkaitan, APS hendaklah mencukupkan wang jaminan tersebut sebagaimana yang telah ditetapkan di Jadual Kedua, Rang Undang-undang Akta Pekerjaan Swasta Yang Berhormat, ini jelas ya. Oleh itu, tidak akan timbul isu ketidakcukupan wang jaminan bagi menampung kos yang menyebabkan kerajaan perlu menanggung perbelanjaan yang berkaitan. Sekiranya berlaku penggulungan syarikat, pekerja yang telah dibekalkan bukan lagi menjadi tanggungjawab APS tetapi menjadi tanggungjawab majikan yang mengajikan pekerja berkenaan.

APS atau Akta Agensi Pekerjaan Swasta tidak boleh menjadi majikan kepada pencari kerja. Dalam keadaan berlaku penggulungan majikan yang mengajikan pekerja berkenaan, apa-apa kos yang perlu dibayar kepada pekerja adalah menjadi tanggungjawab majikan atau pengurus, penerima. Dalam apa juga keadaan tanggungjawab majikan yang mengajikan pekerja tidak akan dipertanggungjawabkan kepada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahajalah jawapan saya kepada empat soalan. Walaupun banyak soalnya tetapi empat orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberikan respons yang cukup baik kepada Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta ini dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih bagi pihak Menteri dan Kementerian Sumber Manusia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab dengan padat, ringkas dan tepat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 36 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi (Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN AWAM DARAT (PINDAAN) 2017

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.18 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kita sering mendengar rintihan para pemandu teksi berhubung isu-isu kebajikan dan cabaran-cabaran yang dihadapi mereka dan pada masa yang sama kita juga mendengar rungutan pengguna terhadap tahap kualiti perkhidmatan teksi. Kerajaan mengambil serius kesemua perkara ini dalam mencari penyelesaian yang adil kepada semua pihak dan mengubah senario industri teksi tempatan kepada yang lebih baik, kajian yang mendalam telah dilaksanakan bagi mengenal pasti isu-isu yang membelenggu industri teksi di Malaysia.

Dalam hal ini Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat ataupun SPAD, selepas ini saya rujuk sebagai Suruhanjaya telah melaksanakan satu makmal khusus bagi mengenal pasti isu-isu dan permasalahan yang dihadapi oleh pemain industri teksi. Makmal berkenaan telah melibatkan semua *stakeholders*, dengan izin, yang berkenaan termasuk pemandu teksi sendiri, agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat teksi dan badan-badan bukan kerajaan ataupun NGO.

Hasil daripada makmal berkenaan telah melahirkan Program Transformasi Industri Teksi ataupun TITP yang menyenaraikan 11 inisiatif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan teksi dan pada masa yang sama memberi fokus yang khusus terhadap keperluan dan kebajikan pemandu teksi. Antara tumpuan utama program-program yang akan dilaksanakan adalah pengeluaran lesen ataupun permit individu baru kepada pemandu-pemandu teksi sedia ada yang layak. Bagi membantu para pemandu teksi ini beralih daripada sistem pajak sedia ada, kerajaan akan menyalurkan bantuan geran tunai berjumlah RM5,000 kepada individu yang layak bagi membantu mereka di peringkat awal pembelian kenderaan baru sebagai teksi mereka.

Para pemandu akan turut mempunyai pilihan jenama dan model kenderaan yang lebih luas dan yang dirasakan sesuai dengan kelas penumpang yang disasarkan serta kos operasi mereka dan pada masa yang sama keselamatan penumpang dapat dipertingkatkan dengan penggunaan kenderaan yang mematuhi keperluan minimum Tiga *Star*, *safety rating* di bawah *ASEAN New Car Assessment Program* ataupun NCAP.

■1720

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan memastikan terma-terma kontrak dalam sistem pajak teksi akan ditambah baik dengan tumpuan diberikan kepada kebajikan pemandu. Terma-terma minimum di dalam kontrak pajak teksi akan dikawal selia bagi memastikannya tidak berat sebelah dan melindungi kedua-dua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan teknologi telah membawa evolusi dalam perkhidmatan teksi di serata dunia. Kemunculan modul perniagaan baru digandingkan dengan penggunaan teknologi disambut baik di kalangan pengguna untuk mendapatkan teksi pada hari ini.

Oleh yang demikian, kemajuan dan kelebihan teknologi perlu dipergunakan sepenuhnya oleh industri ini bagi memberi manfaat bersama kepada pengguna dan pemandu. Trend kaedah mendapatkan teksi telah berubah selari dengan arus pemodenan. Dapatan kajian menunjukkan lebih 50 peratus pengguna teksi di Malaysia menggunakan *Mobile Apps* untuk mendapatkan perkhidmatan teksi. Manakala hanya 14 peratus daripada pemandu teksi cenderung untuk menggunakan *Mobile Apps* untuk mendapatkan penumpang. Ini jelas menunjukkan terapat jurang yang besar antara permintaan dan tawaran melalui penggunaan *Mobile Apps* ini.

Justeru perkhidmatan *e-hailing* tidak harus dilihat sebagai singanya kepada kaedah operasi teksi konvensional tetapi harus digunakan sebagai peluang kepada para pemandu teksi serta pelengkap dalam mengimbangi tawaran perkhidmatan dan trend pasaran.

Oleh demikian adalah wajar untuk perkhidmatan *e-hailing* iaitu aktiviti-aktiviti tempahan perkhidmatan teksi atas talian melalui aplikasi pintar ataupun mudah alih dibenarkan beroperasi sebagai perkhidmatan perantara, tertakluk kepada peruntukan dan seliaan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kawal selia ini adalah untuk memastikan penggunaan teknologi membawa kesan yang positif bukan sahaja pemandu teksi, pemandu kenderaan *e-hailing* dan penumpang, malah memberi ruang kepada usahawan tempatan yang berminat untuk menerokai peluang dalam industri ini melalui pembangunan sistem aplikasi tempatan. Namun, rangka kerja sedia ada di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 iaitu Akta 715, tidak memadai bagi mengawal selia perkhidmatan *e-hailing*.

Oleh yang demikian, kemasukan peruntukan-peruntukan baru berkenaan perkhidmatan *e-hailing* adalah perkara pertama yang dicadangkan dalam pindaan rang undang-undang ini agar ia dapat dikawal selia oleh suruhanjaya. Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 2 adalah berkenaan dengan depot kontena. Pada masa ini, hanya depot kontena di dalam premis pelabuhan, dengan izin, *in dock* dikawal selia di bawah undang-undang berkaitan sedia ada. Namun, tiada peruntukan sedia ada yang membolehkan depot kontena yang berada di luar premis pelabuhan ataupun, dengan izin, *off dock*.

Oleh yang demikian, cadangan pindaan dilakukan kepada tafsiran terminal di bawah Akta 715 agar depot kontena dapat dikawal selia oleh suruhanjaya. Di samping itu, tafsiran terminal dalam pindaan ini turut diperluaskan kepada kaunter perkhidmatan dan kaunter tiket pengangkutan awam, iaitu pengangkutan awam darat agar pemantauan standard perkhidmatan ke atas kaunter perkhidmatan dan kaunter tiket tersebut dapat dilakukan.

Terakhir sekali, beberapa peruntukan sedia ada di bawah Akta 715 dicadangkan pindaan agar kawal selia pengangkutan awam darat dapat dijalankan dengan lebih efektif dan berkesan. Justeru

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan 2017) yang dicadangkan ini keseluruhannya mengandungi 32 fasal.

Antara fasal pertama adalah, pertama fasal 2 yang bertujuan meminda seksyen 2, Akta 715 untuk memasukkan tafsiran baharu iaitu perniagaan perantaraan dan untuk meminda takrif tertentu yang sedia ada.

Kedua, fasal 3 bertujuan untuk memasukkan Bab 2A, Bahagian II baharu untuk mengawal selia pelesenan perniagaan perantaraan.

Ketiga, fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 21, Akta 715 untuk memperluaskan kuasa. Kuasa suruhanjaya untuk membenarkan permohonan untuk pengendali berlesen bagi kenderaan perkhidmatan awam untuk memasukkan perubahan sementara kepada penggunaan kenderaan pelancongan.

Keempat, fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 34, Akta 715 untuk meluaskan ruang lingkup pengelasan dan penomboran laluan bas kepada semua kelas kenderaan perkhidmatan awam.

Kelima, fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 51, Akta 715 untuk mengadakan peruntukan bagi kehendak bagi maksud lesen pengendali.

Keenam, fasal-fasal 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16 dan 29 merupakan pindaan yang dicadangkan berbangkit daripada pemasukan Bab baru 2A, Bahagian II untuk mengawal selia pelesenan perniagaan perantaraan.

Ketujuh, fasal 18, 19, 21, dan 22 bertujuan untuk meminda masing-masing seksyen 200, 210, 230 dan 237, Akta 715 berbangkit daripada pemasukan Bab baharu 2A, Bahagian II untuk mengawal selia pelesenan perniagaan perantaraan. Perenggan 200(b) Akta 715 yang dicadangkan bertujuan untuk membenarkan suruhanjaya mengambil tindakan terhadap mana-mana orang yang mengamalkan, menggalang atau menghalang seseorang pemegang lesen, pemegang lesen terminal, pemegang lesen perniagaan perantaraan atau pengendali berlesen atau pekerja-pekerjanya.

Kelapan, fasal 23 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 241A, Akta 715 untuk memberi majistret kuasa untuk mengawardkan hukuman penuh bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta 715.

Kesembilan, fasal 24 bertujuan untuk meminda seksyen 245, Akta 715 untuk mengadakan peruntukan bagi cara penyampaian dokumen.

Kesepuluh, fasal 28 bertujuan untuk meminda seksyen 255, Akta 715 berbangkit daripada pemasukan Jadual Ketiga ke dalam Akta 715.

Kesebelas, fasal 30 bertujuan untuk meminda Jadual Pertama untuk memasukkan takrif baru kenderaan *e-hailing*.

Kedua belas, fasal 31 bertujuan untuk memasukkan Jadual baru Ketiga untuk mengadakan peruntukan bagi kategori baru perkhidmatan pengangkutan awam darat di bawah perniagaan perantaraan.

Ketiga belas, fasal 32 bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan dan keempat belas pindaan-pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus merupakan pindaan-pindaan kecil dan berbangkit. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi? Tidak ada ya. Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:

Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis adalah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat, jam di dinding sana tepat pukul 5.30 petang dan saya tangguhkan Mesyuarat hingga esok pagi, 10 pagi, Selasa, 15 Ogos 2017. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.29 petang]